



**MAKLUM BALAS KERAJAAN
TERHADAP LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA 2014**





MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2014



MUKADIMAH

Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 21(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang menyatakan bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) perlu mengemukakan Laporan Tahunan pada Mesyuarat Pertama Parlimen setiap tahun, Laporan Tahunan SUHAKAM ke-14 telah dikemukakan kepada Parlimen pada 25 Mac 2015.

Laporan Tahunan tersebut merangkumi rekod kerja SUHAKAM sepanjang tahun 2014 dan pandangan serta syor tentang pelbagai isu-isu hak asasi manusia di Malaysia. Isu-isu yang dibangkitkan oleh SUHAKAM dalam laporan berkenaan adalah berdasarkan pemerhatian dan laporan daripada kumpulan-kumpulan kerja yang telah ditubuhkan oleh SUHAKAM. Antara isu-isu utama sepanjang tahun 2014 adalah Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli, Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional, kematian di dalam tahanan polis, hak kepada kesihatan di penjara, pendidikan hak asasi di sekolah, alternatif kepada penahanan imigresen terhadap kanak-kanak serta hak asasi manusia dan perniagaan.

Oleh kerana isu-isu yang dibangkitkan melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan, Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan dikehendaki untuk mengambil tindakan susulan dengan meneliti dan mengemukakan maklum balas kepada Laporan Tahunan SUHAKAM. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) merupakan agensi yang bertanggungjawab menyelaras penyediaan maklum balas dari agensi-agensi Kerajaan yang terbabit. Penyediaan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2014 berdasarkan maklum balas-maklum balas yang diterima daripada agensi-agensi berkaitan setakat Mei 2015 bertujuan untuk memaklumkan serta memberi penjelasan mengenai tindakan-tindakan penyelesaian yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan serta kekangan-kekangan yang timbul.

Adalah diharapkan bahawa penyediaan maklum balas Kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM dapat menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan dan kepentingan setiap golongan masyarakat khususnya dari segi memastikan hak asasi rakyat di negara ini terjamin dan terpelihara.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

i	MUKADIMAH
1	ISU-ISU UTAMA
29	BAB 1 – LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
41	BAB 2 – LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI
57	BAB 3 – LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR
103	BAB 4 – LAPORAN PEJABAT SABAH
107	BAB 5 – LAPORAN PEJABAT SARAWAK
125	SENARAI SINGKATAN



ISU-ISU UTAMA

ISU-ISU UTAMA

MUKA SURAT

3	1. Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (Laporan NI)
4	2. Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP)
5	3. Kematian Di Dalam Tahanan Polis
6	4. Hak Kepada Kesihatan Di Penjara
8	5. Pendidikan Hak Asasi Di Sekolah
9	6. Alternatif Kepada Penahanan Imigresen Terhadap Kanak-Kanak
11	7. Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan
17	8. Penilaian Penggalan Sejagat (UPR)
23	9. Kebebasan Berhimpun
24	10. Kajian Semula Undang-Undang

1. LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI (LAPORAN NI)

Tahun ini, Suruhanjaya terus giat mengadakan tindakan susulan dengan pihak berkuasa yang berkaitan berhubung perkembangan Pasukan Petugas Khas, yang ditubuhkan pada Ogos 2013. Suruhanjaya telah menunda aktiviti susulannya untuk membolehkan Pasukan Petugas Khas tersebut untuk berbincang dan merangka strategi dalam merumus satu pelan untuk melaksanakan secara efektif semua syor-syor di dalam Laporan NI demi kepentingan orang Asal. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Laporan Pasukan Petugas ini telah dikemukakan kepada Menteri pada 10 September tetapi malangnya, sehingga akhir tahun 2014, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklumat mengenai laporan tersebut. Suruhanjaya berharap agar Laporan Pasukan Petugas Khas ini akan menerima dan mengesyorkan pelaksanaan sebanyak mungkin, jika tidak kesemuanya, cadangan dan syor-syor di dalam Laporan NI sepertimana yang diperlukan demi kebaikan Orang Asal Malaysia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pasukan Petugas Khas Mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli telah membentangkan hasil kajian Laporan NI dalam sesi taklimat bersama YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta beberapa orang Menteri iaitu YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas pada 9 Februari 2015. Laporan NI juga telah dibentangkan di Kabinet Sabah pada 1 April 2015 dan kepada Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak pada 12 Mei 2015. Pada masa ini, Jabatan Perdana Menteri sedang menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Laporan NI untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Kerajaan Negeri Sabah mengambil maklum syor-syor yang telah dicadangkan oleh Pasukan Petugas Khas dan mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah melaksanakan 'Geran Tanah Komunel' dan memperkukuhkan undang-undang berkaitan dengan Hak Tanah Adat Anak Negeri (Native Customary Rights).

Kerajaan Negeri Sarawak telah meneliti syor-syor jangka pendek dan sederhana dalam Laporan NI dan telah melaksanakan beberapa syor tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sarawak tidak bersetuju dengan syor untuk menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan Untuk Orang Asal/Asli memandangkan terdapat beberapa agensi dan pertubuhan negeri seperti Mahkamah Bumiputera, Mahkamah Sivil dan Majlis Adat Istiadat untuk menguruskan perkara-perkara berkenaan tuntutan tanah oleh Bumiputera serta penguatkuasaan hak tanah dan adat Bumiputera.

Selain itu, Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai bidang kuasa atas perihal tanah dan adat Bumiputera Sarawak berdasarkan Butiran 2, Senarai II dan Butiran 13, Senarai 11A, Jadual 9 dalam Perlembagaan Malaysia. Definisi hak tanah adat Bumiputera (native customary rights land) telah ditetapkan dalam undang-undang negeri Sarawak seperti Kanun Tanah Sarawak 1957, Ordinan Mahkamah Bumiputera 1992 dan Native Customs (Declaration) Ordinance 1996. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk menetapkan satu definisi baru untuk hak tanah adat Bumiputera.

2. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk membangunkan NHRAP yang pertama. Sejak pengumuman pada 2010, Suruhanjaya konsisten dalam menyokong dan menggesa agar pembangunannya dipercepatkan. Pada 2014, Suruhanjaya telah mengemukakan kertas pandangan kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas NHRAP.

Kebimbangan utama yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya kepada Kerajaan adalah berkenaan lima teras utama NHRAP, iaitu hak sivil dan politik; hak ekonomi, sosial dan kebudayaan; hak golongan rentan; hak Orang Asal; dan obligasi antarabangsa, yang mana skopnya terlalu luas, dan seterusnya boleh menjadi satu cabaran kepada Malaysia dalam mencapai kesemua lima Teras mengikut tarikh sasaran. Oleh itu, dalam membangunkan objektif dan strategi bagi setiap Teras, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa kesemuanya adalah realistik, praktikal dan boleh dicapai. Di samping itu, Kerajaan juga perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Konsultasi secara tetap, menyeluruh dan bermakna diadakan dengan pihak berkepentingan di setiap peringkat proses pembangunan;*
- ii. Wakil daripada Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pemandu;*
- iii. Penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia antarabangsa dan syor-syor Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia diutamakan di dalam NHRAP; dan*
- iv. Perincian akhir rancangan tersebut, yang dijadualkan berlangsung pada akhir tahun 2016, dipercepatkan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah melaksanakan kajian awalan NHRAP yang bertujuan untuk menyenaraikan isu-isu hak asasi manusia berdasarkan 5 teras utama NHRAP dengan kerjasama ahli-ahli akademik tempatan. Kajian dasar NHRAP akan mula dilaksanakan pada tahun 2015 dengan mengadakan lebih banyak siri rundingan awam, perbincangan meja bulat (PMB) dan interaksi dengan CSO, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam bagi mendapatkan pandangan dan komen daripada kalangan masyarakat mengenai NHRAP yang bakal dibangunkan. Pandangan dan input daripada pihak SUHAKAM dialu-alukan bagi menjayakan pelan tindakan tersebut.

3. KEMATIAN DI DALAM TAHANAN POLIS

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah menjalankan dua kajian tematik, yang pertama berkenaan insiden kematian dalam tahanan polis dan kedua berkenaan hak kepada kesihatan di penjara.

Kajian pertama didorong oleh jumlah kes kematian dalam tahanan polis yang menjadi kebimbangan masyarakat awam. Berdasarkan statistik yang diberikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), di antara tahun 2000 dan Februari 2014 sebanyak 242 kematian dalam lokap polis telah direkodkan di seluruh Malaysia. Dalam kebanyakan kes, punca kematian yang dilaporkan adalah berkaitan dengan kesihatan seperti serangan asma, HIV/AIDS dan serangan jantung. Sebab-sebab lain termasuklah bunuh diri, maut akibat terjatuh dan pergaduhan antara tahanan. Daripada keseluruhan 242 kes, hanya dua kematian berpunca daripada perlakuan jenayah yang melibatkan polis.

Suruhanjaya telah menjadi saluran untuk ahli keluarga si mati dan kumpulan masyarakat sivil untuk mendapatkan keadilan. Walaupun tiada formula mudah untuk memastikan keselamatan tahanan, Suruhanjaya berpendapat bahawa tanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah pencegahan tidak harus terletak di tangan polis semata-mata dan semua institusi perlu bekerjasama dalam memastikan keberkesanan langkah-langkah pencegahan tersebut.

Dengan itu, dalam tahun yang dilaporkan, Suruhanjaya telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian mengenai kematian dalam tahanan polis.

Kajian tersebut tidak hanya tertumpu kepada hak dan kesihatan tahanan, tetapi ia juga termasuk hak dan kebajikan pegawai dan anggota polis yang terbabit atau berhubung secara langsung dengan tahanan. Aktiviti kajian tersebut merangkumi (i) lawatan ke lokap-lokap di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan (ii) temubual bersama pegawai, anggota polis dan tahanan di lokap. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Untuk meneliti faktor dan punca yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan;*
- ii. Untuk memberi pandangan dan cadangan dalam penambahbaikan di dalam perundangan dan polisi;*
- iii. Untuk menambahbaik dan memperkukuhkan infrastruktur dan fasiliti untuk siasatan yang lebih efektif;*
- iv. Untuk mengenalpasti amalan terbaik di negara-negara lain yang menyumbang kepada pengurangan kematian dalam tahanan; dan*
- v. Untuk membangunkan satu modul latihan berdasarkan hasil penemuan dan syor-syor dalam menyampaikan maklumat yang relevan kepada pihak polis.*

Laporan kaji selidik Suruhanjaya ini, yang dijangka akan siap pada tahun 2015, akan menggariskan punca-punca yang membawa kepada kematian dalam tahanan; pemerhatian dan hasil dapatan Suruhanjaya kepada isu-isu; serta syor-syor yang bersesuaian sebagai langkah untuk mengurangkan kematian dalam tahanan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengalu-alukan sebarang kajian daripada pihak SUHAKAM ke arah penambahbaikan sebarang sistem atau prosedur yang sedia ada. Polis Diraja Malaysia telah mengkaji standard operating procedure (SOP) pengurusan lokap dan sedang dalam proses penambahbaikan.

4. HAK KEPADA KESIHATAN DI PENJARA

Kajian tematik kedua Suruhanjaya, adalah berkenaan hak kesihatan di penjara, yang dijalankan dengan objektif keseluruhan untuk memastikan keadaan penjara di dalam negara ini berasaskan perlembagaan dan konsisten dengan piawaian kesihatan, keselamatan dan martabat kemanusiaan dalam mencapai sistem keadilan jenayah yang menghormati hak-hak individu.

Kajian ini berpandukan Prinsip Asas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan Terhadap Banduan (1990) yang menetapkan bahawa “banduan hendaklah diberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang ada di negara tanpa diskriminasi berdasarkan kepada status perundangan mereka” (Prinsip 9, A/RES/45/111). Metodologi penyelidikan meliputi pengumpulan data yang berkaitan melalui kajian dan penelitian semula amalan dan prosedur penjara yang relevan kepada hak kepada kesihatan. Dalam menjalankan kajian ini, Suruhanjaya telah melawat 24 buah penjara dan menemubual seramai 5,484 orang banduan (lelaki dan wanita), 893 orang kakitangan penjara dan 51 orang pembantu perubatan.

Pada masa ini, data yang dikumpul sedang disusun dan dianalisis. Laporan penuh berkenaan keadaan kesihatan di penjara Malaysia serta syor-syor termasuk amalan terbaik antarabangsa akan diterbitkan pada tahun 2015.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Metodologi kajian yang dipilih oleh SUHAKAM adalah bersesuaian untuk isu hak kesihatan di penjara dan Kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan SUHAKAM dan agensi lain yang terlibat untuk meneliti dan membincangkan hasil kajian yang akan diterbitkan pada 2015 kelak.

Jabatan Penjara Malaysia tidak pernah menghalang banduan untuk mendapatkan sebarang kemudahan rawatan kesihatan sama ada melalui klinik penjara, mahupun dari hospital kerajaan di luar penjara, termasuk rawatan pakar. Status kesihatan penghuni mula direkodkan sebaik sahaja menjalani pemeriksaan kesihatan semasa mula-mula masuk ke penjara.

Selain pemeriksaan kesihatan secara fizikal oleh pegawai perubatan, ujian lain seperti ujian saringan HIV/AIDS, ujian kesihatan mental serta pelbagai ujian psikologi juga dilaksanakan. Langkah ini merupakan SOP yang ditetapkan oleh jabatan agar penghuni yang dikesan mengalami penyakit dapat diberi rawatan dan pemantauan lanjut. Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil beberapa langkah berterusan untuk menambahbaik kemudahan di penjara, antaranya;

- a) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hospital dan juga pejabat kesihatan dalam bentuk kemudahan rawatan, pemeriksaan di penjara, kehadiran pegawai perubatan ke penjara dan lain-lain kemudahan kesihatan;
- b) memperkenalkan perkhidmatan doktor panel yang akan memeriksa dan merawat penghuni penjara;

- c) meluluskan pertambahan perjawatan sejumlah 234 jawatan perubatan untuk penjara yang mula diisi pada tahun 2014;
- d) kajian kesihatan oleh pihak Universiti Malaya (CERiA), pelajar universiti dan juga SUHAKAM dengan objektif untuk meningkatkan kemudahan rawatan kesihatan untuk penghuni;
- e) penubuhan jawatankuasa khas di peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Jabatan Penjara Malaysia bagi menangani isu berhubung penyakit di penjara;
- f) latihan untuk kakitangan mengenai penjagaan kesihatan penghuni;
- g) menyediakan SOP bagi mempercepatkan tindakan memberikan rawatan lanjut kepada penghuni; dan
- h) merancang serta mencadangkan penubuhan medical prison kepada Kerajaan.

5. PENDIDIKAN HAK ASASI DI SEKOLAH

Menyedari bahawa sekolah adalah tempat terbaik untuk menyemai dan memupuk nilai-nilai hak asasi manusia untuk generasi akan datang, Suruhanjaya, bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pada tahun 2008 telah memperkenalkan Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM). Program ATHAM direka untuk mengintegrasikan nilai dan prinsip hak asasi manusia di dalam sistem sekolah, dan ia telah diperluaskan ke 138 sekolah awam dan 93 sekolah Orang Asli pada tahun 2014. Beberapa orang guru telah dilatih sebagai Jurulatih Utama untuk memimpin dan melatih guru-guru lain berkenaan program ini. Suruhanjaya mendapati kebanyakan sekolah di bawah program ATHAM sedikit sebanyak telah berjaya memasukkan program tersebut ke dalam aktiviti sekolah masing-masing.

Walaupun demikian, Suruhanjaya turut menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan program-program, termasuk situasi di mana pentadbir sekolah mempunyai anggapan yang tidak tepat berkenaan program tersebut, koordinator sekolah terlalu sibuk dengan tugas yang menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan program, dan perubahan di dalam struktur hirarki KPM yang menyebabkan kelewatan dalam melaksanakan program tersebut. Di samping itu, Suruhanjaya telah menunda pengembangan program ATHAM di Sabah dan Sarawak ke tahun 2015 berikutan masalah logistik yang dialami oleh KPM.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menyambut baik usaha yang dijalankan untuk memberi pendidikan awal mengenai hak asasi manusia di kalangan pelajar sekolah. Pada tahun 2015 program ATHAM diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak yang mana Seminar ATHAM di Sabah diadakan pada 27 dan 28 Mei 2015, manakala di Sarawak pada 15 dan 16 Jun 2015.

Kerajaan melalui KPM sentiasa komited dalam menguruskan dan menyelaraskan program ATHAM. Kerjasama antara SUHAKAM dan KPM dalam memastikan program ATHAM dilaksanakan di semua sekolah terlibat sentiasa berjalan dengan baik dan lancar.

6. ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN IMIGRESEN TERHADAP KANAK-KANAK

Isu kanak-kanak tanpa penjaga dalam tahanan sering dihadapi oleh kebanyakan negara yang membuka pintu mereka kepada pemohon suaka dan pelarian. Walaupun Malaysia bukan ahli kepada Konvensyen Berkaitan Dengan Status Pelarian 1951, Malaysia masih mempunyai tanggungjawab untuk melindungi hak kanak-kanak pelarian dan pemohon suaka. Tambahan pula, Jawatankuasa berkenaan Hak Kanak-kanak melalui 'Concluding Observations on Malaysia Report' menyatakan bahawa kanak-kanak yang memohon suaka dan pelarian terdedah kepada penangkapan, penahanan dan pengusiran. Penahanan kanak-kanak ini di pusat tahanan juga telah dimuatkan di dalam laporan di atas. Berdasarkan laporan ini, Jawatankuasa tersebut telah menyarankan kepada Kerajaan Malaysia untuk merumus kerangka utama perundangan yang bertepatan dengan piawaian antarabangsa untuk melindungi kanak-kanak pelarian dan yang memohon suaka terutamanya mereka yang tidak mempunyai penjaga. Adalah penting supaya kerangka perundangan ini memberi perlindungan, penjagaan dan layanan kepada kanak-kanak tanpa penjaga yang bertepatan dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) khususnya berkenaan prinsip tiada diskriminasi dan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Semasa lawatan yang telah dilakukan, Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat ramai kanak-kanak tanpa penjaga yang kebanyakannya merupakan pelarian dan pemohon suaka ditahan bersama orang dewasa di dalam sel yang sama. Ini bukan sahaja bertentangan dengan prinsip penahanan berasingan tetapi juga mendedahkan kanak-kanak ini kepada risiko penderaan dan penganiayaan.

Oleh itu, Suruhanjaya melihat keperluan untuk menyokong Kerajaan dalam mengenalpasti dan sekiranya perlu, membangunkan mekanisme untuk memastikan bantuan dan perlindungan yang berkesan diberikan secara sistematik, menyeluruh dan bersepadu bertepatan dengan prinsip ‘kepentingan terbaik kanak-kanak’.

Suruhanjaya dan beberapa pertubuhan masyarakat sivil, di dalam usaha untuk menangani isu ini, sedang mengkaji kaedah lain sebagai alternatif kepada penahanan imigresen terhadap kanak-kanak dan juga melihat kepada amalan terbaik beberapa negara lain.

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah membentangkan cadangan kepada Menteri Dalam Negeri yang telah menyokong inisiatif ini dan Suruhanjaya telah diminta untuk bekerjasama dengan Jabatan Imigresen. Lanjutan daripada ini, satu kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian dan membuat pengesyoran berkenaan model alternatif kepada penahanan imigresen. Ahli kumpulan kerja ini terdiri daripada Jabatan Imigresen, Suruhanjaya, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pertubuhan masyarakat sivil seperti SUKA Society, Yayasan Chow Kit dan International Detention Coalition. Kumpulan kerja ini telah bersetuju untuk melancarkan projek perintis yang mana kanak-kanak tanpa penjaga akan menjadi tumpuan utama projek ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Walaupun Malaysia bukan merupakan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, namun Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) bagi menjamin kebajikan dan perkembangan kanak-kanak pelarian atau pencari suaka. Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23 mengenai ‘Mekanisme Pengurusan Pendatang Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR’ telah mengambil kira isu berkaitan “pelarian” termasuk kanak-kanak tanpa penjaga atau PATI UNHCR yang memegang kad UNHCR yang sah. Sehubungan dengan itu, dasar sedia ada yang membenarkan pelarian mendapat akses kemudahan perubatan di hospital/klinik kerajaan dengan diskaun 50%, vaksinasi percuma kepada kanak-kanak dan pendidikan swasta di sekolah-sekolah komuniti “pelarian” dan UNHCR mencerminkan komitmen Kerajaan kepada konvensyen antarabangsa yang diratifikasi oleh Malaysia khususnya CRC.

Selain itu, Jawatankuasa Tindakan Alternatif Kepada Penahanan Imigresen Terhadap Kanak-Kanak telah ditubuhkan oleh KDN. Setakat ini, beberapa mesyuarat jawatankuasa tersebut telah diadakan dengan kehadiran Kementerian/Jabatan/ Agensi yang berkaitan, antaranya

JKM. Jawatankuasa tersebut antaranya telah memutuskan supaya diwujudkan satu kumpulan kerja untuk mengkaji terma rujukan sertamekanisma pelaksanaan *Alternative to Detention (ATD)* khususnya untuk kanak-kanak yang berada di depoh tahanan.

Namun begitu, syor supaya Malaysia merangka perundangan khusus untuk memberi perlindungan, penjagaan dan layanan terbaik kepada kanak-kanak tanpa penjaga perlu dikaji dengan teliti kerana tindakan tersebut memberi implikasi bahawa Malaysia berhasrat memberi pengiktirafan kepada pelarian. Padahal setakat ini tiada undang-undang yang mengiktiraf pelarian sama ada di bawah Akta Imigresen 1959/1963 atau mana-mana Akta lain.

Oleh yang demikian, UNHCR sebagai organisasi antarabangsa yang bertanggungjawab ke atas kebajikan pelarian khususnya kanak-kanak tanpa penjaga perlu memainkan peranan yang lebih signifikan dengan meningkatkan kapasiti dan kemampuan kewangan supaya semua pelarian di Malaysia dapat dihantar pulang ke negara asal atau penempatan ke negara ketiga secepat mungkin.

Berdasarkan statistik UNHCR di Kuala Lumpur, sehingga 31 Disember 2014, terdapat seramai 151, 469 orang “pelarian” dan pemohon suaka di Malaysia berbanding hanya 140, 982 orang pada tahun 2013. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 10,487 orang dalam tempoh setahun. Peningkatan ini amat membimbangkan Kerajaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan mendapati bahawa usaha UNHCR untuk menghantar “pelarian” dan pemohon suaka pulang ke negara asal atau menempatkan mereka ke negara ketiga amat perlahan. Justeru itu, adalah disyorkan supaya UNHCR menyemak semula prosedur sedia ada bagi memastikan proses tersebut lebih pantas berbanding tahap sedia ada.

7. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN

Pada tahun 2011, Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima pakai Prinsip-Prinsip Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (UNGP). Prinsip ini menggariskan tugas dan tanggungjawab Kerajaan dan perniagaan dalam melindungi, mempromosi dan menghormati hak asasi manusia. Melalui Prinsip ini, syarikat di seluruh dunia telah diberikan mandat untuk menunjukkan bahawa mereka akan menghormati hak asasi manusia melalui operasi atau perhubungan perniagaan mereka.

Walaupun Kerajaan memegang tanggungjawab utama untuk memastikan promosi dan perlindungan hak asasi manusia, syarikat sebagai organ

masyarakat mempunyai tugas untuk mempromosi dan menjaga hak asasi sepertimana yang telah digariskan di dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Pada masa kini, perniagaan tidak akan berjaya menangani isu risiko kepada hak asasi manusia tanpa kerjasama daripada Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Aktiviti perniagaan memberikan impak kepada kehidupan dan hak asasi manusia. Sebagai contoh, aktiviti yang dilakukan oleh syarikat perladangan mungkin akan memberi kesan yang menyeluruh terhadap alam sekitar dan hak asasi manusia Orang Asal yang tinggal dikawasan tersebut. Terdapat banyak contoh perniagaan yang telah mencapai kejayaan melalui hak asasi manusia, tetapi bagaimanakah situasi 'menang-menang' ini dapat dicapai?

Banyak kempen telah dijalankan oleh pertubuhan masyarakat sivil di seluruh dunia untuk memastikan tiada pelanggaran hak asasi manusia oleh sektor perniagaan. Pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan beberapa badan antarabangsa telah merangka pelbagai garis panduan yang berasaskan piawaian hak asasi manusia untuk entiti perniagaan. Pada masa sekarang, terdapat peningkatan di kalangan entiti perniagaan yang mengambil kira hak asasi manusia semasa membuat keputusan berkaitan dengan perniagaan. Syarikat perniagaan yang terkemuka juga telah menjalankan perancangan dan menggunakan mekanisme antarabangsa untuk menangani kesan perniagaan mereka terhadap hak asasi manusia, sebagai contoh untuk menambahbaik kondisi tempat kerja, menghapuskan diskriminasi, menghentikan penggunaan buruh kanak-kanak dan lain-lain. Dengan menyerapkan aspek hak asasi manusia ke dalam aktiviti perniagaan mereka, syarikat dan entiti perniagaan dapat melindungi reputasi dan imej serta meningkatkan produktiviti.

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa di beberapa negara di dunia, pihak Kerajaan seperti di United Kingdom, Denmark dan Belanda, telah memperkenalkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional yang memasukkan prinsip UNGP. Berpanduan kepada keberkesanan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional tersebut, pada tahun 2014, Suruhanjaya dan United Nations Country Team (UNCT) di Malaysia telah bekerjasama di dalam satu projek berkenaan 'Promoting Business and Human Rights in Malaysia for Business Success and Inclusive Growth' dengan tujuan untuk merumus satu pelan tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan untuk Malaysia melalui penerimapaikain UNGP oleh Kerajaan dan pihak-pihak yang terbabit. Projek ini dibiayai oleh Projek Pejabat Luar Negeri dan Komanwel (FCO) dimulakan pada Julai 2014 dan dijangka akan tamat pada Mac 2015.

Untuk mendapatkan maklumat di dalam merangka pelan tindakan tersebut, Suruhanjaya telah merancang beberapa aktiviti utama bagi mendapatkan input dan maklumat terkini berkenaan perniagaan dan hak asasi manusia.

Aktiviti ini termasuklah temuduga dan sesi konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), badan perundangan, badan penguatkuasa, agensi kerajaan yang berkaitan, dan juga NGO. Pelan tindakan bagi Hak Asasi Manusia dan Perniagaan ini dijadualkan siap pada tahun 2015.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum bahawa aktiviti perniagaan boleh memberi impak kepada kehidupan, alam sekitar dan hak asasi manusia. Kesemua aktiviti industri perladangan yang diselia oleh Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) adalah tertakluk kepada perundangan dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi tujuan untuk mengawal selia aktiviti dan operasi yang dijalankan.

Sebagai contoh, aktiviti perladangan kelapa sawit dan projek pembangunan ladang hutan (PPLH) telah mengambil kira aspek alam sekitar menerusi keperluan kajian *Environmental Impact Assessment*(EIA) dan juga hak asasi Orang Asal yang tinggal di kawasan tersebut menerusi sesi konsultasi bersama pihak berkepentingan bagi menjamin hak mereka sentiasa terpelihara.

Selain itu, Kerajaan juga telah terlibat dalam beberapa sesi konsultasi bersama SUHAKAM bagi merangka Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional. Konsultasi ini turut disertai oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk memberikan pendapat dan maklum balas dalam merangka pelan tindakan tersebut mengikut kerangka kerja di bawah Agenda Tanggungjawab Korporat yang dirumuskan oleh SSM untuk golongan syarikat dan perniagaan di Malaysia. Antara sesi yang telah disertai adalah:

- i. Bengkel di Hotel Doubletree, Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Mac 2015 untuk memuktamadkan pelan tindakan tersebut;
- ii. Sesi konsultasi pada 16 Mac 2015 bersama pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk mendapatkan pandangan terhadap pelan tindakan tersebut; dan
- iii. SUHAKAM Consultative Dialogue and Launch of the Framework on Business and Human Rights di Hotel Sheraton, Kuala Lumpur pada 24 Mac 2015.

Kerajaan menyambut baik perancangan SUHAKAM untuk mengadakan sesi temuduga dan konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti GLC, badan perundangan, badan penguatkuasa, agensi Kerajaan yang berkaitan dan juga NGO bagi mendapatkan input dan maklumat terkini mengenai hak asasi manusia dan perniagaan di Malaysia.

Sehubungan itu, Kerajaan menyarankan supaya SUHAKAM turut berinteraksi dengan pihak industri seperti Dewan-Dewan Perdagangan, persatuan perniagaan dan perindustrian, persatuan usahawan tempatan serta syarikat-syarikat swasta terkemuka. Maklum balas terkini daripada pihak industri akan dapat memastikan sebarang pelan tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan untuk Malaysia yang dihasilkan kelak akan lebih menyeluruh dan seimbang.

Di samping itu, pelaksanaan pelan komunikasi menyeluruh yang melibatkan pelbagai saluran media seperti media elektronik, media cetak, sesi dialog, forum dan perbincangan perlu diadakan supaya pelan tindakan tersebut dapat diterimapakai oleh pelbagai pihak berkepentingan, termasuk sektor swasta dan perniagaan.

Lain-lain pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memastikan tiada pelanggaran hak asasi manusia oleh sektor perniagaan, terutamanya dalam isu kaedah buruh paksa adalah:

- i. mengadakan perbincangan berterusan dengan (Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan KDN serta menambah baik aktiviti-aktiviti koordinasi bersepadu di antara KSM, KDN dan MITI bagi menangani isu buruh paksa di dalam industri elektrik dan elektronik;
- ii. memperluaskan skop keanggotaan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri supaya turut dianggotai oleh YB Menteri MITI dan YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi;
- iii. mempergiatkan sesi interaksi dengan pihak industri, misalnya:
 - a) mengadakan sesi konsultasi dengan pertubuhan industri termasuk agensi Kerajaan bagi memastikan pihak industri mematuhi perundangan dan peraturan berkaitan perekrutan dan layanan terhadap pekerja asing; dan

- b) merangka sesi outreach bagi menyampaikan pendirian Kerajaan yang tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk tindakan pihak industri yang mengamalkan kaedah buruh paksa;
- iv. pelaksanaan program kesedaran mengenai isu berkaitan buruh paksa untuk menghasilkan pelan tindakan khusus untuk masalah buruh paksa.

Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK), KSM komited bagi memastikan tiada pelanggaran hak asasi manusia dilakukan oleh sektor perniagaan, terutamanya bagi memastikan faedah dan perlindungan yang diperuntukan di bawah undang-undang perburuhan dipatuhi oleh pihak majikan. Sebarang pelanggaran hak, jika dikesan, akan diambil tindakan susulan yang sewajarnya seperti tindakan pendakwaan.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh JTK ialah:

- i. menjalankan pemeriksaan berkanun ke atas sektor perniagaan bagi memastikan majikan mematuhi semua peruntukan undang-undang perburuhan. Tindakan ini adalah selaras dengan keperluan mematuhi Konvensyen *International Labour Organization* (ILO) No. 81 yang telah diratifikasi semenjak tahun 1947. Undang-undang perburuhan lain yang turut dikuatkuasakan oleh JTK adalah:
 - a) Akta Kerja 1955 (Akta 265);
 - b) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67);
 - c) Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76);
 - d) Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273);
 - e) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350);
 - f) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446);
 - g) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753);
 - h) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732); dan
 - i) Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670);
- ii. menjalankan penyiasatan terhadap aduan yang dibuat oleh pihak pekerja terhadap majikan yang melanggar undang-undang perburuhan. JTK juga telah menubuhkan Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) bertujuan untuk menjalankan penyiasatan segera bagi aduan atau kes pelanggaran undang-undang perburuhan yang serius termasuklah kes-kes di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670);

- iii. menjalankan tindakan kompaun atau pendakwaan ke atas majikan yang terbukti melakukan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang; dan
- iv. menyediakan satu platform bagi pekerja untuk membuat tuntutan hak-hak berbentuk kewangan yang gagal dibayar oleh majikan melalui tuntutan di Mahkamah Buruh.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JTK juga mengadakan program pendidikan perburuhan melalui seminar, ceramah, dialog industri dan sebagainya kepada pihak majikan, kesatuan-kesatuan majikan, pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja. Aktiviti ini sebagai langkah proaktif jabatan bagi memastikan suasana harmoni dalam sektor perniagaan dapat diwujudkan. Secara tidak langsung, produktiviti dapat ditingkatkan dan dapat mengelakkan pertikaian industri yang menjejaskan imej dan reputasi sektor perniagaan.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menyediakan Kod Etika Perniagaan Malaysia (EPM) yang pertama pada 12 November 2007 bertujuan untuk diterima pakai, dihayati dan diamalkan dalam sektor perniagaan Malaysia. Penghasilan Kod EPM adalah merupakan kesinambungan daripada prinsip-prinsip Rukuniaga Malaysia yang telah digunapakai sejak ia dilancarkan pada 15 Oktober 2002. Prinsip-prinsip Rukuniaga Malaysia telah diambil kira dalam pembentukan bab Institusi Ekonomi yang termaktub dalam Pelan Integriti Nasional yang mencetuskan penyediaan Kod EPM.

Kod EPM baharu telah dihasilkan semula dan dilancarkan pada 25 Mac 2015 oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Penghasilannya merupakan penambahbaikan terhadap isu-isu dasar dan polisi selaras dengan inisiatif-inisiatif baru oleh Kerajaan yang lebih menyeluruh, berstruktur dan relevan dengan keperluan perniagaan semasa. Ini bertujuan bagi memastikan bahawa pernyataan-pernyataan kod etika tersebut sentiasa relevan dalam menangani isu-isu etika yang mungkin timbul dalam organisasi seterusnya mampu membentuk imej perniagaan yang lebih dinamik dan jitu. Kod EPM akan menjadi asas amalan perniagaan secara beretika dan berintegriti kepada semua lapisan perniagaan/syarikat di Malaysia. Kod EPM yang terdiri daripada 10 Prinsip Etika merupakan pengimbang di antara pembangunan perniagaan secara keseluruhan. Pada masa yang sama, hak-hak pengguna dipelihara dan seterusnya menjadi tunggak dalam sistem operasi perniagaan/syarikat di Malaysia sama ada berskala besar ataupun kecil.

Usaha membudayakan pengamalan perniagaan secara beretika merupakan salah satu agenda nasional yang memberikan lebih impak dalam peningkatan ekonomi dan kestabilan politik negara. Kempen-kempen kesedaran dan penganjuran seminar/program yang memfokuskan kepada pengamalan perniagaan secara beretika kepada semua sektor perniagaan di Malaysia digerakkan bersama Kementerian/Agensi lain. Adalah diyakini bahawa pengamalan perniagaan secara beretika bukan sahaja memberikan implikasi positif kepada perniagaan tetapi secara langsung memelihara kepentingan dan hak-hak asasi manusia bagi pengguna, pelanggan dan masyarakat.

8. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Pada Oktober 2013, Malaysia telah menjalani penilaian kedua di bawah proses UPR dan telah menerima sejumlah 232 syor daripada 104 Negara Ahli. Daripada jumlah 232 syor itu, Malaysia telah menerima 150 syor, 113 diterima secara penuh, 22 diterima secara prinsip dan 15 diterima secara bahagian. Malaysia tidak menyokong 83 syor berkenaan perubahan pada undang-undang yang sedang beroperasi, serta peraturan dan polisi yang belum bersedia untuk dilaksanakan pada ketika ini. Antara syor yang diterima sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia adalah berkenaan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, terutamanya pembasmian kemiskinan, akses kepada pendidikan dan kesihatan, penambahbaikan status hak wanita dan kesaksamaan gender serta menghapuskan pemerdagangan orang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bantuan Kewangan dan Kebajikan untuk Pembasmian Kemiskinan

Bagi memastikan warganegara Malaysia yang berkeperluan dan rentan meneruskan hidup dan sekaligus membasmi kemiskinan di Malaysia, Kerajaan melalui JKM menyediakan pelbagai jenis bantuan dan sokongan termasuk bantuan kewangan. Antara lain, bantuan kewangan ini bertujuan bagi:

- i. membantu golongan sasar memenuhi keperluan asas kehidupan;
- ii. menggalakkan mereka yang produktif supaya bekerja dan akhirnya hidup berdikari; dan
- iii. meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar.

Bagi tahun 2014, sebanyak RM1,012,309,756 telah dimanfaatkan oleh seramai 459,643 orang penerima bantuan JKM seperti Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan lain-lain. Semua bantuan ini adalah tertakluk kepada semakan semula dan diberikan berdasarkan kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

Selain bantuan berbentuk kewangan, JKM juga mempunyai program untuk memberikan latihan kemahiran, *On Job Training* dan bantuan geran permulaan perniagaan. Sebagai contoh, Bantuan Geran Pelancaran sebanyak RM2,700.00 diberikan kepada klien JKM yang berminat untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Program ini adalah bagi membolehkan klien JKM yang produktif supaya boleh berdikari yang tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebajikan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Selain itu, Kerajaan melalui KKLW mengambil maklum syor-syor UPR terutamanya bagi isu-isu yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar. KKLW melaksanakan program pembangunan yang memberi fokus kepada penyediaan infrastruktur dan peningkatan taraf hidup serta sosioekonomi kepada seluruh masyarakat luar bandar selaras dengan syor yang dibangkitkan.

Penambahbaikan Hak Wanita

Komitmen Kerajaan terhadap Dasar Wanita Negara serta Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995 diteruskan dengan program-program yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita pada tahun 2014. Antara yang menjadi fokus program-program tersebut adalah pengupayaan ekonomi wanita termasuk ibu tunggal, pembangunan kapasiti, peningkatan kualiti hidup, perlindungan dan pemulihan serta program outreach wanita pelbagai etnik.

Kesaksamaan Gender

Kesaksamaan gender terus diberikan penekanan menerusi penerapan pemahaman berkenaan konsep, kesaksamaan dan diversiti *gender* di semua peringkat termasuk di sektor swasta melalui pelbagai program dan aktiviti. Indeks Jurang Gender Malaysia menunjukkan jurang gender dalam negara telah semakin mengecil semenjak tahun 1980 hingga tahun 2013 daripada 0.3402 pada tahun 1980 kepada 0.2030 pada tahun 2013.

Antara program yang dijalankan adalah Program Pengarah Wanita dan Women Directors Registry untuk menggalakkan wanita terlibat di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, program *Women Career Comeback* dan portal *Flexiworklife.my* untuk menggalakkan wanita untuk kembali ke pasaran pekerjaan dan menggalakkan majikan untuk menawarkan bentuk/jenis pekerjaan yang lebih anjal dan mesra keluarga. Kerajaan juga telah menggalakkan golongan wanita untuk bukan sahaja menjadi pekerja tetapi juga memiliki perniagaan sendiri dengan galakkan dalam program *micro-franchise*, *micro-enterprise*, koperasi dan lain-lain program galakkan keusahawanan termasuk keusahawanan atas talian (*online business*).

Selain itu, Kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif untuk menggalakkan majikan menyediakan pelbagai kemudahan yang mesra keluarga termasuk menyediakan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di tempat kerja dan bantuan kepada operator TASKA. Ini bagi membolehkan wanita terus kekal dalam pasaran pekerjaan setelah mempunyai keluarga dan anak. Antara insentif yang telah disediakan oleh Kerajaan adalah:

- i. insentif kepada majikan melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak;
- ii. pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak swasta;
- iii. Insentif Geran Penubuhan TASKA kepada mereka yang ingin membuka TASKA institusi mahupun TASKA di rumah. Ini merupakan usaha Kerajaan untuk menambahbaik serta meningkatkan kualiti perkhidmatan TASKA sekaligus mengurangkan beban pengusaha untuk menampung kos pengoperasian yang semakin meningkat. Melalui insentif ini, pengusaha TASKA yang mengasuh 20 orang kanak-kanak dan ke atas adalah layak menerima geran sebanyak RM20,000 yang mewajibkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di TASKA mereka;
- iv. Bantuan Khas Kanak-Kanak Taska Swasta bagi kanak-kanak yang dihantar ke TASKA swasta. Bantuan Khas 'one off' sebanyak RM100 seorang kanak-kanak ini bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa/penjaga membuat persiapan keperluan bagi menghantar kanak-kanak ke TASKA swasta. Pada masa yang sama menggalakkan pengusaha TASKA swasta menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada kanak-kanak; dan

- v. Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-Kanak TASKA Tempat Kerja Sektor Awam seperti mana yang ditetapkan di bawah Dasar Bajet 2014. Kerajaan telah meluluskan pemberian subsidi ini kepada pegawai perkhidmatan awam yang berpendapatan tidak melebihi RM5,000.00 sebulan. Subsidi ini layak diberikan kepada anak yang berumur di bawah 4 tahun pada tarikh anak didaftar masuk ke TASKA yang berdaftar dengan JKM. Kadar subsidi yang diberi adalah mengikut kadar yuran sebenar atau maksimum RM180.00 sebulan bagi seorang anak.

Usaha bersepadu yang diambil oleh semua pihak dilihat semakin menggalakkan wanita untuk menyertai pasaran pekerjaan. Berdasarkan Jabatan Perangkaan, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh telah meningkat dari 52.4% pada tahun 2013 kepada 53.6% pada tahun 2014.

Isu Pemerdagangan Orang

Isu pemerdagangan orang merupakan isu utama di bawah Pejabat Strategik Nasional Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, KDN. Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 telah menetapkan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab melindungi dan memulihkan mangsa pemerdagangan orang.

Selain mewujudkan rumah perlindungan wanita di Kuala Lumpur dan Sarawak serta rumah perlindungan mengikut zon (zon utara, timur tengah), usaha sedang digiatkan untuk memperluaskan kerjasama strategik dengan NGO bagi projek rintis mewujudkan rumah perlindungan NGO.

Kerajaan juga menyokong syor untuk memperkasakan mekanisme hak asasi manusia nasional, promosi dan perlindungan hak asasi kanak-kanak dan orang kurang upaya dan juga akses pekerja asing kepada keadilan. Suruhanjaya mengharapkan agar Kerajaan Malaysia mempertimbangkan syor ini secara positif dan seterusnya menerimanya sebanyak mungkin untuk memperlihatkan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan hak asasi manusia di peringkat nasional.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Hak Asasi Kanak-Kanak

Kerajaan sentiasa menyokong dan mendokong dasar hak asasi manusia termasuk yang berkaitan dengan kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat menerusi pelbagai usaha di peringkat Kementerian seperti penyemakan semula dan penambahbaikan Akta Kanak-Kanak 2001 dengan memperkenalkan beberapa konsep baharu untuk dimuatkan ke dalam draf Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (RUU KK 2015). Draf RUU KK 2015 ini juga masih mengambil kira penekanan terhadap prinsip-prinsip yang terkandung di dalam CRC.

Selain itu, Kerajaan melalui KPWKM selaku Kementerian yang memberi tumpuan terhadap kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak amat prihatin berkaitan perlindungan kanak-kanak di dalam dunia siber yang tiada sempadan. Perlindungan ke atas golongan ini amat diperlukan memandangkan sifat kanak-kanak yang masih belum matang dari segi fizikal, mental dan emosi menyebabkan mereka mudah dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Risiko kanak-kanak ini terdedah kepada pengaruh budaya luar dan ancaman siber adalah tinggi memandangkan ia boleh berlaku kepada sesiapa dan di mana sahaja. Oleh itu, bimbingan dan pengawasan terutamanya oleh ibu bapa, penjaga, guru dan setiap anggota masyarakat adalah penting bagi mengelakkan berlakunya insiden atau masalah sosial yang tidak diingini. Ini merupakan cabaran besar yang perlu ditangani secara menyeluruh serta berhemah dengan kerjasama semua pihak termasuk Kerajaan, pihak swasta dan NGO.

Sehubungan dengan itu, KPWKM dengan kerjasama Kementerian/Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab dalam perlindungan dunia siber telah membangunkan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber (PTCOP) yang bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada bahaya ancaman siber yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja setiap kali mereka melayari Internet. Usaha ini sejajar dengan matlamat Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara yang menetapkan bahawa setiap kanak-kanak perlu mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.

PTCOP yang juga berperanan sebagai pemangkin dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen setiap anggota masyarakat terutamanya ibu bapa, penjaga, guru, komuniti dan NGO, merangkumi program dan tindakan bersepadu yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dalam melindungi kanak-kanak dalam dunia siber. Pelan tindakan ini telah

dilancarkan dan diserahkan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada Kementerian/Agensi peneraju PTCOP semasa *Regional Conference On Child Online Protection: Towards An Integrated Systems Approach* yang telah diadakan di Putrajaya pada 24 Mac 2015.

Hak Asasi Orang Kurang Upaya (OKU)

Selaras dengan komitmen negara di bawah Konvensyen Mengenai Hak OKU, *Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific 2013-2022*, Akta Orang Kurang Upaya 2008 serta Dasar dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan.

Akses Pekerja Asing Kepada Keadilan

Berdasarkan undang-undang buruh, pekerja adalah mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing, yang diambil bekerja di bawah satu kontrak perkhidmatan oleh majikan. Oleh yang demikian, pekerja-pekerja asing yang sah mempunyai hak yang sama sebagaimana yang diperuntukkan kepada pekerja-pekerja tempatan untuk memfailkan tuntutan atau aduan berhubung pelanggaran hak asasi manusia yang membabitkan pekerjaan.

Namun begitu, Suruhanjaya kesal kerana syor berkenaan penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia, pembaharuan perundangan dan pemansuhan hukuman mati tidak disokong oleh Kerajaan. Suruhanjaya berasa gusar kerana ini akan menghindar Negara daripada memperbaiki rekod hak asasi manusia di samping menghalang Malaysia daripada mencapai status negara maju pada penghujung dekad ini. Suruhanjaya juga kesal kerana Kerajaan tidak menyokong enam syor utama berkenaan Orang Asal, terutamanya syor yang berkaitan dengan hak kepada tanah yang mana ianya selari dengan syor-syor yang terkandung di dalam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Penyertaan Kepada Triti Utama Hak Asasi Manusia

Penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia memerlukan kajian yang teliti memandangkan terdapat peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang berkuatkuasa dan dasar Kerajaan

yang tidak selaras dengan beberapa peruntukan dalam triti tersebut. Selain itu, aspek Hukum Syarak juga perlu diberi perhatian sebelum meratifikasikan triti berkenaan.

Hukum Syarak memperuntukkan hukuman mati sebagai salah satu bentuk hukuman bagi kesalahan-kesalahan tertentu. Walau bagaimanapun, pada masa ini, undang-undang kesalahan jenayah Syariah yang berkuat kuasa tidak memperuntukkan tentang hukuman mati.

Di samping itu, Perkara 19 Deklarasi Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam (CDHRI) juga membenarkan pelaksanaan undang-undang jenayah atau hukuman sebagaimana ditetapkan dalam Hukum Syarak.

Hak Tanah Orang Asal/Asli

Kerajaan Negeri Sarawak sememangnya memberi pengiktirafan kepada Hak Tanah Adat Bumiputera (HAB). Jaminan pemilikan pegangan tanah ini sedia ada diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negeri Sarawak. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak sentiasa melakukan semakan status tanah yang terperinci sebelum sesuatu bidang tanah diambil balik, diberimilik, dikeluarkan lesen atau dirizabkan. Penyiasatan status tanah adalah menggunakan pelbagai rekod jabatan yang berkaitan serta telah menjadi SOP dalam proses kerja jabatan.

Kewujudan HAB yang tulen hendaklah memenuhi kriteria undang-undang sebagaimana diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negeri Sarawak (KTN Chapter 81). Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mempertimbangkan permohonan pemberimilikan tanah-tanah Kerajaan. Kerajaan juga telah mewujudkan program penempatan seperti Skim Pembesaran Kampung dan Skim Penempatan Semula.

Sehubungan dengan itu, tidak timbul isu berhubung dengan Kerajaan tidak menyokong syor-syor yang telah dibangkitkan oleh pihak SUHAKAM seperti dalam laporannya.

9. KEBEBASAN BERHIMPUN

Merujuk kepada perhimpunan awam, Suruhanjaya menyatakan harapan agar keseimbangan hak di antara kumpulan-kumpulan berbeza yang terlibat di dalam tunjuk perasaan aman akan dapat dicapai. Walaupun pihak polis mempunyai kuasa berhubung pengawasan sesuatu tunjuk perasan, Suruhanjaya berharap agar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut, amalan terbaik serta norma antarabangsa mengenai kebebasan berhimpun dapat dipatuhi. Suruhanjaya juga berharap agar semua tunjuk

perasaan dianggap sebagai aman melainkan jika terdapat bukti yang jelas dan meyakinkan bahawa penganjur atau peserta berniat untuk menggunakan atau mendorong kepada keganasan dan berkemungkinan keganasan akan berlaku.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui PDRM sentiasa berusaha mengimbangkan hak antara kumpulan-kumpulan berbeza dan berharap semua pihak akan bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan perhimpunan dapat dilaksanakan secara aman dan bertanggungjawab demi keselamatan semua pihak dan kententeraman awam.

10. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG

Pada 2014, Suruhanjaya telah membuat beberapa pemerhatian terhadap beberapa cadangan untuk memperkenalkan dan/atau menggunakan undang-undang kontroversi tertentu, seperti berikut.

(a) Akta Hasutan 1948

Suruhanjaya sesal dengan keputusan Kerajaan untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dan cadangan untuk mengukuhkannya dengan peruntukan tambahan, walaupun akujanji Kerajaan pada 2012 untuk memansuhkan undang-undang yang bersifat menindas dan kuno ini.

Walaupun Suruhanjaya memahami kerumitan untuk menyeimbangkan di antara kebebasan dan keselamatan, serta mengakui bahawa pelaksanaan kebebasan bersuara tertakluk kepada sekatan yang telah termaktub oleh undang-undang, namun sekatan tersebut hendaklah seimbang, berkadaran, jelas dan adil; terutama sekali ianya hendaklah selari dengan norma antarabangsa mengenai hak kepada kebebasan bersuara dan berucap.

Suruhanjaya seterusnya menggalakkan agar pihak Kerajaan memastikan bahawa pindaan kepada undang-undang sedia ada atau pengenalan kepada undang-undang baru hendaklah berdasarkan penglibatan penuh dan konsultasi yang bermakna bersama semua pihak berkepentingan yang terbabit dengan carayang adil, jelas dan mematuhi proses yang sewajarnya, serta tidak tergesa-gesa.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Akta Hasutan 1948 digubal sebagai satu langkah pencegahan dari sebarang anasir yang mengganggu gugat kestabilan dan keamanan Negara. Justeru Akta Hasutan perlu dikekalkan antara lain, bagi menghalang sebarang unsur penghinaan terhadap agama Islam dan agama-agama lain.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa memastikan agar keamanan dan keharmonian terus terpelihara melalui penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

(b) Rang Undang-undang Jenayah Kebencian Kaum dan Agama

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa draf Rang Undang-undang ini akan menjadikan perlakuan menghasut kebencian kepada agama dan bangsa sebagai satu kesalahan. Penglibatan dalam tingkah laku yang bertujuan untuk membawa kebencian dan menghina Raja juga dijadikan kesalahan di bawah draf Rang Undang-undang ini.

Walaupun niat draf rang undang-undang ini dilihat selaras dengan Artikel 4 Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) dan Artikel 20 Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), yang mewajibkan Negara Peserta untuk menganggap apa-apa sokongan “kebencian nasional, kaum atau agama yang merupakan hasutan untuk mendiskriminasi, permusuhan atau keganasan”, Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan dapat memastikan bahawa skop undang-undang tersebut adalah terhad dengan tegas terhadap hukuman jenayah kebencian dan tidak kepada individu yang menyatakan rasa tidak puas hati secara sah atau menjalankan hak mereka untuk menyuarakan pandangan dan pendapat mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Draf undang-undang berkaitan dengan Jenayah Kebencian Kaum dan Agama merupakan undang-undang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-Dasar Mempromosi Keharmonian Negara, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara. Ia berikutan daripada cadangan Kerajaan yang diumumkan pada 11 Julai 2012 untuk memansuhkan Akta Hasutan, 1948 dan menggantikannya dengan undang-undang baharu yang lebih sesuai seperti Akta Keharmonian Nasional.

Namun begitu, Kerajaan telah membatalkan cadangan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan mengambil keputusan untuk mengekalkannya dengan mencadangkan beberapa pindaan dan penambahbaikan. Cadangan ini telah dibentang, dibahas dan diluluskan oleh Parlimen pada 9 April 2015.

(c) Rang Undang-undang Penyelarasan dan Keharmonian Nasional

Sepertimana yang diperkatakan, bahawa rakyat Malaysia menjadi semakin berpecah belah, serta cenderung untuk bersama-sama dengan individu dari latar belakang bangsa yang serupa. Sebagai kesimpulan yang menyatakan bahawa walaupun rakyat Malaysia hidup bersama-sama secara aman, ini hanyalah didorong oleh toleransi semata-mata dan bukanlah perpaduan.

Suruhanjaya berpendapat yang perpaduan, sama seperti kepercayaan, perlu dipupuk dari usia muda. Memupuk perpaduan memerlukan komitmen bersama daripada semua peringkat masyarakat. Sokongan institusi adalah amat penting untuk perpaduan. Peranan dan contoh yang diberikan oleh ibu bapa dan guru merupakan wadah di mana perpaduan itu disemai dan dipupuk. Peranan guru-guru dan ibubapa sangat mustahak dalam memupuk perpaduan.

Walaupun ada yang berhujah bahawa undang-undang bukanlah agen terbaik kepada perubahan, ia tidak boleh menafikan hakikat bahawa undang-undang membentuk sikap, dan sikap mempengaruhi tingkah laku. Berdasarkan perkara ini, Suruhanjaya percaya bahawa, seiring dengan keazaman politik, penerimaan dan pelaksanaan cadangan Rang Undang-undang Penyelarasan dan Keharmonian Nasional adalah perlu dalam mewujudkan satu persekitaran perpaduan.

Suruhanjaya mengiktiraf tujuan Rang Undang-undang Penyelarasan dan Keharmonian Nasional, yang mana ia adalah untuk melaksanakan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan keperluan Kerajaan serta aktor bukan Kerajaan untuk menegakkan prinsip kesamarataan. Ia juga bertujuan untuk melarang diskriminasi yang tidak adil atas alasan agama, bangsa, keturunan, tempat lahir, jantina dan kecacatan dalam pendidikan, politik, ekonomi, sosial, budaya atau mana-mana bidang lain dalam kehidupan umum. Rang undang-undang ini secara jelas memelihara hak keistimewaan yang diberikan kepada Bumiputera dan pribumi di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kajian semula Suruhanjaya terhadap draf rang undang-undang ini, Suruhanjaya mencadangkan untuk menyenaraikan 'umur' sebagai satu asas diskriminasi yang dilarang.

Undang-undang ini, jika digubal, boleh juga menjadi dorongan kepada penyertaan Kerajaan terhadap pelbagai triti hak asasi manusia antarabangsa yang lain, khususnya ICCPR, Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR), dan ICERD.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Cadangan penggubalan akta ini masih di peringkat perbincangan untuk mendapatkan input, pandangan dan ulasan daripada pelbagai kumpulan masyarakat. Beberapa siri PMB, bengkel, forum akan diadakan bagi tujuan tersebut.



BAB 1

LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

MUKA SURAT

	I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI
31	1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA
	(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)
32	(b) Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)
	i. Piawaian skema soalan dan pemarkahan peperiksaan UPSR untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK)
	ii. Bahan rujukan (buku) kod tangan untuk MBK
	iii. Latihan bagi guru-guru pendidikan khas
	iv. Penempatan tugas guru pendidikan khas
	v. Sekolah sukan untuk pelajar-pelajar pendidikan khas
34	(c) Sekolah Untuk Kanak-kanak Orang Asli
	i. Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)
	ii. Keperluan asas sekolah
	iii. Kurikulum khas menggantikan Kurikulum Asli Penan (KAP)
	iv. Penubuhan Sekolah Komuniti
	v. Masalah kanak-kanak suku kaum Kanaq
37	(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)
	i. Kemudahan pengajaran dan pembelajaran
	ii. Proses penempatan pelajar
	iii. Pelaksanaan kurikulum DINI
	iv. Pendaftaran SAR di bawah KPM
39	(e) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)
39	6. KUNJUNGAN HORMAT
	(a) Lawatan dari Delegasi Dalam dan Luar Negara

I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI

1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia Di Sekolah (ATHAM)

Sepanjang tahun 2014, Suruhanjaya telah melawat 20 buah sekolah yang menjalankan program ATHAM dan mendapati bahawa masih ada pihak pengurusan sekolah yang tidak memahami atau menghayati tujuan dan intipati program ini. Keadaan ini disebabkan oleh penyelaras sekolah terlalu sibuk dengan kerja mereka hingga menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan program ini dan perubahan dalam hierarki KPM yang melambatkan pelaksanaan program ini. Pelancaran program ini di Sabah dan Sarawak telah ditunda hingga 2015 berikutan masalah logistik yang dihadapi oleh KPM.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerjasama di antara Kerajaan melalui KPM dan SUHAKAM di dalam menyebarkan ATHAM bermula sejak tahun 2008 di mana sebanyak 5 buah sekolah telah dipilih oleh KPM dengan kerjasama SUHAKAM untuk menjadi projek sekolah rintis ATHAM iaitu:

- (i) SMK Taman Tun Dr. Ismail (Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur);
- (ii) SMK Seksyen 9 Shah Alam (Selangor), SMK Munshi Abdullah (Melaka);
- (iii) SMK Datuk Mansor (Bahau, Negeri Sembilan); dan
- (iv) SMK Sultan Abdul Aziz (Teluk Intan, Perak).

Penyebarluasan ATHAM diteruskan dengan melibatkan sekolah-sekolah orang asli dengan peserta seramai 24 orang pada bulan Jun 2013. Model sekolah ATHAM, SMK Taman Tun Dr. Ismail telah dijemput oleh KPM untuk membentangkan ATHAM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Hasil daripada pembentangan tersebut, KPM telah mengadakan taklimat kepada semua pengetua-pengetua sekolah yang terpilih di Semenanjung Malaysia bagi menyebarkan ATHAM sekurang-kurangnya sebuah sekolah di setiap daerah di Semenanjung Malaysia.

Program pembudayaan ATHAM sehingga tahun 2014 telah berjaya dilaksanakan di 154 buah sekolah yang terdiri daripada 75 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 2 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), 10 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), 14 buah Sekolah Kebangsaan (SK), 48 buah Sekolah Kebangsaan Asli, 3 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan 2 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Perkembangan positif ini jelas menunjukkan peningkatan penerimaan warga sekolah terhadap ATHAM.

Mesyuarat Pengurusan ATHAM Bil.1/2015 telah diadakan pada 5 Mac 2015 bagi merangka program pemantapan ATHAM di sekolah-sekolah yang terlibat bagi tahun 2015. KPM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah mengadakan penilaian dan pemantauan ke seluruh sekolah ATHAM yang terlibat bermula 16 Mac 2015 sehingga Mei 2015. Program intervensi bagi memantapkan lagi program ATHAM di semua sekolah terlibat akan dirangka berdasarkan hasil penilaian dan pemantauan tersebut. Program ATHAM seterusnya akan disebar luas ke negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 2015 melalui Seminar ATHAM di Sabah pada 27 - 28 Mei 2015 dan di Sarawak pada 15 - 16 Jun 2015.

(b) Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integriti (PPKI)

Beberapa sesi Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Guru Pendidikan Khas telah diadakan pada tahun 2013 dan 2014 bagi menyebarkan maklumat berkenaan hak asasi manusia kepada guru pendidikan khas yang mengajar di SPK dan PPKI. Peserta bengkel telah didedahkan kepada CRC dan Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD). Pandangan para peserta telah dirujuk bagi membolehkan Suruhanjaya membuat pengesyoran yang bermakna kepada pihak KPM berkenaan program-program yang berkaitan dengan Children with Learning Disabilities (CWLD).

Antara isu-isu yang diketengahkan adalah seperti berikut:

- i. Piawaian skema soalan dan pemarkahan peperiksaan UPSR untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) adalah sama dengan piawaian skema untuk murid pendidikan arus perdana sedangkan skema peperiksaan UPSR untuk murid di SRJK (C) dan SRJK (T) telah diubah suai menjadi lebih jelas dan mudah. Hal ini mungkin mendiskriminasikan MBK kerana mereka diuji pada tahap yang tidak bersesuaian dengan mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Lembaga Peperiksaan sentiasa memberi pertimbangan yang adil kepada semua calon semasa peperiksaan berdasarkan tahap penguasaan calon. Semua Instrumen peperiksaan UPSR (kertas peperiksaan dan skema pemarkahan/panduan penskoran) digubal dan dinilai berdasarkan sistem 9 poin termasuk akur kurikulum dan akur peluang murid memberi respons. Ahli-ahli panel pembinaan soalan serta pemeriksa kertas jawapan dilantik di kalangan guru-guru SK, SJKC, SJKT dan guru yang mengajar MBK.

Pemberian skor jawapan calon adalah berdasarkan perkara yang diukur dan Mesyuarat Penyelarasan Pemarkahan dijalankan untuk memastikan pemeriksa memahami sepenuhnya panduan penskoran. Mesyuarat ini juga bertujuan supaya markah yang diberi adalah selaras dengan kepelbagaian respons calon.

Contoh-contoh jawapan yang diberikan oleh MBK telah dan sentiasa diambil kira dalam penyediaan skrip jawapan contoh semasa penyelarasan pemarkahan bagi memastikan setiap pemeriksa mendapat latihan menanda semua bentuk skrip jawapan termasuk skrip jawapan MBK.

- ii. *Kekurangan bahan rujukan (buku) kod tangan terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu menyebabkan kesukaran guru untuk mengajar MBK. Buat masa ini, mereka masih menggunakan buku kod tangan terbitan tahun 1988 yang mengandungi perbendaharaan kata sebanyak 4,000 isyarat sahaja. Situasi ini menimbulkan kesukaran kepada guru-guru untuk mengajar pelajar bermasalah pendengaran terutamanya bagi guru yang tidak dilatih untuk mengajar pelajar tersebut.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) sedang bekerjasama dengan Persekutuan Orang Pekak Malaysia untuk mengemas kini perbendaharaan kata tambahan bagi Kod Tangan Bahasa Melayu.

- iii. *Kekurangan latihan bagi guru-guru pendidikan khas. Hal ini menyebabkan ketidakselarasan dalam hal-hal tertentu seperti penggunaan Bahasa Isyarat sekaligus menimbulkan kesukaran bagi pelajar memahami apa yang diajar.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Guru senior dan berkemahiran contohnya dalam bahasa isyarat akan menjadi mentor dan melatih secara berterusan (coaching and mentoring) kepada guru-guru yang tidak terlatih sebagai latihan dalaman sekolah (school based training).

- iv. *Sebilangan guru pendidikan khas tidak diberi penempatan tugas yang sepadan dengan bidang pengkhususan mereka. Terdapat guru yang kelayakannya dalam bidang masalah pembelajaran telah ditugaskan mengajar murid bermasalah pendengaran.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Pendidikan Negeri sentiasa bekerjasama dengan negeri-negeri lain untuk penempatan semula guru-guru berkenaan supaya sepadan dengan pengkhususan mereka. Di samping itu, Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) giat dilaksanakan oleh BPKhas bagi menampung kekurangan opsyen guru-guru pendidikan khas.

- v. *Tiada sekolah sukan yang disediakan khas untuk pelajar-pelajar pendidikan khas seperti mana Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Bandar Penawar yang disediakan khas untuk pelajar normal yang cemerlang dalam bidang sukan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

KPM telah mengemukakan cadangan penubuhan sekolah sukan bagi MBK dalam senarai Projek RMK – 11 untuk pertimbangan agensi pusat.

(c) Sekolah Untuk Kanak-kanak Orang Asli

Beberapa isu penyelarasan di antara Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), KPM dan sekolah-sekolah telah dikenal pasti iaitu:

- (i) *bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) lewat diagihkan serta terdapat murid-murid yang layak tidak menerima bantuan tersebut;*
- (ii) *pakaian seragam sekolah yang diagihkan oleh JAKOA kurang bermutu, tidak menepati saiz kanak-kanak serta lewat diagihkan;*

- (iii) *kurikulum khas perlu diwujudkan untuk menggantikan Kurikulum Asli Penan (KAP) yang telah dihentikan bagi membantu Sekolah Orang Asli yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel 14 dan Artikel 15 United Nation Declaration on the Rights of Indigenous Peoples; dan*
- (iv) *cadangan penubuhan Sekolah Komuniti yang diuruskan sendiri oleh masyarakat setempat di beberapa penempatan Orang Asli yang tidak disediakan sekolah Kerajaan seperti di Kelantan (Pos Gob dan Pos Hau) serta di Kampung Selauh, Perak;*
- (v) *terdapat 87 orang suku kaum Kanaq yang kebanyakannya masih buta huruf. Kanak-kanak komuniti ini jarang menghadiri sekolah kerana mendakwa mereka sering dibuli dan tidak diterima baik oleh kanak-kanak lain di sekolah arus perdana.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pengagihan KWAPM telah dilaksanakan dengan kaedah semua jenis data penerima bantuan KWAPM sama ada melalui Aplikasi Pangkalan Data Murid, eKasih, eDamak dan Data Sedia ada daripada sekolah digabungkan di dalam satu fasa pembayaran pada awal bulan Januari 2015. Pembayaran dilaksanakan secara berperingkat dengan Fasa I adalah pembayaran Bantuan Am Persekolahan sebanyak RM200 (bagi murid Sekolah Rendah) dan RM300 (bagi murid Sekolah Menengah) untuk setiap murid. Pembayaran bagi Fasa II iaitu Bantuan Bulanan akan diagihkan secara suku tahun bertujuan menggalakkan murid untuk hadir ke sekolah. Bayaran Fasa II telah dilaksanakan mulai bulan Februari 2015 melibatkan bayaran Bantuan Bulanan 3 bulan pertama bagi murid penerima data eKasih dan eDamak.

Perolehan pakaian seragam sekolah ini dilaksanakan oleh JAKOA Negeri dengan input saiz pakaian diperolehi daripada sekolah melalui ukuran badan pelajar sendiri sebelum edaran pakaian dilaksanakan pada setiap awal tahun persekolahan.

Selaras dengan saranan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM telah memantapkan kurikulum KAP bagi memastikan kandungannya selari dengan kerangka dan prinsip Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) supaya murid asli mendapat peluang pendidikan yang sama serta relevan dengan keperluan mereka. Selain daripada menyediakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KAP,

Bahagian Pembangunan Kurikulum juga telah menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran KAP bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Sebanyak 31 buah sekolah Asli yang berprestasi rendah mengikuti kurikulum ini.

Kanak-kanak Orang Asli di Pos Gob menerima pendidikan peringkat rendah di SK Seri Permai dan SK Tohoi serta peringkat menengah di SMK Tengku Indera Petra 1. Kanak-kanak Orang Asli di Pos Hau menerima pendidikan peringkat rendah di SK Kuala Betis dan peringkat menengah di SMK Seri Wangi, SMK Tengku Indera Petra 1 serta SMK Paloh. Kerajaan melalui KPM telah menyediakan kemudahan asrama manakala kemudahan pengangkutan disediakan oleh pihak JAKOA. Akses kepada pendidikan bagi kanak-kanak Orang Asli di Kampung Selauh, Perak sehingga Tingkatan 3 adalah di SK Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Banun manakala untuk peringkat menengah atas di SMK Sultan Idris Shah II.

Kerajaan mengambil maklum cadangan penubuhan sekolah komuniti di kawasan penempatan Orang Asli tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpandangan bahawa tiada keperluan bagi penubuhan sekolah komuniti pada masa ini memandangkan pelajar tersebut telah ditempatkan di sekolah arus perdana.

Pelbagai usaha dilakukan oleh Kerajaan melalui JAKOA dan KPM untuk memberi motivasi dan perangsang kepada masyarakat dan pelajar orang asli suku kaum Kanaq untuk terus belajar dan hadir ke sekolah. Maklum balas yang diterima daripada SK Mawai dan SMK Sri Aman menunjukkan bahawa:

- a) Tiada laporan kes buli malahan pelajar lain digalakkan berkawan dengan pelajar Orang Asli Kanaq;
- b) Pelajar ditempatkan dalam kelas mengikut darjah/tingkatan dan adakalanya dipanggil ke kelas pemulihan;
- c) inisiatif pihak sekolah untuk mengadakan sesi motivasi pelajar bersama ibu bapa;
- d) Kelonggaran untuk pelajar hadir ke sekolah walaupun lewat; dan
- e) Pengusaha van sekolah yang dilantik menguruskan pengangkutan pelajar orang asli turut mengambil inisiatif mengetuk pintu rumah pelajar.

Selain itu, JAKOA telah menubuhkan Kelas Dewasa Asli Peribumi (KEDAP) pada tahun 2014 dan diteruskan pada tahun 2015 bagi menangani isu buta huruf di kalangan semua suku kaum orang asli dewasa.

(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Isu-isu yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan pengajaran dan pembelajaran di SAR masih tidak mencukupi. Terdapat sekolah yang tidak mempunyai kemudahan ICT serta kemudahan infrastruktur yang telah usang, tidak mencukupi, perlu dibaiki atau diganti. Terdapat juga aduan bahawa SAR yang telah berdaftar dengan KPM tidak menerima bantuan buku teks sehingga menjejaskan sesi pembelajaran murid-murid di sekolah;*
- (ii) Pelajar SAR yang cemerlang dinafikan kemasukannya ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) akibat daripada polisi rasmi yang memberi keutamaan kepada murid dari sekolah aliran perdana semasa proses penempatan dijalankan;*
- (iii) Persediaan bagi pelaksanaan kurikulum DINI pada tahun 2015 yang masih belum mencukupi daripada aspek berikut:*
 - (a) pengetahuan dan kemahiran guru-guru yang akan mengajar kurikulum tersebut;*
 - (b) agensi yang bertanggungjawab masih belum menjalankan latihan kepada guru-guru yang terlibat dalam program ini; dan*
 - (c) universiti-universiti masih belum memasukkan DINI ke dalam sukatan pelajaran mereka; dan*
- (iv) Terdapat SAR yang memilih untuk tidak mendaftar di bawah KPM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) kerana mereka bimbang pihak Kerajaan akan campur tangan dalam dasar dan pentadbiran harian mereka. Segala bentuk bantuan seperti saluran dana dan latihan kepada guru harus juga dipanjangkan kepada SAR yang tidak berdaftar dengan KPM atau JAIN atas dasar hak kesamarataan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebanyak 216 buah SAR telah berdaftar dengan KPM dari tahun 2005 sehingga Mei 2015. KPM bersama-sama JAKIM sedang meneliti keperluan buku teks kepada SAR dan SAN yang memohon dan akan membuat pindaan semula bagi memenuhi keperluan buku teks SAR dan SAN. Sehingga kini terdapat 84 buah sekolah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Menengah Agama Negeri yang telah memohon untuk mendapatkan buku teks daripada KPM bagi pelaksanaan tingkatan 1 tahun 2016. Permohonan buku teks ini telah diselaraskan oleh pihak JAKIM bersama dengan jabatan agama negeri. Walau bagaimanapun, SAR yang belum berdaftar dengan KPM juga layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan SPBT jika melaksanakan kurikulum kebangsaan dan membuat permohonan SPBT. KPM menyediakan peruntukan secara *one-off* kepada SAR

sebanyak RM95 juta pada tahun 2011 dan RM25 juta pada tahun 2014. Bantuan tersebut adalah bagi tujuan pembaikan kecil, kemudahan perpustakaan, kursus/latihan guru dan bantuan perkapita murid.

Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) melalui JAKIM menyedari kesukaran pelajar cemerlang UPSR dari SAR untuk memasuki SBP. Syarat utama yang ditetapkan oleh KPM adalah pelajar yang memohon untuk memasuki SBP adalah lepasan sekolah kebangsaan. Oleh itu, perbincangan lanjut bersama pihak KPM perlu diadakan bagi mempertimbangkan syarat yang ditetapkan untuk kemasukan pelajar cemerlang SAR ke SBP. BPI sedang merancang untuk mengadakan perbincangan Khas mengenai perkara tersebut dengan SBP. Bagi murid SAR yang layak dan memenuhi syarat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang agama, KPM membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk membuat permohonan melanjutkan pengajian di SMKA, SABK, dan KAA.

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu DINI (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di SABK bermula tahun 2015 merupakan satu transformasi pendidikan yang dibuat oleh KPM dalam bidang pengajian Islam. Walaupun kurikulum ini ditawarkan untuk SABK namun KPM tidak menghalang mana-mana Sekolah Agama Negeri dan SAR yang bercadang untuk melaksanakannya di sekolah masing-masing. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa membuka ruang kepada SAN dan SAR yang memenuhi kriteria untuk mendapatkan kemudahan dan bantuan pendidikan supaya berdaftar sebagai SABK dibawah KPM, Jabatan Agama Islam Negeri atau Yayasan Islam Negeri bagi tujuan pemantauan dari aspek kebajikan dan lain-lain. JAKIM juga telah melaksanakan kursus penataran KBD dan KBT zon utara kepada guru-guru sebagai persediaan pelaksanaan KBD dan KBT pada tahun 2016.

Kerajaan Persekutuan memberi perhatian kepada pembangunan SAR dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta dalam pembentangan bajet 2014 oleh YAB Perdana Menteri bagi tujuan tersebut. Selaras dengan fungsi LEPAI untuk menyelaras dan meninggikan mutu pendidikan agama Islam di SAR dan SAN serta mengadakan latihan perguruan kepada guru-guru di sekolah tersebut, maka latihan kepada guru dan pentadbir SAR dijalankan oleh JAKIM dari semasa ke semasa untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru tersebut dengan kerjasama pihak KPM. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 1,597 buah SAR terdapat dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SEMPENI).

(e) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

Lawatan ke SJKT Pulau Carey Selatan mendapati pihak sekolah mengalami masalah anai-anai yang menyerang bilik darjah bersebelahan dengan pejabat sekolah. Pihak sekolah telah berkali-kali menulis surat aduan kepada jabatan yang bertanggungjawab tetapi sehingga kini masalah tersebut masih belum diselesaikan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah mengambil maklum masalah anai-anai tersebut dan sedang dalam proses untuk mendapatkan peruntukan daripada Bahagian Pembangunan KPM.

6. KUNJUNGAN HORMAT

(a) Lawatan dari Delegasi Dalam dan Luar Negara

Suruhanjaya telah menerima kunjungan dari delegasi mewakili Pejabat Kebebasan Beragama Kanada serta delegasi mewakili Suruhanjaya Tinggi Kanada pada 26 Mac 2014. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk berkongsi pendapat mengenai isu berkaitan kebebasan beragama seta penggalakan pluralisme dan toleransi di Negara masing-masing.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Malaysia, hak kebebasan beragama dijamin dan dilindungi oleh Kerajaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa 'Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan', manakala Perkara 11(1) memperuntukkan bahawa 'tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya'.

Oleh yang demikian, Malaysia memberi kebebasan kepada rakyat untuk mengamalkan tradisi dan agama masing-masing selagi mana tidak melanggar undang-undang negara. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan di kalangan penduduk berbilang kaum dan agama.

Berhubung dengan fahaman liberalisme dan pluralisme agama, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-74 pada 25 hingga 27 Julai 2006 telah membincangkan aliran pemikiran liberal yang mengandungi fahaman termasuk konsep pluralisme yang merujuk kepada kefahaman menyamakan semua agama dalam erti : (a) kebenaran ada dalam semua agama, dan (b) keselamatan boleh dicapai menerusi mana-mana agama. Muzakarah memutuskan bahawa gerakan pemikiran liberal mengandungi fahaman-fahaman yang menyeleweng dari aspek akidah dan syariah.



BAB 2

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

MUKA SURAT

	I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN
43	2. HAK KEPADA KESIHATAN DI PENJARA
44	2. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN (a) Tangkapan dan Penahanan (b) Gesaan Pelajar Universiti Untuk Pemansuhan AUKU (d) Hak Pekerja (e) Pelarian dan Pencari Suaka
52	3. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN (a) PenahananKanak-Kanak Di Malaysia (b) Menubuhkan Kumpulan Kerja Untuk ATD
54	5. AKTIVITI PEMANTAUAN
	II. BAHAGIAN INKUIRI
54	1. INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA
56	2. SIASATAN AWAM KE ATAS INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM PADA 28 APRIL

I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

2. HAK KEPADA KESIHATAN DI PENJARA

Memandangkan umum telah mempersetujui bahawa hak asasi manusia adalah saling bergantung, semulajadi, sejagat, saling berhubung kait dan tidak dapat dipisahkan, pelanggaran hak kepada kesihatan mungkin merencatkan hak asasi yang lain seperti hak kepada pendidikan atau pekerjaan. Berdasarkan perkara ini, Suruhanjaya pada tahun 2014 mengambil 'Hak kepada Kesihatan di Penjara' sebagai salah satu daripada dua isu tematik dalam tugasnya untuk memastikan keadaan penjara di negara ini adalah mengikut perlembagaan dan selari dengan prinsip-prinsip kesihatan, keselamatan dan maruah insan dalam mencapai sistem keadilan jenayah yang menghormati hak individu.

Suruhanjaya berpendapat bahawa reformasi penjara perlu menangani masalah-masalah yang sedang mempengaruhi sistem penjara di Malaysia termasuklah:

- *Perubatan/penjagaan kesihatan di penjara*
- *Penjagaan kesihatan mental di penjara*
- *Keadaan penjara*

Telah diperhatikan juga bahawa banyak lagi yang boleh dibuat untuk menangani keperluan kesihatan banduan, yang seringkali pulang kepada masyarakat dalam keadaan kesihatan yang lebih teruk dari sebelumnya. Oleh sebab banduan dan ahli masyarakat sentiasa saling bertukar, isu penjagaan kesihatan di dalam penjara menjadi isu kesihatan awam untuk komuniti secara meluas. Kesimpulannya, kesihatan banduan dan kesihatan keseluruhan masyarakat adalah saling berkait. Oleh yang demikian, status kesihatan di kalangan banduan tidak boleh dilihat secara terpencil dan perlu dipertimbangkan dari sudut kesannya terhadap populasi umum, kerana banduan lazimnya akan pulang kepada keluarga dan masyarakat.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan tidak pernah menghalang penghuni penjara menerima rawatan kesihatan termasuk rawatan dari pakar yang sewajarnya sepertimana dinikmati oleh masyarakat awam. Kerajaan sentiasa berusaha menambahbaik kemudahan yang ada selaras dengan ketetapan Peraturan Penjara. Kerajaan juga menitikberatkan aspek kebersihan persekitaran penjara dengan menjalankan pemeriksaan persekitaran di dalam dan luar penjara secara berkala. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan persekitaran penjara yang bersih dan bebas dari pembawa penyakit seperti lipas, lalat, tikus dan nyamuk bagi mengelakkan berlakunya kejadian Penyakit Berjangkit Bawaan Vektor.

Selain itu, Kerajaan melalui KKM dan Jabatan Penjara Malaysia melaksanakan program pencegahan dan kawalan Penyakit HIV/AIDS serta program saringan penyakit TiBi ke atas banduan baharu yang ditempatkan di penjara. Saringan penyakit TiBi yang dilaksanakan adalah berdasarkan Garis Panduan Saringan TiBi yang diterbitkan oleh KKM pada tahun 2006. Bagi banduan yang dikesan menghidap penyakit TiBi, pesakit akan dipastikan mendapat rawatan yang sempurna sehingga sembuh.

Promosi kesihatan yang merangkumi program kesedaran mengenai penularan jangkitan TiBi sedang giat dijalankan kepada kakitangan penjara dan pusat-pusat tahanan. Rawatan di klinik penjara diberikan kepada banduan yang menghidap sebarang penyakit, manakala bagi banduan yang menghidap penyakit yang lebih serius, banduan tersebut akan dirujuk ke klinik kesihatan dan hospital yang berhampiran untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

2. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN

(a) Tangkapan dan Penahanan

Antara aduan yang dibawa ke perhatian Suruhanjaya adalah dakwaan mengenai:

- i. penggunaan kekerasan yang melampau oleh pihak polis semasa tangkapan, siasatan dan penahanan;*
- ii. kegagalan pihak polis untuk menyatakan sebab tangkapan dan memaklumkan keluarga suspek mengenai penangkapannya; menghalang ahli keluarga daripada melawat suspek yang ditahan; bersubahat dengan satu pihak dengan meminta pengadu supaya menarik semula laporan polis atau tidak meneruskan kes; tidak memulangkan barangan berharga milik suspek; memanjangkan tempoh tahanan dengan menangkap semula suspek; dan*
- iii. tidak mengambil tindakan terhadap laporan polis yang dibuat.*

Setelah diteliti, Suruhanjaya memajukan aduan yang berkenaan kepada pihak polis untuk maklum balas dan tindakan. Sejak 2013, Suruhanjaya dan PDRM telah mewujudkan hubungan kerja di mana kesemua aduan yang berhubung kait dengan pihak polis akan disalurkan kepada Setiausaha PDRM di Bukit Aman. Setiausaha tersebut bertanggungjawab untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak polis dan memajukannya kepada Suruhanjaya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan memandang serius dakwaan salahlaku oleh pegawai dan anggota polis. Setiap aduan akan diberi perhatian yang khusus oleh PDRM dan tindakan sewajarnya akan diambil termasuk pendakwaan serta tindakan tatatertib sekiranya terdapat kesahihan dan keterangan yang mencukupi.

Setiap suspek yang ditangkap akan dimaklumkan sebab-sebab dia ditangkap sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 28A Kanun Prosedur Jenayah. Ahli keluarga dan pihak Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan akan dimaklumkan serta dibenarkan berjumpa dengan suspek yang ditangkap melainkan jika seksyen 28A(8) KPJ terpakai.

Setiap laporan yang diterima akan disiasat sekiranya terdapat sebarang elemen jenayah berlaku. Kegagalan mengambil tindakan mungkin disebabkan salah klasifikasi oleh pegawai penyiasat bertugas. Walau bagaimanapun, kelemahan ini sedang diperbaiki dengan pemantauan yang lebih rapi oleh penyelia.

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan kesemua aduan yang disalurkan oleh SUHAKAM diberi perhatian dan maklum balas secepat mungkin.

(b) Gesaan Pelajar Universiti Untuk Pemansuhan AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971)

Suruhanjaya menerima aduan daripada beberapa kumpulan pelajar yang mendakwa bahawa tindakan tatatertib yang diambil oleh pihak pentadbiran universiti masing-masing telah mencabul hak asasi mereka yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Satu kumpulan dari Universiti Malaya (UM) telah menzahirkan ketidakpuasan mereka apabila rakan pelajar mereka telah diberikan surat tunjuk sebab kerana menyertai bantahan di hadapan Parlimen pada 8 April dan semasa lawatan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama ke UM.

Pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Antarabangsa Labuan mendakwa bahawa 16 orang pelajar telah dikenakan prosiding disiplin serta tindakan seperti amaran dan penggantungan dari kolej kediaman kerana mereka didakwa telah menyertai suatu perhimpunan di pekarangan universiti tanpa kebenaran. Pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Sabah memaklumkan Suruhanjaya bahawa salah seorang daripada mereka telah dikenakan tindakan tatatertib kerana didakwa membuat kenyataan yang menyokong 16 orang pelajar UMS di media sosial. Beliau telah diminta untuk menjawab 11 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya oleh lembaga disiplin.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pindaan seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) 2012 membenarkan pelajar berpolitik di luar kampus sama ada bersekutu dengan atau dengan menjadi ahli sesuatu pertubuhan, persatuan atau organisasi sama ada di dalam atau luar negara. Namun, pelajar adalah dilarang terlibat dengan:

- a) apa-apa aktiviti politik kepartian di dalam kampus;
- b) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau luar negara; dan
- c) pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah Universiti sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Walau bagaimanapun, pindaan ini masih mengekalkan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dalam hal yang berkaitan dengan perkara akademik yang diikuti. Pelajar dibenarkan memberi pendapat dalam seminar, simposium dan sebagainya dengan syarat seminar atau simposium tersebut tidak dianjurkan atau diberi peruntukan kewangan oleh entiti berikut:

- a) pertubuhan yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau luar negara; dan
- b) pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah Universiti sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Seksyen 15 AUKU (Pindaan) 2012 membenarkan pelajar universiti untuk terlibat dalam aktiviti politik kepartian di luar kampus dan mengekalkan keberkecualian (neutrality) di dalam kampus sebagai sebuah pusat ilmu selaras dengan falsafah pendidikan negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat keberkecualian tersebut boleh diselenggarakan melalui mekanisme yang bersesuaian dengan prinsip

kebebasan serta hak asasi manusia tanpa membelakangi kedaulatan undang-undang negara.

Bagi tujuan tersebut, satu garis panduan telah disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada masa itu (kini dikenali sebagai KPM) bagi membantu universiti-universiti menyediakan kod tatakelakuan masing-masing untuk mengawal selia aktiviti pelajar, persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dalam aktiviti-aktiviti politik di dalam kampus. Sebarang pelanggaran kod tatakelakuan adalah tertakluk kepada prosiding yang ditetapkan di bawah kod tatakelakuan dan bukan di bawah peraturan tatatertib sedia ada. Kandungan kod tatakelakuan tersebut merupakan pelengkap kepada Aku Janji Pelajar yang akan ditandatangani oleh setiap pelajar baru. Walaupun akan wujud ketidakseragaman antara universiti tetapi ia tidak menjadi masalah kerana Aku Janji Pelajar dan kod tatakelakuan tersebut adalah berasaskan senario dan persekitaran universiti masing-masing.

(d) Hak Pekerja

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah membuat aduan kepada Suruhanjaya pada bulan Oktober, mendakwa bahawa aktiviti melemahkan kesatuan oleh majikan kian berterusan. Menurut MTUC, majikan telah mengambil tindakan tatatertib, menggantung dan memecat pemegang jawatan dan ahli kesatuan.

Antara kes yang disebut oleh MTUC adalah kes Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang telah memecat Presiden, Timbalan Presiden dan 41 orang ahli Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB dan menggantung 27 orang ahli lagi kerana mogok. Dalam kes lain, Malaysia Airlines System Berhad (MAS) telah memecat Presiden Kesatuan Kebangsaan Anak-anak Kapal Kabin Malaysia (NUFAM) kerana telah mengeluarkan kenyataan media. Setiausaha Agung NUFAM dan lima orang ahli kesatuan turut dipecat kerana aktiviti kesatuan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menerusi Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah menerima representasi pemulihan kerja di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] daripada kesemua 97 orang pekerja KTMB (termasuk Presiden dan Timbalan Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja KTMB) yang ditamatkan perkhidmatan atas alasan terlibat dengan aktiviti piket.

Hasil rundingan di antara pihak pengurusan KTMB (majikan) dan pekerja-pekerja tersebut, satu penyelesaian telah dicapai di mana

majikan telah menawarkan pemulihan kerja (tawaran untuk bekerja semula) kepada kesemua pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan. Seramai 96 daripada 97 orang pekerja KTMB yang terlibat telah menerima tawaran majikan tersebut dan kembali bekerja di KTMB.

Penyelesaian yang dicapai oleh 96 orang pekerja yang berkenaan dibuat oleh mereka secara sukarela tanpa sebarang bentuk paksaan, desakan atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Namun demikian, Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja KTMB telah menolak tawaran pemulihan kerja yang ditawarkan oleh pihak KTMB atas sebab-sebab tertentu. Berikutan penolakan tersebut, JPPM telah meneruskan proses representasi pemulihan kerja beliau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 20 Akta 177 di mana Menteri Sumber Manusia kemudiannya telah memutuskan representasi pemulihan kerja Presiden tersebut dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Bagi isu berkaitan Malaysia Airlines System Berhad (MAS), JPPM telah menerima representasi pemulihan kerja di bawah seksyen 20 Akta 177 daripada Presiden NUFAM dan 5 orang ahlinya yang telah ditamatkan perkhidmatannya oleh MAS. Kes tersebut tidak berjaya diselesaikan menerusi rundingan damai di peringkat JPPM dan telah dirujuk oleh Menteri Sumber Manusia ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan.

(e) Pelarian dan Pencari Suaka

i. Pelarian dan UNHCR

Sejumlah 38 aduan berhubung dengan pelarian diterima, kebanyakannya daripada pelarian Myanmar, Pakistan, Syria dan Sri Lanka. Suruhanjaya berjumpa dengan wakil UNHCR pada 5 Mei untuk berbincang lebih lanjut hal-hal yang menjadi kekhawatiran seperti kelewatan pendaftaran UNHCR, pengeluaran kad UNHCR, program penempatan semula, masalah kewangan pelarian, perlindungan yang diberikan oleh UNHCR dan isu penahanan di Hospital Kuala Lumpur.

Memandangkan ia satu-satunya organisasi yang bertanggungjawab untuk pendaftaran pelarian, UNHCR tidak dapat mempercepatkan proses pendaftaran kerana jumlah pelarian yang semakin meningkat, ditambah pula dengan kekurangan kapasiti dan sumber. Selaras dengan itu, UNHCR ingin mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia mempertimbangkan untuk mendaftar kumpulan rentan ini di bawah jentera negara sendiri. Bagi permohonan penempatan semula, menurut UNHCR, semua permohonan perlu dinilai dan penempatan semua perlu berdasarkan kriteria negara penerima.

Disebabkan kekurangan sumber, UNHCR hanya dapat menyediakan bantuan jangka pendek. Bagi kes perubatan, pelarian berdaftar layak menerima diskaun 50% di hospital Kerajaan (dengan surat jaminan daripada UNHCR). Mereka yang diwadkan serta memerlukan pemeriksaan susulan yang kerap akan disediakan dengan bantuan jangka pendek (RM300-RM400 untuk seluruh keluarga). Pasukan Perubatan UNHCR menjalankan lawatan ke Pusat Tahanan Imigresen secara berkala. International Committee on the Red Cross dan NGO lain juga ada menghantar pasukan mereka untuk memberikan ubatan atau mengesyorkan rawatan lanjut.

UNHCR tidak menyediakan rumah perlindungan kerana kekurangan sumber. Walau bagaimanapun, melalui kerjasama dengan NGO, kanak-kanak bawah umur yang tiada penjaga (UAM) serta mangsa seksual dan gender akan dihantar ke rumah perlindungan di bawah pengurusan orang awam yang dipercayai dan komuniti agama. Isu timbul apabila pelarian Muslim Rohingya tinggal di rumah perlindungan Kristian dan UNHCR mencadangkan supaya Suruhanjaya menghubungi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk membantu menyediakan rumah perlindungan untuk pelarian Muslim. Pada masa ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyediakan tempat perlindungan untuk UAM dan Suka Society pula menyediakan khimat kaunseling kepada kanak-kanak tersebut. Pelarian yang dibebaskan dari Pusat Tahanan Imigresen akan tinggal secara sementara di rumah perlindungan di bawah pengurusan NGO. UNHCR tidak lagi melepaskan anak gadis kepada saudara lelaki mereka tanpa siasatan lanjut. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang risiko yang mereka dilepaskan kepada sindiket pelacuran dan mengemis. Sekiranya penahanan berlaku, ahli keluarga tahanan dibolehkan pergi ke UNHCR untuk memohon pelepasan. Semasa lawatan ke Pusat Tahanan Imigresen, UNHCR akan mendaftarkan nama mereka dan memproses permohonan tersebut. Senarai tersebut akan dimajukan kepada Jawatankuasa Rayuan Imigresen untuk pengesahan lanjut dan senarai akhir akan diberikan kepada Pusat Tahanan Imigresen untuk tujuan pelepasan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum permasalahan yang dihadapi oleh pihak UNHCR. dan Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan tugas dan peranan selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara No.23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Yang Memegang Kad UNHCR. Kerajaan tidak bercadang untuk mendaftar sendiri kumpulan pelarian dan pencari suaka ini kerana Malaysia bukanlah ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Sehubungan dengan itu, UNHCR perlu terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam memastikan kebajikan golongan pelarian dan pencari suaka yang ada di Malaysia.

Walaupun tidak terikat dengan mana-mana perjanjian antarabangsa yang berkaitan, Kerajaan mengamalkan dasar perikemanusiaan terhadap nasib pelarian dan pencari suaka, termasuk daripada Myanmar, Pakistan, Syria dan Sri Lanka. Contohnya, Kerajaan pernah menjadikan Pulau Bidong sebagai tapak peralihan buat pelarian Vietnam daripada tahun 1978 sehingga 1991.

Memandangkan kebanyakan pelarian hari ini terdiri daripada masyarakat Islam, Kerajaan melalui JAWI/MAIWP turut mempertimbangkan pendekatan yang telah dipersetujui oleh Dunia Islam sesuai dengan Artikel 11 CDHRI. Seperti cadangan UNHRC melalui SUHAKAM, pelarian Islam pada dasarnya perlu dilindungi di rumah perlindungan Islam. Pada tahap ini, agensi agama hanya menyediakan rumah perlindungan untuk warganegara sahaja. Namun, JAWI/ Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) tiada halangan bagi mana-mana individu muslim untuk menyediakan program dan/atau rumah perlindungan untuk pelarian Islam, khususnya Rohingya

ii. *Tangkapan di Hospital Kuala Lumpur*

Suruhanjaya telah membuat lawatan merangkap mesyuarat dengan Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan pada 12 Mei untuk membincangkan isu penahanan pendatang tanpa dokumen, pelarian tidak berdaftar dan pencari suaka di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Didapati bahawa terdapat arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah HKL supaya Jabatan Imigresen mesti dimaklumkan sekiranya pendatang tanpa izin/pendatang tanpa dokumen mendapatkan rawatan. Setelah dimaklumkan, mereka akan ditahan sebaik saja dibenarkan keluar dari hospital. Semasa lawatan, Suruhanjaya memerhatikan bahawa ibu dan bayi yang baru dilahirkan yang telah ditahan di hospital dibenarkan untuk mendiami bilik yang berasingan dengan kelengkapan asas seperti lampin dan baju. Menurut Jabatan Imigresen, dokumen mereka akan disiapkan secepat mungkin untuk mengelakkan penahanan yang lama.

Jabatan Imigresen dan HKL melaporkan bahawa pihak berkuasa perlu menahan pendatang tanpa izin atas pelbagai sebab, seperti isu kesesakan migran di hospital Kerajaan yang menyebabkan jumlah katil di hospital tidak mencukupi. Sebab lain adalah kebanyakan pendatang tanpa izin tidak mampu membayar bil rawatan, menyebabkan HKL mengalami tunggakan bayaran sehingga RM2.8 juta. Suruhanjaya menyuarkan kekhawatirannya tentang kemungkinan berlakunya pelanggaran hak asasi manusia akibat penahanan pendatang tanpa dokumen di hospital. Ini boleh menyebabkan pendatang tanpa dokumen berasa takut untuk mendapatkan rawatan di hospital, dan ekoran dari itu, ia boleh membawa impak negatif kepada kesihatan awam pula.

Suruhanjaya berpendapat bahawa Kerajaan seharusnya menangani isu pendatang tanpa dokumen dengan cara yang lebih menyeluruh, dengan menangani isu seperti kawalan sempadan, penyalahgunaan visa sosial dan penguatkuasaan terhadap majikan yang mengupah pendatang tanpa dokumen. Pendekatan ini lebih sesuai daripada menahan pendatang tanpa dokumen semasa mereka mendapatkan rawatan di hospital.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Secara prinsipnya, mana-mana pesakit yang tiba di fasiliti kesihatan Kerajaan akan diberikan rawatan selaras dengan piagam pelanggan KKM. Selain itu, kakitangan kesihatan yang menerima pesakit di fasiliti kesihatan juga terikat kepada etika perubatan untuk memberi perkhidmatan yang menyelamatkan nyawa, tanpa mengira status kewarganegaraan dan sosioekonomi pesakit semasa perkhidmatan diberikan (at-the-point-of-service). Malaysia juga merupakan ahli kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mengiktiraf kesihatan sebagai hak asasi manusia dan tiada penolakan untuk pemberian rawatan sewajarnya dibuat kepada mana-mana golongan.

Walau bagaimanapun, KKM tertakluk kepada perundangan sedia ada yang berkaitan dengan imigresen. KKM bertanggungjawab untuk melaporkan kepada pihak berwajib jika terdapat individu berstatus pendatang tanpa izin tanpa dokumen untuk tindakan lanjut pihak berkuasa yang berkenaan.

Kerajaan melalui Jabatan Imigresen menjalankan tugas sejajar dengan Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pasport. Mengikut SOP Jabatan Imigresen, semua aduan/maklumat yang disalurkan perlu diambil tindakan secepat mungkin. Jabatan Imigresen sering mendapat aduan/maklumat mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada di hospital dan Jabatan Imigresen mengambil tindakan ke atas PATI tersebut selepas selesai rawatan. Kerajaan mengambil maklum pandangan pihak SUHAKAM dalam menangani masalah kebanjiran PATI. Untuk makluman pihak SUHAKAM, Jabatan Imigresen telah menjalankan sebanyak 5,452 operasi pada tahun 2014 yang melibatkan tangkapan seramai 37,644 orang PATI dan 557 orang majikan atas pelbagai kesalahan. Pada masa yang sama, Jabatan Imigresen juga menjalankan Program PATI Pulang Secara Sukarela mulai Julai 2014 sehingga kini. Melalui program ini, seramai 112,276 orang PATI telah pulang ke negara asal.

3. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN

(a) Penahanan Kanak-Kanak di Malaysia

Tahun ini Suruhanjaya dan masyarakat umum berusaha untuk mencari alternatif selain penahanan imigresen bagi kanak-kanak. Beberapa mesyuarat telah diadakan bersama Jabatan Imigresen, dan Suruhanjaya mengambil maklum yang Jabatan tersebut turut bersimpati dengan keadaan kanak-kanak di Pusat Tahanan Imigresen (IDC). Pada masa ini tiada alternatif yang ada untuk kanak-kanak yang ditangkap bersama dengan keluarga atau penjaga semasa serbuan. Individu di bawah umur 18 tahun adalah dikecualikan daripada tangkapan tetapi sekiranya mereka ditangkap bersama-sama keluarga atau penjaga, agensi penguatkuasa tiada pilihan selain membawa mereka ke IDC. Pada masa ini terdapat 12 IDC yang mempunyai tahanan termasuk tahanan kanak-kanak. ATD merupakan salah satu daripada cara untuk menyelesaikan isu penahanan kanak-kanak di IDC.

Kanak-kanak di bawah tahanan dibahagikan kepada kategori berikut:

- Lelaki dan perempuan di bawah umur 12 tahun (tinggal di blok wanita)*
- Lelaki berumur 13-18 tahun (tinggal di blok lelaki)*

Pusat tahanan berfungsi sebagai tempat transit sebelum pendatang tanpa dokumen dihantar pulang. Tiada blok tahanan berasingan dengan fasiliti untuk kanak-kanak kecuali di Pusat Tahanan Ajil. Walau bagaimanapun, selepas Operasi Bersepadu, semua pusat tahanan menjadi sesak dan Jabatan Imigresen terpaksa menghantar kanak-kanak ke lokasi lain di seluruh negara dan seterusnya kawasan permainan untuk kanak-kanak di Pusat Tahanan Ajil telah ditutup.

Di pusat tahanan, kanak-kanak diberikan perlindungan, makanan dan penjagaan kesihatan tetapi tiada sebarang fasiliti untuk pendidikan kerana sifat penahanan yang sementara. Kerajaan Malaysia tidak menanggung kos pengusiran yang mana ianya perlu ditanggung oleh kedutaan berkenaan atau ahli keluarga individu yang ditahan. Ini menyebabkan kelewatan dalam proses pengusiran sehingga menyebabkan tempoh tahanan individu dewasa menjadi panjang dan ini juga memberi kesan terhadap kanak-kanak.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Walaupun Malaysia bukan merupakan negara ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967, namun Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan UNHCR bagi menjamin kebajikan dan perkembangan kanak-kanak pelarian atau pencari suaka.

Buat masa ini, Kerajaan membenarkan kanak-kanak ini untuk tinggal sementara di dalam negara dan mendapat akses kepada kemudahan asas seperti tempat tinggal, makanan dan perubatan sehingga satu keputusan dibuat terhadap status penempatan kanak-kanak tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Tindakan Alternatif Kepada Penahanan Imigresen Terhadap Kanak-Kanak telah ditubuhkan oleh KDN. Beberapa mesyuarat jawatankuasa tersebut telah diadakan dengan kehadiran Kementerian/Jabatan/ Agensi yang berkaitan seperti JKM. Jawatankuasa tersebut antara lain telah memutuskan supaya diwujudkan satu kumpulan kerja untuk mengkaji terma rujukan serta mekanisma pelaksanaan ATD khususnya untuk kanak-kanak yang berada di depoh tahanan.

Di samping itu, akses kepada pendidikan di Sekolah Pendidikan Harian turut diberikan tanpa mengira kewarganegaraan atau bangsa berdasarkan kelulusan daripada KPM. Pada masa yang sama, NGO dan individu sukarelawan juga aktif memberikan khidmat pendidikan kepada kanak-kanak pelarian dan pencari suaka di beberapa buah pusat penempatan.

(b) Menubuhkan Kumpulan Kerja Untuk ATD

Suruhanjaya dan beberapa organisasi masyarakat umum, dalam usaha untuk menangani isu kanak-kanak di dalam tahanan Imigresen, telah meneliti pelbagai alternatif kepada penahanan dan juga telah merujuk kepada amalan terbaik di negara lain. Suruhanjaya telah membentangkan cadangan kepada Menteri Dalam Negeri yang menyokong inisiatif tersebut dan meminta Suruhanjaya untuk bekerjasama dengan Jabatan Imigresen. Ekoran itu, satu kumpulan kerja telah dibentuk untuk mengkaji dan membuat cadangan berkenaan pelbagai model ATD. Ahli kumpulan kerja berkenaan adalah Jabatan Imigresen, Suruhanjaya, Jabatan Peguam Negara, JKM dan beberapa kumpulan masyarakat.

Kumpulan kerja ini telah bersetuju untuk memulakan projek perintis di mana kanak-kanak yang tiada penjaga menjadi keutamaan. Kanak-kanak dengan keluarga atau penjaga tidak akan menjadi fokus pada peringkat ini kerana status penahanan ibu bapa mereka. Fokus ini juga terhad kepada kanak-kanak di IDC di Semenanjung.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kumpulan kerja telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali untuk mengkaji dari aspek perundangan dan tatacara bagi memberi hak

penjagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang belum dikenalpasti penjaga dan kewarganegaraannya.

5. AKTIVITI PEMANTAUAN

Suruhanjaya telah memantau empat perhimpunan awam – Hari Mei, ‘Hentikan Rogol: Aku Kisah’, bantahan terhadap projek empangan mega dan ‘Berjalan untuk Keamanan dan Kebebasan’. Sementara Hari Mei diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, dan ‘Berjalan untuk Keamanan dan Kebebasan’ diadakan di hadapan Parlimen, dua lagi perhimpunan diadakan di hadapan SOGO KL dan KLCC.

Menurut peruntukan di bawah PAA 2012, penganjur perhimpunan hanya perlu memaklumkan ketua polis di daerah yang berkenaan tentang perhimpunan yang bakal dijalankan dan tidak perlu lagi memohon permit. Suruhanjaya juga mengambil maklum mengenai keputusan Mahkamah Rayuan pada 25 April yang mengisytiharkan bahawa Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman adalah bercanggah dengan Perlembagaan. Selain itu, Suruhanjaya mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara bahawa SOP Unit Simpanan Persekutuan (FRU) berhubung kawalan orang ramai dan ketenteraman awam akan diperbaharui. Pembaharuan itu termasuk mengurangkan penugasan anggota FRU mengikut keperluan, dan kawalan yang lebih ketat atas penggunaan meriam air dan gas pemedih mata.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di bawah seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman 2012, satu notis perlu diberi kepada Ketua Polis Daerah 10 hari sebelum tarikh perhimpunan. Sekiranya tiada notis diberikan maka penganjur dianggap telah mengadakan perhimpunan tanpa notis. Justeru, PDRM sentiasa mendidik pegawai dan anggota polis agar mematuhi undang-undang sedia ada.

II. BAHAGIAN INKUIRI

1. INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

Suruhanjaya menekankan sekali lagi betapa perlunya Kerajaan mengambil tindakan segera bagi memastikan pelaksanaan awal syor-syor Laporan NI secara efektif, memandangkan masalah tersebut telah sekian lama dihadapi oleh masyarakat Orang Asal. Menyedari bahawa sebarang tangguhan atau perubahan rancangan akan memberi kesan terhadap bajet dan jadual

tindakan susulan NI di pihak Suruhanjaya, pelaksanaan efektif oleh Kerajaan berkenaan syor-syor tersebut serta rundingan dengan pihak berkepentingan amat dinanti-nantikan oleh Suruhanjaya.

Suruhanjaya turut kesal yang Kerajaan tidak menyokong enam syor berkaitan Orang Asal termasuklah syor berkaitan hak tanah adat mereka semasa UPR di Majlis Hak Asasi Manusia, Geneva pada 24 Oktober 2013, yang mana syor tersebut adalah selari dengan syor yang dikemukakan di dalam Laporan NI. Suruhanjaya berharap agar kerajaan dapat mempertimbangkan secara positif dan menerima syor tersebut bagi membuktikan komitmen kerajaan dalam meningkatkan hak asasi manusia di peringkat domestik.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Laporan Pasukan Petugas bagi mengkaji Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Orang Asli telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak Bil.2/tahun 2015 pada 12 Mei 2015.

Di samping itu, Kerajaan menerusi JAKOA, KKLW sentiasa meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan utamanya menangani keperluan masyarakat Orang Asli seterusnya memastikan kebajikan Orang Asli terus terpelihara. Sehubungan dengan itu, JAKOA bertindak sebagai pemudahcara bagi segala urusan berkaitan permohonan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) yang berkaitan, khususnya permohonan pewartaan tanah bagi kawasan penempatan Orang Asli sebagaimana yang terkandung dalam Akta Orang Asli 1954 [Akta 134].

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah mengukur persempadanan penempatan Orang Asli bagi tanah-tanah warta untuk penyediaan Pelan Akui dan juga mengukur sempadan bagi tanah-tanah yang diduduki untuk dipanjangkan permohonan kelulusan kepada PBN. Usaha-usaha yang dilaksanakan ini bertujuan untuk melindungi hak ke atas tanah Orang Asli melalui pewartaan tanah, pembangunan ekonomi melalui projek pembangunan tanah berkelompok di samping melindungi tanah-tanah Orang Asli. Sehingga kini, keluasan tanah yang melibatkan penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia adalah berjumlah 132,867.56 hektar.

Pada masa yang sama, Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah Orang Asli (DPPTOA) telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara kali ke-65 pada 4 Disember 2009. Dasar ini adalah mengikut seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 yang memberi kuasa kepada PBN untuk

memberi milik kepada ketua isi rumah Orang Asli dengan pegangan kekal. Ianya sebagai langkah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup Orang Asli melalui pembangunan tanah secara terancang dan bersepadu selain bertujuan untuk memastikan masyarakat Orang Asli turut serta dalam arus pembangunan.

Dasar ini juga diharap dapat mewujudkan budaya dan nilai-nilai positif dalam kehidupan harian tanpa mengamalkan budaya hidup berpindah randah, sekaligus membantu Kerajaan mempercepatkan usaha membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, DPPTOA ini ditanggihkan pelaksanaannya kerana mendapat bantahan daripada sebilangan masyarakat Orang Asli.

2. SIASATAN AWAM BERKENAAN INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM PADA 28 APRIL 2012

Suruhanjaya dengan berbesar hati mengambil maklum bahawa PDRM akan menyempurnakan draf SOP berhubung kerjasama dengan pengamal media semasa perhimpunan awam sepertimana yang ditekankan oleh PDRM semasa Sesi Dialog Bersama Agensi Kerajaan Tentang Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013 pada 27 November 2013. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa draf SOP ini telah pun diuji semasa perhimpunan awam 'KL 112' pada 12 Januari 2013. Suruhanjaya turut mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh Ketua Polis Negara untuk menilai semula SOP bagi FRU berkenaan tatacara kawalan terhadap orang ramai supaya memenuhi syarat Akta Perhimpunan Aman 2012 dan piawaian antarabangsa. Suruhanjaya berharap agar penilaian semula SOP tersebut akan dilakukan dengan tujuan memperbaiki pengurusan orang ramai sewaktu perhimpunan awam dan juga kerjasama dengan pengamal media.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pihak PDRM telah mengkaji semula SOP bagi penugasan unit FRU dalam mengawal orang ramai sewaktu perhimpunan awam. SOP baru telah dinilai keberkesanannya pada perhimpunan awam "KL 112" pada Januari 2013 dan akan digunakan dalam setiap pengendalian perhimpunan.



BAB 3

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

MUKA SURAT

	I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR
60	1. BIDANG TEMATIK 2013 (a) Hak Kepada Pendidikan Bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (b) Perkhidmatan Penjagaan Untuk Warga Emas Dan Sokongan Kepada Penjaga
79	2. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN (a) Perbincangan Meja Bulat Mengenai Hak Asasi Manusia dan PERNIAGAAN (b) Projek Pejabat Luar Negeri dan Komanwel (FCO)
85	3. PEMANTAUAN PELAKSANAAN NEGARA TERHADAP TRITI ANTARABANGSA (a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) (b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) (c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)
87	4. RESERVASI TERHADAP CEDAW, CRC DAN CRPD (a) CEDAW (b) CRC (c) CRPD
93	5. HAK KEPADA KESIHATAN DAN HIV/AIDS
96	6. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG (a) Rang Undang-Undang Jenayah Kebencian Kaum dan Agama (b) Rang Undang-Undang Rekonsiliasi dan Keharmonian Nasional (c) Akta Dadah Berbahaya

	II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA
98	1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI-INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DANPERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)
99	2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA (HRC)
101	8. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

1. Bidang Tematik 2013

(a) Hak Kepada Pendidikan Bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran

Seperti yang dilaporkan pada tahun 2013, Suruhanjaya memutuskan untuk menjalankan kajian mengenai isu hak kepada pendidikan, dengan tumpuan kepada pendidikan rendah, bagi CWLD. Tumpuan diberikan kepada isu ini atas dua sebab utama. Pertama, Suruhanjaya mendapati kanak-kanak bermasalah penglihatan dan pendengaran sukar mendapat akses kepada pendidikan rendah, berbanding kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Kedua, semasa program kesedaran Suruhanjaya mengenai OKU, kebimbangan telah dibangkitkan mengenai isu akses dan kualiti pendidikan untuk kanak-kanak kurang upaya, terutamanya yang bermasalah pembelajaran. Masyarakat awam berpendapat bahawa sebilangan besar CWLD tercicir daripada pendidikan rendah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bagi CWLD, Kerajaan melalui JKM telah melaksanakan Taman Asuhan Kanak-Kanak bagi Orang Kurang Upaya (TASKA OKU) dan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi intervensi awal dan pembangunan asas CWLD.

Penubuhan TASKA OKU merupakan alternatif baru semenjak tahun 2013 untuk penjagaan dan pendidikan awal bagi kanak-kanak OKU memandangkan keperluannya yang semakin meningkat terutamanya bagi kanak-kanak OKU berfungsi rendah. Ini merupakan antara inisiatif Kerajaan untuk membantu keluarga yang mempunyai anak OKU bagi pendedahan dan pembangunan potensi diri kanak-kanak OKU. Sehingga tahun 2015, Kerajaan telah memberikan geran penubuhan dan geran operasi kepada 6 TASKA OKU untuk pelbagai kategori ketidakupayaan.

Program PDK merupakan kaedah pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial kepada OKU. PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial. Kanak-kanak OKU yang tidak mampu ke sekolah pendidikan khas akan menjalani latihan pemulihan dan pendidikan asas di PDK. Antara aktiviti penting PDK yang berkaitan pendidikan kanak-kanak OKU adalah seperti aktiviti perkembangan bahasa, 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), latihan vokasional dan terapi muzik.

Berdasarkan statistik pendaftaran OKU hingga 11 Mei 2015 dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), jumlah OKU yang berdaftar adalah seramai 338,476 orang, di mana 121,351 orang adalah dalam kategori masalah pembelajaran. Bilangan kanak-kanak OKU yang bermasalah pembelajaran adalah seramai 69,136 orang. Berikut pecahan mengikut kumpulan umur:

- di bawah 6 tahun (6,048 orang)
- 7 - 12 tahun (34,634 orang)
- 13 -18 tahun (28,454 orang)

Suruhanjaya membuat pemerhatian berikut berkenaan dengan isu yang berkaitan dengan hak untuk pendidikan bagi CWLD:

i. Data Mengenai CWLD Yang Berdaftar

Suruhanjaya mendapati bahawa kemasukan CWLD dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan program inklusif telah menunjukkan peningkatan yang stabil. Walau bagaimanapun, bilangan CWLD berbanding dengan jumlah bilangan pelajar yang mendaftar di sekolah rendah kekal rendah pada kira-kira satu peratus.

Semasa meneliti kemasukan CWLD di dalam PPKI, Suruhanjaya mendapati bahawa jumlah CWLD yang mendaftar untuk pendidikan rendah tidak mencerminkan jumlah CWLD yang berdaftar dengan JKM. Rekod KPM menunjukkan bahawa terdapat lebih ramai CWLD di sekolah rendah daripada yang berdaftar dengan JKM.

Wajar ditekankan bahawa pendaftaran orang/kanak-kanak kurang upaya di Malaysia adalah secara sukarela. Oleh itu, adalah tidak mungkin untuk mengukur secara tepat peratusan CWLD yang tidak berdaftar dan yang ketika ini tidak bersekolah di sekolah awam. Suruhanjaya juga telah difahamkan bahawa terdapat satu lagi set data bagi kanak-kanak kurang upaya yang disimpan oleh KKM. Pada masa Laporan ini ditulis, nampaknya terdapat tiga pangkalan data bebas dan berasingan yang disimpan oleh tiga agensi berbeza di Malaysia. Suruhanjaya berpendapat bahawa langkah segera perlu diambil untuk menyesuaikan data ini ke dalam satu pangkalan data yang sama yang boleh dikongsi oleh semua agensi dan yang kemudiannya boleh dibuka kepada pihak lain.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, mereka yang di bawah umur 18 tahun dikategorikan sebagai kanak-kanak. Berdasarkan fakta itu, jumlah OKU yang berdaftar dengan SMOKU, JKM bagi tahun 2012 menunjukkan seramai 50,671 kanak-kanak berdaftar dengan JKM dan 53,983 berdaftar dengan KPM. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, statistik SMOKU menunjukkan seramai 72,597 kanak-kanak yang berumur 7-18 tahun berdaftar dengan JKM manakala statistik KPM menunjukkan 56,406 MBK yang berdaftar untuk kumpulan umur yang sama.

Perubahan tren ini menggambarkan bahawa pada tahun 2013 lebih ramai kanak-kanak berdaftar dengan JKM kerana kempen yang meluas untuk SMOKU dan kesedaran di kalangan ibu bapa tentang keistimewaan dan kemudahan kepada OKU yang berdaftar dengan JKM. JKM juga akan mengadakan Bengkel Penyelarasan Data OKU dengan semua agensi yang berkaitan bagi menyelaraskan semua data OKU melalui SMOKU.

iii. Proses Saringan dan Penilaian

Saringan perubatan ketika ini tidak menghasilkan diagnosis tetapi fungsinya lebih kepada mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai masalah perkembangan. Di samping itu, terdapat beberapa halangan dan masalah yang berkaitan dengan ujian saringan, iaitu:

- Terdapat pegawai perubatan yang tidak dapat mengenal pasti dengan betul kanak-kanak dengan masalah pembelajaran, mungkin disebabkan oleh ketiadaan kurikulum latihan yang sesuai atau yang mencukupi di sekolah-sekolah perubatan untuk mengenal pasti masalah pembelajaran.*
- Terdapat dakwaan bahawa doktor pakar, termasuk doktor pakar kanak-kanak, kurang kemahiran untuk menilai secukupnya dan mengenal pasti jenis-jenis masalah pembelajaran yang lebih ringan seperti disleksia, autisme fungsi tinggi dan dyspraxia.*
- Ujian IQ bukan sebahagian daripada proses saringan. Ini tidak seperti amalan di Amerika Syarikat, di mana Pejabat Pendidikannya telah menerima pakai ujian yang dikenali sebagai 'Model Discrepancy' di mana perbezaan antara IQ dan pencapaian digunakan sebagai kriteria utama dalam mendiagnosis masalah pembelajaran.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

KKM mempunyai tenaga pakar dalam pelbagai bidang berkaitan seperti pakar kanak-kanak, pakar psikiatri (kanak-kanak dan remaja), pakar perubatan keluarga, pegawai pemulihan carakerja, pegawai pemulihan perubatan (pertuturan) dan pegawai psikologi yang mahir dalam menilai dan membuat diagnosa untuk masalah pembelajaran yang disebabkan oleh autism fungsi tinggi dan dyspraxia. Pakar-pakar ini diberi latihan berterusan dan mempunyai minat yang mendalam dalam sub-kepakaran ini. Latihan dan kursus seperti 'Training of Core Trainers on Clinical Practice Guidelines On Management of Autism Spectrum Disorder in Children and Adolescent' diadakan secara berkala untuk meningkatkan kemahiran membuat diagnosa berdasarkan kriteria yang sedia ada. Sehubungan itu, dakwaan yang mengatakan bahawa pegawai perubatan dan doktor pakar kurang berkemahiran untuk menilai dan mengenal pasti jenis-jenis masalah pembelajaran seperti dyslexia, autism dan dyspraxia adalah tidak wajar.

Bagi mengesan murid masalah pembelajaran yang disebabkan oleh disleksia dalam kalangan murid sekolah, KPM telah membangunkan Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD). ISD merupakan satu instrumen ujian saringan bagi mengenalpasti kebarangkalian murid yang mengalami masalah pembelajaran spesifik disleksia. Dapatan ujian saringan ini menjadi rujukan kepada pengamal perubatan KKM untuk membuat pengesahan atau keperluan pemeriksaan lanjut oleh pakar. KKM sentiasa bekerjasama dengan KPM dalam mengesan dan mengesahkan status murid bermasalah dalam pembelajaran. KKM mendapati bilangan murid yang dirujuk secara tahunan adalah di luar kemampuan pakar pediatrik perkembangan kanak-kanak dan psychologist yang sedia ada. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KKM untuk membantu KPM dalam perkara ini ialah:

- a) mengeluarkan borang saringan bagi mengenal pasti murid disyaki bermasalah pembelajaran;
- b) mengeluarkan garis panduan khusus pada tahun 2012 untuk pakar pediatrik, pakar perubatan keluarga dan pegawai perubatan mengenai kaedah mendiagnosa masalah pembelajaran;
- c) melatih pakar perubatan keluarga dan pegawai perubatan yang terlibat dalam mendiagnosa murid yang disyaki menghadapi masalah dalam pembelajaran sejak tahun 2012;
- d) menetapkan bahawa hanya pegawai perubatan dan pakar perubatan yang telah dilatih sahaja boleh memeriksa dan membuat pengesahan murid yang disyaki mempunyai masalah pembelajaran; dan

- e) melaksanakan pendekatan pengesanan dan pengesahan secara pelbagai disiplin di lapangan bagi membolehkan pegawai-pegawai dari pelbagai kepakaran memeriksa seorang murid sebelum pengesahan dibuat dan murid didaftarkan sebagai OKU bermasalah pembelajaran.

Akta OKU menetapkan bahawa diagnosa OKU perlu ditandatangani oleh pegawai perubatan. Dengan ketiadaan education psychologist, diagnosa masalah pembelajaran adalah di bawah bidang kepakaran pakar pediatrik perkembangan kanak-kanak. Pada masa ini, bilangan pakar dalam bidang ini adalah terhad. Di negara maju, diagnosis masalah pembelajaran seperti dyslexia adalah di bawah bidang kuasa education psychologist yang mempunyai kepakaran dalam melaksanakan ujian IQ.

iv. Kemudahan Bangunan dan Keadaan Bilik Darjah

Semasa lawatan ke sekolah-sekolah, Suruhanjaya mendapati, terutamanya di sekolah-sekolah yang lama, bahawa kelas PPKI terletak di bangunan/blok yang terpisah dan kadang-kadang terpencil daripada kelas arus perdana. Bilik darjah bagi pendidikan khas juga kecil dan dibahagi-bahagikan dengan dinding untuk mewujudkan lebih banyak bilik. Beberapa bilik dibahagikan oleh dinding nipis yang diperbuat daripada papan lapis atau rak buku. Walaupun begitu, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa bangunan sekolah-sekolah yang lebih baru adalah berdasarkan reka bentuk bangunan inklusif/sejagat yang mengambil kira keperluan khas kanak-kanak kurang upaya dan dengan itu kemudahan yang sesuai telah dipasang dengan secukupnya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Akta OKU 2008 serta Dasar dan Pelan Tindakan OKU yang diluluskan oleh Kerajaan pada 21 November 2007 menekankan aspek aksesibiliti terhadap bangunan dan persekitaran awam bagi menggalakkan integrasi serta penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat. Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU) memainkan peranan penting untuk memberi syor dan cadangan kepada pihak kerajaan termasuk KPM untuk memastikan pelajar OKU akses kepada sistem pendidikan.

Jawatankuasa Pendidikan di bawah MKBOKU yang dipengerusikan oleh KPM juga sentiasa mengambil langkah untuk menambahbaik kemudahan di sekolah yang masih sukar untuk diakses oleh OKU. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang

bebas daripada halangan bagi memudahkan mobiliti dan akses oleh OKU kepada bangunan dan kemudahan awam. Dari segi perundangan, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 telah dipinda pada tahun 1990 dengan memasukkan Undang-Undang Kecil 34A yang mensyaratkan bangunan-bangunan awam (yang mana orang awam mempunyai akses) disediakan kemudahan untuk OKU seperti ramp, tempat letak kereta khas OKU, tandas OKU dan sebagainya. Undang-undang ini telah diwartakan dan dikuatkuasakan oleh semua PBT mengikut negeri.

Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) melaksanakan pembinaan bangunan sekolah berdasarkan kepada pelan reka bentuk yang dinyatakan dalam projek brief yang disediakan oleh KPM. Projek brief ini mengambil kira keperluan dan spesifikasi bangunan/projek.

Lazimnya KKR melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mengambil kira kemudahan bagi Orang Kurang Upaya dalam membina bangunan kerajaan selaras dengan peruntukan yang digariskan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam.

vi. Bilik Multi-deria

Suruhanjaya mengambil maklum kepentingan kemudahan seperti bilik multi-deria (juga dikenali sebagai bilik 'snoozeland') untuk membantu perkembangan fizikal dan emosi CWLD. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak ada di semua sekolah Kerajaan yang dilawati. Berdasarkan pemerhatian dan dapatan di atas, Suruhanjaya mengesyorkan yang berikut:

- 1. Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Suruhanjaya mengalu-alukan iltizam dan program yang digariskan oleh Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, terutamanya berkenaan pendidikan khas. Bagi memastikan jentera Kerajaan melaksanakan iltizam ini dalam tindakan, Suruhanjaya mengesyorkan supaya suatu mekanisme pemantauan bebas ditubuhkan untuk menilai dan mencartakan kemajuan dan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bilik multi-deria merupakan satu daripada elemen sokongan bagi tujuan terapi dan intervensi. KPM tidak berhasrat untuk menyediakan kemudahan ini di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang akan melibatkan kos yang tinggi. Sehubungan dengan itu KPM menggalakkan kerjasama dengan pihak swasta dalam menyediakan kemudahan ini di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berhasrat untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) yang akan menempatkan pegawai-pegawai pakar dalam bidang pendidikan khas bagi tujuan membantu sekolah untuk melaksanakan pengesanan dan intervensi. Inisiatif di bawah PPPM 2013-2015 dipantau dan dinilai oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU).

2. Penggabungan Data dan Statistik Berkenaan Kanak-kanak Kurang Upaya Termasuk CWLD

Walaupun telah diakui bahawa pendaftaran OKU adalah atas dasar sukarela, Suruhanjaya melihat adanya keperluan untuk data dan statistik yang kukuh dan tergabung, terutamanya berkenaan CWLD, untuk memastikan mereka juga mempunyai kesamarataan akses kepada pendidikan, di kedua-dua peringkat sekolah rendah dan menengah. Perlu ditekankan bahawa pengumpulan data berkenaan kanak-kanak kurang upaya perlulah bersistem, berselaras dan dikongsi bersama oleh agensi Kerajaan yang berkaitan, khususnya JKM, KPM dan KKM.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Dalam proses pendaftaran OKU, KKM merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan kesihatan dan pengesanan ketidakupayaan. Pihak KPM pula bertanggungjawab dalam membuat penilaian untuk menentukan tahap intelektual kanak-kanak dan menyediakan sistem pembelajaran yang sesuai

KPM telah membentangkan kertas cadangan Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Data OKU dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya Bil.3/2011. Mesyuarat bersetuju KPWKMM bertanggungjawab untuk menyelaraskan data OKU diseluruh Negara.

Di samping itu, pengumpulan data kanak-kanak kurang upaya oleh KKM telah bermula pada tahun 2004 secara e-HMIS (*Health Management Information System*) melalui Pusat Informatik Kesihatan, KKM. Data tersebut dijana daripada laporan bulanan kanak-kanak berkeperluan khas yang dikesan berumur 0-18 tahun mengikut daerah kesihatan/negeri (reten KKK 206) serta boleh diakses dan dikongsi bersama agensi kerajaan lain melalui permohonan ke pihak PIK.

Selain itu, SMOKU juga telah diperkenalkan oleh KPWKMM pada tahun 2011 untuk tujuan pendaftaran, pengeluaran kad OKU dan penjanaaan statistik.

3. *Perkembangan PPKI dan Pendidikan Inklusif Kepada Semua Sekolah*

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bermatlamat agar 75% daripada kanak-kanak kurang upaya, termasuk CWLD, disertakan dalam pendidikan inklusif menjelang 2025. Untuk mencapai matlamat ini, adalah penting supaya PPKI diperluaskan kepada semua sekolah dalam gelombang kedua (2016-2020) pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, dan selepas itu mengubah program ini secara beransur-ansur menjadi pendidikan inklusif.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum terhadap keperluan tersebut dan PPKI akan terus beroperasi dan diperluaskan. Walau bagaimanapun, murid yang berpotensi akan dimasukkan ke Program Pendidikan Inklusif (PPI) secara berperingkat.

4. *Menangani Isu Sumber Manusia*

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa banyak universiti dan kolej guru yang menawarkan pendidikan khas sebagai salah satu pilihan pengajaran. Dalam mengalu-alukan perkara ini, Suruhanjaya menekankan kepentingan memastikan bahawa modul universiti tersebut adalah setaraf dengan, dan sentiasa dikemaskini berdasarkan, perkembangan antarabangsa berkenaan dengan pendidikan khas. Kerajaan perlu mengambil langkah segera bagi memastikan guru pendidikan khas diberi penempatan yang sesuai dengan kelayakan dan latihan mereka supaya kemahiran dan kepakaran tersebut disalurkan dengan betul di dalam PPKI.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui BPKhas dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KPM sentiasa memastikan guru pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ditempatkan mengikut opsyen dan menepati keperluan murid berkeperluan khas. Selain itu, Modul Pendidikan Khas di IPTA sentiasa ditambah baik mengikut keperluan semasa.

5. *Peruntukan Sumber Kewangan*

Adalah penting agar sumber kewangan yang mencukupi diperuntukkan bagi membolehkan persekitaran sekolah, khususnya infrastruktur dan kemudahan sekolah, dinikmati oleh semua pelajar. Sumber yang mencukupi juga perlu disediakan untuk mendapatkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menyediakan peruntukan sewajarnya untuk perolehan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai pada setiap tahun, bergantung kepada peruntukan kewangan semasa.

6. Pembentukan Perkongsian Strategik

Suruhanjaya menggalakkan Kerajaan untuk mewujudkan perkongsian strategik/pintar dengan syarikat-syarikat swasta yang, sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat mereka, boleh memberikan sumbangan kewangan bagi peningkatan infrastruktur dan kemudahan sekolah, seperti menyediakan bilik multi-deria. Perkongsian strategik sebegini bukanlah sesuatu yang baru dan telah dimanfaatkan oleh banyak pusat pembelajaran NGO. Kerajaan juga boleh mempertimbangkan untuk meluaskan perkongsian strategik dengan melibatkan NGO dan CSO yang menyediakan pilihan alternatif untuk pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya, terutamanya CWLD.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Perkongsian strategik dengan NGO dan CSO akan membantu MBK dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan peralatan khas yang melibatkan kos yang tinggi. Kerajaan sentiasa bersedia untuk memperluaskan inisiatif ini seperti mewujudkan kerjasama dengan pihak National Autism Society of Malaysia (NASOM). Kerajaan juga berharap pihak NGO dan korporat menjadi key player dalam perkongsian strategik tersebut.

(b) Perkhidmatan Penjagaan Untuk Warga Emas dan Sokongan Kepada Penjaga

Suruhanjaya telah menyediakan Laporan Perkhidmatan Penjagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, yang mengenal pasti isu dan cabaran yang membawa kesan kepada khidmat penjagaan serta para penjaga, seperti yang berikut:

i. Pusat Jagaan Yang Terhad Untuk Warga Emas

Kebimbangan mengenai kekurangan rumah penjagaan dan pusat aktiviti warga emas yang dibiayai oleh Kerajaan, dan juga jumlah bantuan kewangan yang ada untuk warga emas, berbanding dengan jumlah penduduk warga emas di Malaysia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum isu yang dinyatakan dan melalui JKM lebih menekankan konsep jagaan warga emas yang berbentuk community based iaitu seharusnya menjadi tanggungjawab keluarga dan masyarakat untuk mengambil berat dan menjaga warga emas agar mereka tidak rasa dipinggirkan. Sebuah institusi baru ditubuhkan, iaitu Kompleks Sinar Kasih di Nibong Tebal, Pulau Pinang untuk menempatkan warga emas yang hidup sebatang kara serta kanak-kanak yang memerlukan penjagaan.

Bagi institusi yang telah sedia ada, Kerajaan lebih menekankan pendekatan konsep deinstitutionalisation bagi menempatkan semula penghuni di institusi kepada masyarakat dan keluarga. Salah satu program yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah Program Sokongan Sosial melalui Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang memberi kemudahan penglibatan dalam aktiviti kepada warga emas yang tinggal bersendirian semasa ahli keluarga/penjaga tiada di rumah atau keluar bekerja. Sehingga kini JKM telah menyediakan 50 buah PAWE di seluruh Malaysia sejak tahun 2007 hingga 2014.

JKM turut mengadakan Program Khidmat Bantu Di Rumah (Home Help Services) di mana sukarelawan yang telah dilatih akan membantu warga emas yang tinggal bersendirian menguruskan keperluan diri mengikut masa yang ditetapkan. Berdasarkan kepada statistik, sehingga 18 Disember 2014 berbanding dengan tahun 2013, bilangan sukarelawan telah bertambah dari 1,266 orang kepada 1,841 orang manakala warga emas yang mendapat manfaat bertambah dari 3,618 orang kepada 5,128 orang.

Dalam mengatasi isu penjagaan warga emas, JKM juga telah menyalurkan peruntukan dalam bentuk geran pentadbiran dan rangsum kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberi penjagaan kepada warga emas. Sebanyak 26 buah PSK warga emas telah disalurkan geran berjumlah RM3,745,192.00 bagi tahun 2014.

Bagi isu jumlah bantuan kewangan pula, JKM juga menyediakan skim Bantuan Kewangan iaitu Bantuan Orang Tua (BOT) kepada warga emas sebagai satu inisiatif keprihatinan Kerajaan bagi membantu warga emas menampung sebahagian kos sara hidup. Kerajaan telah membelanjakan RM519,297,450.00 kepada 152,138 orang warga emas yang layak bagi BOT pada tahun 2012 dan jumlah ini meningkat kepada RM540,081,900.00 bagi 142,124 orang warga emas pada tahun 2013.

Walau bagaimanapun berlaku penurunan bagi tahun 2014 di mana seramai 138,023 orang warga emas telah menerima BOT yang melibatkan peruntukan sebanyak RM503,030,027.00. Peruntukan yang dibelanjakan untuk BOT melibatkan 30% daripada jumlah peruntukan bagi skim bantuan kewangan JKM pada tahun 2014.

Kerajaan melalui KKM telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif untuk warga emas bermula pada tahun 1996. Pada masa ini, semua klinik kesihatan KKM di peringkat penjagaan kesihatan primer menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas. Perkhidmatan kesihatan di peringkat penjagaan kesihatan primer merangkumi aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan, saringan dan penilaian kesihatan, rawatan, kaunseling dan rujukan, rehabilitasi (anggota dan carakerja), lawatan dan perawatan di rumah dan juga sosial, rekreasi dan kebajikan.

ii. *Mobiliti Yang Terhad*

Ramai warga emas dengan masalah kesihatan yang sukar mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan kerana batasan mobiliti dan ketidakupayaan termasuk masalah kesihatan fizikal dan mental serta pengangkutan awam yang tidak mesra pengguna. Jarak antara pejabat JKM dan kampung di pedalaman menyukarkan warga emas untuk mendapatkan khidmat atau bantuan daripada jabatan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui JKM telah mengambil beberapa langkah berhubung dengan perkara ini, antaranya:

- i. penyediaan pengangkutan melalui 11 Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. Sehingga Oktober 2014, seramai 4,043 orang warga emas telah mendapat manfaat daripada penggunaan perkhidmatan UPWE;
- ii. pelaksanaan perkhidmatan saringan kesihatan serta perawatan untuk warga emas di institusi JKM, warga emas yang terlantar di rumah serta latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah menerusi National Blue-Ocean Strategy 7 (NBOS 7): 1Malaysia Family Care oleh KKM;

- iii. sokongan kepada PSK di mana JKM telah menyalurkan peruntukan dalam bentuk geran pentadbiran dan rangsum kepada PSK yang memberi penjagaan kepada warga emas. Sebanyak 26 buah PSK untuk warga emas telah disalurkan geran berjumlah RM3,745,192.00 bagi tahun 2014;
- iv. Program Home Help Services di mana dari tahun 2012 hingga 2015, perkhidmatan ini telah memberi manfaat kepada 6,318 orang penerima bantuan merangkumi 5,128 orang warga emas dan 1,190 orang OKU serta melibatkan seramai 1,841 orang sukarelawan.

iii. Tiada Undang-undang Khusus Tentang Warga Emas dan Undang-Undang Yang Tidak Lengkap Mengenai Pusat Jagaan Warga Emas

Ketiadaan undang-undang yang jelas di Malaysia yang menetapkan hak warga emas menyebabkan warga emas tidak dilindungi sepenuhnya di bawah undang-undang semasa yang sedia ada. Berkenaan pengawasan pusat jagaan swasta pula, didapati masih banyak pusat jagaan yang tidak mendaftar di bawah Akta Pusat Penjagaan 1993. Khidmat penjagaan di Malaysia berpecah-belah kerana ia disediakan oleh pelbagai kementerian dan jabatan yang berlainan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Setakat ini belum ada cadangan berkaitan pengubalan akta berkaitan hak warga emas. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah melaksanakan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang menggariskan objektif seperti berikut :

- (i) membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua;
- (ii) memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat di kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat;
- (iii) menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi;
- (iv) membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepadu;
- (v) meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur; dan
- (vi) menggalakkan penggunaan hasil penyelidikan sebagai asas dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program warga emas.

Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] diwujudkan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan, dan pemeriksaan pusat jagaan.

Walaupun bagaimanapun, pusat jagaan yang dipantau atau dikawal oleh JKM adalah yang berdaftar mengikut Akta 506 tidak termasuk pusat jagaan yang didaftar di bawah Akta Hospital Persendirian, Akta Pelajaran 1991, Akta Penagih Dadah 1983 dan yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Walaupun Akta ini merujuk kepada beberapa kumpulan sasaran namun warga emas tetap diberi perhatian khusus sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 supaya sentiasa beroperasi dengan mematuhi syarat dan peruntukan yang ditetapkan.

Sekiranya terdapat mana-mana pelanggaran peraturan berkaitan, mereka ini tidak terkecuali dari dikenakan tindakan undang-undang. Sebagai contoh, pada tahun 2014 2 buah pusat jagaan telah dikenakan tindakan kompaun dan 2 buah lagi telah didakwa di mahkamah.

Sehingga 31 Mac 2015, 254 buah pusat jagaan warga emas telah didaftarkan dan JKM sedang mengesan lagi pusat jagaan beroperasi tanpa pendaftaran. Di pihak JKM, elemen penguatkuasaan pada masa ini telah diberi perhatian dan penekanan secara khusus agar semua jenis pusat jagaan yang beroperasi sentiasa mematuhi undang-undang dan seterusnya kebijakan penghuni atau warga emas tetap terbela.

iv. Isu Mengenai Akses Kepada Khidmat Jagaan Kesihatan

Isu berkenaan pesakit terpaksa beratur lama di hospital awam sering disebut, di samping kekurangan gerontologis dan pengamal penjagaan kesihatan asas di Malaysia. Disebabkan kekurangan sumber di hospital awam, warga emas kadang-kala terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan khidmat perubatan termasuk mendapatkan prostesis.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Perkhidmatan kaunter laluan khas telah diwujudkan di kaunter pendaftaran utama dan kaunter Farmasi di hospital KKM. Kaunter laluan khas ini memberi keutamaan pendaftaran kepada warga emas termasuk pesara Kerajaan, golongan kurang upaya, kanak-kanak, ibu mengandung dan penderma darah. Kaunter ini dinamakan kaunter khas R-Lane. Kaunter ini bertujuan mengurangkan masa menunggu untuk pendaftaran semasa menerima rawatan.

Selain itu, perkhidmatan perawatan perubatan yang disediakan oleh Klinik-klinik Pakar di Hospital KKM pula melaksanakan sistem

temujanji secara berperingkat (staggered appointment) di mana para pesakit termasuk warga emas tidak perlu menunggu terlalu lama. Pesakit dinasihatkan datang sekurang-kurangnya 30 minit sebelum waktu temujanji dengan pakar perubatan. Namun begitu, keutamaan ke atas pesakit yang tidak stabil dan tenat dari segi klinikal didahulukan semasa menerima rawatan.

Unit Teknikal Bantuan Perubatan KKM bertanggungjawab menyelaraskan permohonan bantuan perubatan termasuklah untuk golongan warga emas bagi perawatan tertentu. Permohonan yang diterima lengkap akan diproses dalam tempoh sebulan. Bagi pesara warga emas persekutuan, mereka boleh mengemukakan permohonan bantuan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

v. *Dana Yang Tidak Mencukupi Untuk Pusat Jagaan*

Operator kecil kebanyakannya mempunyai masalah sumber kewangan dan sumber manusia yang terlatih dan masalah ini menghalang keupayaan mereka untuk menepati kehendak perlesenan. Bagi para operator, pematuhan syarat perlesenan adalah proses yang leceh dan terlampau birokratik kerana ia memerlukan kelulusan dari pelbagai agensi.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan pembiayaan pelbagai golongan dan memastikan bahawa pemohon yang berdaya maju mendapat akses kepada pembiayaan yang mencukupi daripada institusi perbankan. Faktor-faktor utama yang diambil kira dalam menilai sesuatu permohonan pinjaman termasuk:

- a. aspek daya maju perniagaan;
- b. kedudukan kewangan dan unjuran aliran tunai; dan
- c. integriti pemohon serta sumber pendapatan pemohon.

Pemohon yang memenuhi keperluan-keperluan ini sepatutnya tidak menghadapi sebarang masalah mendapat pinjaman. Sekiranya pemohon yang berdaya maju mempunyai sebarang masalah berkaitan dengan perkhidmatan perbankan, termasuk mendapatkan akses kepada pembiayaan, pemohon boleh menghubungi Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM).

vi. Ketiadaan Standard Penjagaan Minimum Yang Perlu Dipatuhi Oleh Pembekal Penjagaan

Walaupun Kerajaan ada menyediakan dana untuk rumah perlindungan, sokongan dan bantuan pembiayaan tidak selaras antara sumber yang berlainan (awam, NGO dan swasta). Bantuan tersebut berasaskan permohonan yang dibuat dan tidak semestinya mencerminkan kuantum penjagaan yang disediakan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kita Pusat Jagaan 1983 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 telah menetapkan syarat minima pengoperasian berdasarkan standard penjagaan yang perlu dipatuhi oleh pembekal perkhidmatan penjagaan.

NGO yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan memberi perkhidmatan kebajikan akan dipertimbangkan bantuan berdasarkan bilangan penghuni, bilangan petugas sukarela, sumber kewangan serta mematuhi peraturan dan syarat minima pengoperasian di bawah Akta Pusat Jagaan 1983 dan garis panduan pemberian geran Pertubuhan Sukarela Kebajikan JKM.

JKM menyediakan dana dalam bentuk Bantuan Kewangan Kerajaan untuk NGO yang memberi perkhidmatan jagaan dan perlindungan. Bantuan disediakan khusus untuk keperluan catuan makan dan minum, sugu hati petugas dan keperluan pentadbiran NGO dan diberikan berdasarkan peruntukan yang diterima setiap tahun daripada pihak Kementerian Kewangan.

Kerajaan melalui kerjasama di antara KKM dan International Center for Law and Legal Studies (I-CeLLS) di bawah Jabatan Peguam Negara, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) serta JKM sedang menggubal satu Akta bagi mengawal selia perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas di institusi. Akta ini akan menetapkan piawaian minimum untuk penjagaan warga emas.

vii. Pelaksanaan Dasar Yang Lemah Dan Pengagihan Perkhidmatan Yang Tidak Sekata

Cabaran utama dalam melaksanakan program 1Malaysia Family Care (1MFC) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan adalah isu pengangkutan untuk membawa warga emas ke klinik bagi mendapatkan khidmat perubatan serta pemeriksaan susulan, dan juga kesinambungan aktiviti yang dijalankan di bawah program.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di bawah program NBOS7 -1MFC, Kerajaan melalui KKM dan JKM melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan, rawatan serta rujukan untuk warga emas di institusi dan di rumah. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 279 buah pusat jagaan telah dilawati dan hampir 10,100 warga emas telah disaring. Selain itu, seramai 2,150 warga emas yang terlantar di rumah telah disaring dan latihan telah diberi kepada 6,270 orang penjaga warga emas terlantar.

Program ini bertujuan menyediakan perkhidmatan holistik merangkumi perkhidmatan kesihatan dan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU melalui Program Home Help Services.

Selain itu, sukarelawan JKM memberi sokongan sosial kepada warga emas di rumah dan sekiranya warga emas tidak sihat mereka akan membawa warga emas untuk mendapat rawatan di klinik atau merujuk kepada sukarelawan Home Help Services untuk memberi rawatan awal di rumah. Sukarelawan tersebut akan merujuk atau membawa ke klinik/hospital sekiranya warga emas memerlukan pemeriksaan kesihatan.

JKM juga menyediakan kenderaan UPWE dalam komuniti di Pusat Aktiviti Warga Emas yang digunakan untuk membawa warga emas ke klinik/hospital atau ke bandar untuk membeli barang-barang keperluan tanpa ada bayaran. Bagi kawasan yang tiada perkhidmatan UPWE, sukarelawan akan merujuk kepada JKM untuk mendapatkan bantuan. JKM akan meneliti kes tersebut dan menyalurkan bantuan yang bersesuaian kepada klien.

viii. Kekurangan Promosi Hak Warga Emas

Terdapat kekurangan yang jelas berkenaan promosi dan kesedaran tentang hak warga emas dan Dasar Warga Emas Negara. Kekurangan penyelarasan antara agensi telah menghalang pelaksanaan dasar dan pelan tindakan Kerajaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

JKM bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi di bawah Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara yang dianggotai oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Pelbagai promosi telah diadakan dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan isu penuaan di Malaysia. Antara promosi yang dijalankan pada tahun 2014 ialah:

- i. mengedarkan 150 buah buku Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) kepada KPM untuk diedarkan kepada sekolah-sekolah yang bertujuan untuk membangunkan masyarakat prihatin mengenai isu penuaan;
- ii. Promosi Kempen Budi Bahasa di manasebanyak 1,641 kempen melalui TV dan Radio RTM telah dijalankan mulai Januari 2014 sehingga Oktober 2014;
- iii. Kempen Nilai Murni di manasebanyak 8,985 kempen melalui TV dan radio swasta telah dijalankan mulai Januari 2014 sehingga Oktober 2014;
- iv. Slot Temu Bual:
 - a. Ibu Di Hati, Syurga Menanti pada 10 Mei 2014 di TV1; dan
 - b. Tun Dr. Siti Hasmah: Dari Hati Seorang Ibu pada 11 Mei 2014 di TV1;
- v. Laporan Khas Berita Harian mengenai penempatan warga emas di institusi JKM dan aktiviti di PAWE pada 12 Mei 2014; dan
- vii. Laporan Khas RTM TV1 mengenai:
 - a. paparan aktiviti warga emas ketika Ramadhan di PAWE, Bukit Baru, Melaka pada 2 Julai 2014;
 - b. paparan aktiviti warga emas ketika Ramadhan di Rumah Seri Kenangan, Cheras pada 5 Julai 2014;
 - c. paparan aktiviti warga emas ketika Ramadhan di PAWE, Kuantan pada 12 Julai 2014; dan
 - d. paparan aktiviti warga emas ketika Ramadhan di Rumah Ehsan pada 26 Julai 2014.

Selain itu, JKM turut menganjurkan Sambutan Hari Warga Emas pada 1 Oktober setiap tahun bagi memperingati warga emas yang banyak berjasa kepada negara. Antara program yang dijalankan pada tahun 2014 ialah Forum Perdana Ehsan Islam bertajuk 'Antara Anugerah dan Harapan, Lahirnya Sebuah Cinta'.

JKM turut melaksanakan penyelidikan berkaitan warga emas seperti berikut:

- i. Kajian bertajuk Responding to The Needs of Older Persons in Malaysia: Hanging Population Age Structures and Their Implications oleh Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) bermula tahun 2013 sehingga 2017; dan

- ii. Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan Warga Emas yang akan dijalankan pada tahun 2015.

Bagi menyelaraskan agensi-agensi yang terlibat dalam DWEN, mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta dihadiri oleh ahli-ahli majlis dari pelbagai agensi Kerajaan dan NGO berkaitan warga emas diadakan 2 kali setahun. Antara isu berkaitan warga emas yang telah dibincangkan adalah:

- i. masalah kesihatan;
- ii. peluang pekerjaan kedua;
- iii. perumahan;
- iv. aksesibiliti;
- v. peluang pembelajaran sepanjang hayat;
- vi. kajian dan penyelidikan yang telah dilaksanakan;
- vii. aktiviti sosial dan rekreasi; dan
- viii. penjagaan warga emas.

ix. *Isu berkenaan Penjaga*

Perubahan corak gaya hidup di antara ibu bapa dan anak-anak yang telah dewasa, terutamanya yang disebabkan oleh penghijrahan anak-anak ini dari luar bandar ke bandar berikutan peluang pekerjaan, turut memberi kesan kepada bantuan kewangan dan bukan kewangan yang disediakan oleh anak-anak kepada ibu bapa mereka. Di Malaysia, ramai penjaga, terutamanya anak-anak yang telah dewasa, yang berada dalam kategori berpendapatan rendah dan tidak stabil daripada segi kewangan, berasa sangat terbeban kerana mereka terpaksa bekerja keras untuk memenuhi keperluan keluarga sendiri dan pada masa yang sama, perlu menyediakan wang dan penjagaan kepada orang tua mereka.

Dalam usaha untuk menggalakkan perbincangan yang lebih besar, satu salinan laporan itu telah dikemukakan kepada JKM untuk mendapatkan komen mereka dan pada 11 November, satu mesyuarat dengan JKM telah diadakan untuk membincangkan laporan di atas dan juga penemuan Suruhanjaya. Pada masa laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih menunggu maklumat tambahan daripada JKM mengenai isu di atas. Laporan berkenaan akan diedarkan kepada orang ramai pada tahun 2015.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bantuan bagi mengatasi isu berkenaan penjaga. Antaranya seperti berikut:

- i. menubuhkan PAWE di seluruh negara bagi menyediakan kemudahan kepada warga emas menjalani aktiviti terutama yang tinggal bersendirian semasa ahli keluarga/penjaga tiada di rumah. Sebanyak 19 buah PAWE ditubuhkan pada tahun 2007, 3 buah pada tahun 2009, 23 buah pada tahun 2013 (beroperasi tahun 2014). Sehingga tahun 2014, JKM telah menubuhkan sebanyak 45 buah PAWE. Bagi tahun 2015, 5 buah PAWE lagi telah diluluskan penubuhannya dalam Dasar Bajet 2015;
- ii. memberi geran kepada PSKwarga emas yang mengendalikan pusat jagaan warga emas. Bagi tahun 2014, 26 PSK warga emas telah menerima geran dengan jumlah geran sebanyak RM3,745,192.00;
- iii. menyediakan kenderaan UPWE dalam komuniti yang digunakan untuk membawa warga emas ke klinik/hospital atau ke bandar untuk membeli barang-barang keperluan tanpa dikenakan bayaran;
- iv. menyediakan perkhidmatan Home Help Services kepada warga emas. Bagi tahun 2014, seramai 5,128 warga emas telah menerima perkhidmatan ini;
- v. mengadakan kempen kesedaran mengenai nilai-nilai murni melalui media massa bagi mewujudkan rasa hormat dan pengiktirafan warga emas oleh golongan muda; dan
- vi. memberikan BOT sebanyak RM300 sebulan kepada warga emas yang layak bagi tujuan membantu meringankan beban sara hidup warga emas. Sehingga 2014, JKM telah menyalurkan bantuan bulanan kepada warga emas berjumlah RM503,030,027.00 yang memberi manfaat kepada hampir 138,023 warga emas di seluruh negara.

Selain itu, mesyuarat bersama SUHAKAM telah diadakan pada 11 November 2014 bagi membincangkan maklum balas berkaitan Draf Laporan SUHAKAM berhubung Care Services For Older Persons and Support for Caregivers. JKM telah memberikan maklum balas berkaitan isu-isu warga emas yang telah dibangkitkan dalam laporan tersebut. JKM juga telah menghantar laporan tambahan yang diperlukan kepada pihak SUHAKAM dan telah disahkan penerimaannya pada 23 Disember 2014.

2. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN

(a) Perbincangan Meja Bulat Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan

Berikut adalah isu-isu yang telah dibangkitkan semasa PMB yang bertajuk 'Mempromosikan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Malaysia':

- i. Sektor perniagaan harus menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang lebih bertanggungjawab. Sikap saling menghormati perlu ada di antara majikan dan pekerja serta pemahaman yang baik antara peniaga dan pembekal. Sektor perniagaan perlu memastikan bahawa produk mereka adalah selamat untuk pelanggan mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berdasarkan peruntukan Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sarawak (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sabah (Bab 76), setiap penggajian mestilah mempunyai kontrak pekerjaan antara majikan dan pekerja. Oleh itu, kedua-dua pihak mestilah patuh kepada apa-apa terma dan syarat yang telah dipersetujui bersama. Sekiranya kontrak pekerjaan tidak mempunyai terma dan syarat yang tertentu, maka kedua-dua majikan dan pekerja hendaklah merujuk kepada undang-undang buruh.

Bagi memastikan pekerja dan majikan mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing, JTK dan JPPM sentiasa menjalankan aktiviti promosi dan lawatan harmoni bagi menggalakkan sektor-sektor perniagaan menggunakan apa-apa dasar kerajaan berhubung isu perburuhan bagi memastikan hubungan antara pekerja dan sektor perniagaan sentiasa dalam keadaan yang harmoni.

- ii. Undang-undang negara adalah cukup untuk mempertanggungjawabkan sesuatu perniagaan sebagai entiti yang sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, undang-undang tidak memperuntukkan secara khusus bahawa sektor perniagaan mesti mengelak daripada menyebabkan atau menyumbang kepada pencabulan hak asasi manusia melalui aktiviti-aktiviti mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Peruntukan undang-undang buruh meletakkan hukuman ke atas mana-mana pihak yang melakukan pelanggaran di bawah mana-mana undang-undang buruh. Dalam masa yang sama, Kerajaan melalui KSM sentiasa mengkaji dan menambahbaik peruntukan undang-undang buruh bagi memastikan hak-hak pekerja dan majikan sentiasa terpelihara.

- iii. *Sektor perniagaan patut digalakkan untuk mengambil pendekatan sukarela dalam mengawal selia industri mereka sendiri dan bukannya dipaksa untuk mematuhi hak asasi manusia melalui undang-undang atau mekanisme pelaporan. Idea untuk menggunakan pendekatan kawal selia sendiri bagi menyuntik prinsip hak asasi manusia dalam arena perniagaan telah disokong oleh kebanyakan peserta.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pada masa ini, Kerajaan melalui KSM sedang mengkaji semula Akta Kerja 1955 untuk disesuaikan dengan suasana perburuhan semasa. Ini termasuklah melaksanakan konsep self-regulatory berkaitan beberapa permit perburuhan seperti permit wanita bekerja pada waktu malam, permit pendahuluan gaji, permit potongan gaji, permit kerja lebih masa waktu kerja biasa, permit lebih masa 104 jam sebulan, permit bekerja syif, permit mengumpul cuti rehat, permit melaksanakan skim insentif, permit simpan daftar, dan permit simpan daftar dalam bentuk lain.

- iv. *Suatu anjakan paradigma diperlukan untuk berubah daripada konsep Tanggungjawab Korporat (CR) kepada hak asasi manusia, dan ini harus dicerminkan dalam laporan kemampuan perniagaan. Suruhanjaya mendapati bahawa laporan kemampuan sering kali menyeluruh dan baik, walau bagaimanapun, tumpuannya lebih cenderung kepada CR. Hak asasi manusia selalunya tidak disebut secara khusus dan kebanyakan tindakan adalah atas dasar ihsan. Sektor perniagaan digalakkan untuk menyertakan sebarang inisiatif pematuhan hak asasi manusia yang dijalankan dalam laporan kemampuannya.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), KSM telah mengeluarkan beberapa panduan perlindungan perburuhan melalui cetakan, laman web JTKSM, media massa, dan sebagainya untuk dijadikan panduan oleh sektor perniagaan. Antara cetakan yang telah dikeluarkan ialah:

- a) Garis Panduan Indikator Eksploitasi Kerja dan Perkhidmatan Paksa;
- b) Garis Panduan Dasar, Prosedur dan syarat-syarat Penggajian Pekerja Asing;
- c) Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja;
- d) Garis Panduan Penggajian Pembantu Rumah Asing; dan
- e) Kod Amalan Penggajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta.

- v. *Telah dicadangkan bahawa adalah penting untuk mewujudkan 'Senarai Semak Panduan atau Matriks' yang boleh terdiri dari polisi dan perlindungan buruh, produk dan kualiti perkhidmatan, sumber mampan dan pengurusan alam sekitar, tadbir urus korporat dan lain-lain perkara yang berkaitan. 'Senarai Semak Panduan atau Matriks' ini boleh membantu sektor perniagaan meningkatkan pematuhan hak asasi manusia dalam operasi mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui SSM telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk memberikan kefahaman mengenai kepentingan tanggungjawab korporat di kalangan syarikat dan perniagaan di Malaysia. Bagi menjayakan inisiatif-inisiatif ini, jalinan usahasama telah diwujudkan dengan rakan-rakan strategik seperti UNICEF, Institut Integriti Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), WWF dan ahli-ahli Mejabulat Corporate Integrity System Malaysia (CISM) seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Transparency International, Bursa Malaysia, SC dan PEMANDU.

Berdasarkan jalinan usahasama ini, SSM telah menerbitkan panduan-panduan dan pekeliling-pekeliling untuk menggalakkan inisiatif tanggungjawab korporat di kalangan syarikat dan perniagaan di Malaysia. Antara panduan dan pekeliling yang telah diterbitkan adalah seperti berikut:

- a) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 1/2010 bertajuk 'Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak di Tempat Kerja';
- b) et Panduan 'Bagaimana Hendak Menubuhkan Taman Asuhan Kanak-kanak di Tempat Kerja';
- c) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 bertajuk 'Program Penyusuan Susu Ibu di Tempat Kerja';
- d) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 3/2012 bertajuk 'Mencapai Integriti Korporat';
- e) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 4/2013 bertajuk 'Menggalakkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional';
- f) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 5/2013 bertajuk 'Tanggungjawab Korporat: Panduan Penzahiran dan Pelaporan';
- g) Set Panduan SSM bertajuk 'Dari Ikrar kepada Amalan: Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia'; dan
- h) Set Panduan untuk melaksanakan Perniagaan Hijau.

SSM juga akan memperkenalkan sistem pelaporan maklumat bukan kewangan (non-financial reporting) untuk syarikat dan perniagaan melaporkan maklumat bukan kewangan di bawah Akta Syarikat baru. Maklumat yang boleh dilaporkan adalah terbahagi kepada maklumat mengenai amalan persekitaran, amalan bagi pekerja syarikat, amalan bagi komuniti dan sosial.

Kerajaan melalui MPIC juga mengiktiraf sumbangan perniagaan kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setempat menerusi pewujudan peluang pekerjaan dan penjanaaan aktiviti ekonomi. Pada masa yang sama, MPIC turut memastikan syarikat perladangan sentiasa memupuk nilai-nilai murni seperti amalan pertanian baik (*Good Agricultural Practice*), mengadakan perbincangan / konsultasi (free prior informed consent) dengan pihak berkepentingan sebelum melaksanakan kerja-kerja pembangunan serta mematuhi perundangan dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi sektor perladangan sawit, perlindungan hak asasi manusia terkandung di dalam Standard Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) yang meliputi keperluan am kriteria kemampanan dan boleh digunapakai oleh ketiga-tiga sektor iaitu pekebun kecil, ladang dan kilang kelapa sawit dalam rantai bekalan minyak sawit, di mana sebahagian besar daripada amalan baik dilaksanakan.

Selain daripada memberi fokus kepada kemampanan industri minyak sawit, MSPO turut memberi penekanan kepada perlindungan hak asasi manusia yang telah digariskan di bawah prinsip-prinsip berikut:

- a) Prinsip 3 : Pematuhan kepada keperluan undang-undang;
- b) Prinsip 4: Tanggungjawab sosial, kesihatan, keselamatan dan syarat pekerjaan;
- c) Prinsip 5: Alam sekitar, sumber asli, biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem; dan
- d) Prinsip 6: Amalan terbaik.

Standard dan sistem-sistem di atas adalah memadai untuk memastikan kawalan dalaman, tadbir urus dan peruntukan peraturan bagi menjamin keprihatinan sektor komoditi ke atas isu-isu yang dibangkitkan.

(b) Projek Pejabat Luar Negeri dan Komanwel (FCO)

Satu PMB telah diadakan pada 10 November di Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat mengenai keadaan semasa hak asasi manusia dan perniagaan. Berikut adalah isu-isu dan syor-syor yang dibangkitkan semasa perbincangan:

- i. Oleh kerana Malaysia akan mengambil alih jawatan sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan, masanya amat sesuai bagi Malaysia untuk meneroka lebih lanjut isu-isu berkaitan hak asasi manusia dan perniagaan. Memandangkan dasar tidak campur tangan nampaknya telah berubah, yang mana perubahan ini akan memberi kesan kepada isu-isu rentas sempadan, telah dicadangkan supaya negara-negara ASEAN membangunkan dan mengguna pakai satu mekanisme serantau mengenai hak asasi manusia dan perniagaan, yang menggariskan piawai atau panduan bersama bagi isu rentas sempadan terutamanya isu penghijrahan, penyeludupan dan buruh kanak-kanak. Mekanisme ini akan memastikan bahawa negara dan sektor perniagaan bertanggungjawab atas jaminan perlindungan bagi hak asasi manusia semua pihak.
- ii. Isu hak asasi manusia merentasi pelbagai bidang dan oleh itu, dalam menangani isu hak asasi manusia dan perniagaan, kerjasama antara Kementerian/Agensi adalah penting. Dicapangkan supaya Kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa untuk membangunkan Pelan Tindakan Nasional (berhubung hak asasi manusia dan perniagaan) dan Pejabat Perdana Menteri boleh memainkan peranan aktif dalam merealisasikan idea ini. Seterusnya, telah dicadangkan agar Kerajaan memainkan peranan sebagai pemangkin untuk membawa sektor perniagaan dan kumpulan masyarakat sivil, (yang sering bertelingkah kerana perbezaan keutamaan) ke meja yang sama untuk berbincang dan mengenal pasti keutamaan bersama.
- iii. Perbincangan tersebut turut menyatakan bahawa sektor perniagaan perlu memastikan yang pengambilan pekerja asing adalah selaras dengan undang-undang dan dasar yang berkenaan. Penyelesaian perlu bertumpu kepada undang-undang yang berkaitan dengan pekerja asing, dan oleh itu undang-undang di kedua-dua negara yang menghantar dan menerima perlu dikaji semula dan dipinda sewajarnya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui MPIC sentiasa memastikan penggajian pekerja asing sektor perladangan dilaksanakan dengan mematuhi prosedur-prosedur, peruntukan Akta-Akta dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh KDN. Mekanisme kawal selia yang diwujudkan di bawah perundangan tersebut turut mengambil kira aspek kebajikan pekerja asing dan keperluan memenuhi hak asasi manusia.

- iv. Rasuah adalah punca bagi kebanyakan pencabulan hak asasi manusia dan dengan itu memerangi rasuah amat penting dalam usaha untuk menegakkan penghormatan dan perlindungan hak asasi manusia. Adalah ditegaskan bahawa pihak Kerajaan bersungguh-sungguh dalam memerangi rasuah dan telah mengambil langkah-langkah penting untuk menghapuskan rasuah.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menyambut baik keprihatinan SUHAKAM mengenai kepentingan memerangi rasuah di negara ini dalam usaha menegakkan perlindungan hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, rasuah bukanlah punca utama kepada isu ini dalam isu pencabulan hak asasi. Pencabulan hak asasi manusia boleh datang dari pelbagai aspek yang lain. Tidak dinafikan juga, rasuah antara salah satu punca penyumbang kepada perkara ini. Oleh sebab itu, Kerajaan amat memberi penekanan yang tinggi terhadap tindakan memerangi rasuah dalam pelbagai sektor terutamanya perolehan, penguatkuasaan dan juga *grand corruption*.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah dilaksanakan bagi memerangi rasuah termasuklah menjadikannya sebagai salah satu bidang penting dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Melihat kepada isu ini juga, Kerajaan menerusi SPRM bermula pada tahun 2014 telah melaungkan slogan “Dasar Merakyatkan SPRM” dengan memberi penekanan kepada menangani isu-isu rasuah yang berkait rapat dengan masyarakat Malaysia.

- v. Perbincangan tersebut turut mencadangkan agar lebih banyak program kesedaran diadakan tentang perkaitan di antara perniagaan dan hak asasi manusia. Penyebaran maklumat berhubung perkara ini juga perlu dipergiatkan.*

Sebagai sebahagian daripada proses rundingan, Suruhanjaya juga merancang untuk menjalankan temu bual dengan pihak berkepentingan yang berkenaan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; GLC seperti Khazanah, Petronas dan Sime Darby; agensi penguatkuasa seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia; SME Corporation Malaysia serta Dewan-dewan Perniagaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Delegasi SUHAKAM ke sesi lawatan ke FCO di UK pada 1 – 8 Mac 2015 bagi merangka pelan tindakan untuk Hak Asasi Manusia dan Perniagaan bagi Malaysia telah turut disertai oleh SSM. Melalui perbincangan yang telah diadakan pada lawatan tersebut, SSM mendapati bahawa usaha untuk merangka pelan tindakan untuk Hak Asasi Manusia dan Perniagaan ini adalah selari dengan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM. Jika pelan tindakan ini dipersetujui oleh semua pihak yang berkaitan, SSM akan memainkan peranan untuk menyokong SUHAKAM dalam usaha untuk memupuk amalan dan pelaksanaan pelan tindakan tersebut di kalangan syarikat dan perniagaan yang berdaftar di bawah perundangan yang ditadbir oleh SSM.

3. PEMANTAUAN PELAKSANAAN NEGARA TERHADAP TRITI ANTARABANGSA

(a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)

Kerajaan sudah lewat dalam mengemukakan Laporan Negara ke-3, ke-4 dan ke-5 kepada Jawatankuasa CEDAW. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya memutuskan untuk meneruskan dengan penyerahan Laporan Bebasnya kepada Jawatankuasa CEDAW pada 3 Julai. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk mempercepatkan penyerahan Laporan Negara. Suruhanjaya difahamkan bahawa draf laporan gabungan tersebut sedang dikaji oleh Pejabat Peguam Negara.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPWKM telah menerajui penyediaan Laporan Negara yang ketiga, keempat dan kelima CEDAW, meliputi pelaporan status dari tahun 2008 hingga 2013. Laporan Negara tersebut di peringkat semakan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC).

KPWKM mengambil maklum akan kelewatan ini dan sedang bekerjasama dengan pihak AGC dalam mempercepatkan proses memuktamadkan laporan ini sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan seterusnya mengemukakan ke Jawatankuasa CEDAW di Geneva

(b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC)

Suruhanjaya sedang menyiapkan draf Laporan Bebas yang akan mengetengahkan isu-isu berbangkit, termasuk penarikan balik baki reservasi kepada CRC; penyertaan kepada Protokol Pilihan Ketiga bagi CRC berkenaan Prosedur Komunikasi; serta pemastian yang undang-undang domestik dan dasar-dasar kerajaan adalah selaras dengan kewajipan di bawah CRC. Telah diperhatikan bahawa Kerajaan sudah lewat mengemukakan Laporan Negara ke-2, ke-3 dan ke-4 kepada Jawatankuasa CRC.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Penyediaan laporan yang berkaitan sedang dalam peringkat akhir oleh pihak KPWKM dan akan dikemukakan ke perhatian AGC dalam masa yang terdekat.

(c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)

Kerajaan belum mengemukakan Laporan Negara pertamanya yang patut diserahkan pada tahun 2012 kepada Jawatankuasa CRPD. Suruhanjaya difahamkan bahawa semasa penulisan ini, KPWKM masih dalam proses menyediakan Laporan Negara, yang dijangka siap pada akhir tahun. Suruhanjaya telah menyiapkan Laporan Bebasnya dan pada masa ini laporan tersebut sedang diterjemahkan ke bahasa Inggeris dari bahasa Melayu, dan ia dijangka siap awal tahun depan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

KPWKM masih dalam proses menyediakan dan mengemas kini Laporan Negara mengenai CRPD dan laporan ini dijangka akan siap untuk dikemukakan ke AGC pada hujung tahun ini.

4. RESERVASI TERHADAP CEDAW, CRC DAN CRPD

(a) CEDAW

Pada 17 April, satu mesyuarat telah diadakan untuk mendapatkan maklum balas, terutamanya daripada Kerajaan, berkenaan dengan reservasi kepada CEDAW yang masih dikekalkan, iaitu, Artikel 9(2), berkaitan dengan kerakyatan, dan Artikel 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g), yang semuanya tertumpu kepada hak wanita dalam hal-hal perkahwinan dan keluarga.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Reservasi-reservasi terhadap Artikel 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g) perlu dikekalkan setelah mengambil kira aspek Hukum Syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa. Reservasi tersebut tidak menjejaskan maksud dan tujuan konvensyen berkenaan digubal.

Berikut adalah antara isu yang dibincangkan:

- i. Seorang kanak-kanak yang bapanya bukan warganegara pada masa kelahirannya tidak layak untuk mendapat kewarganegaraan kerana Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa kewarganegaraan anak ditentukan oleh kewarganegaraan bapanya. Di samping itu, Malaysia tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan sebagaimana termaktub dalam Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kenyataan yang menyebut “seorang kanak-kanak yang bapanya bukan warganegara pada masa kelahirannya tidak layak untuk mendapatkan kewarganegaraan kerana Malaysia berpegang kepada prinsip kewarganegaraan anak ditentukan oleh kewarganegaraan bapanya”, adalah merupakan kenyataan yang tidak tepat.

Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan peruntukan undang-undang yang jelas mengenai kaedah pemerolehan kewarganegaraan oleh seseorang. Dalam hal ini pemerolehan kewarganegaraan ditentukan oleh beberapa perkara, yang di antaranya adalah berikut:

- a) Tempat di mana kanak-kanak dilahirkan sama ada di dalam Persekutuan atau di luar Persekutuan
- b) Status perkahwinan Ibu dan Bapa
- c) Taraf kewarganegaraan Bapa
- d) Taraf kewarganegaraan Ibu

Penentuan taraf kewarganegaraan kepada kanak-kanak di bawah Kuatkuasa Undang-Undang adalah berdasarkan kepada tempat lahir, taraf kewarganegaraan ibu dan bapa serta taraf perkahwinan ibu bapa semasa kanak-kanak dilahirkan.

Bagi kanak-kanak yang lahir di Malaysia di mana ibu kanak-kanak tersebut adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap dan bapa kanak-kanak tersebut merupakan warganegara atau pemastautin tetap atau bukan warganegara, maka taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut status kewarganegaraan ibu kanak-kanak tersebut.

Selain itu, bagi kanak-kanak yang lahir di Malaysia di mana ibu kepada kanak-kanak tersebut bukan warganegara dan bapa kepada kanak-kanak tersebut bertaraf warganegara atau pemastautin tetap maka taraf kanak-kanak tersebut adalah warganegara mengikut status kewarganegaraan bapa.

Di bawah Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan, Malaysia tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan.

Walau bagaimanapun, dalam hal di mana kanak-kanak dilahirkan di Persekutuan dan tiada perkahwinan di antara ibu dan “bapa”, serta ibunya ‘Bukan Warganegara Malaysia’ dan lelaki yang mendakwa sebagai bapa biologi adalah Warganegara Malaysia, maka penentuan kewarganegaraan telah diperjelaskan di bawah Seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan yang menyebut kewarganegaraan kanak-kanak itu adalah berdasarkan kewarganegaraan ibu yang Bukan Warganegara. Ini adalah kerana tafsiran ‘bapa’ hanya terbentuk melalui satu perkahwinan dan dalam hal ini, kanak-kanak tidak akan diberikan kewarganegaraan berdasarkan kewarganegaraan lelaki yang mendakwa sebagai bapa. Dalam keadaan seumpama inilah menjadi peranan dan tanggungjawab mana-mana wanita warga asing yang melahirkan anak di negara ini untuk berurusan dengan konsulat masing-masing bagi maksud dokumentasi kanak-kanak yang berkenaan. Sebaliknya, sekiranya kanak-kanak tersebut merupakan anak kepada wanita warganegara Malaysia, maka di bawah peruntukan yang sama kanak-kanak boleh memperoleh kewarganegaraan Malaysia mengikut ibunya.

- ii. *Perkahwinan poligami adalah satu bentuk diskriminasi terhadap wanita dan amalan tersebut hendaklah dicegah. Menurut Jawatankuasa CEDAW di dalam Syor Umum No. 21: “Perkahwinan poligami melanggar hak wanita kepada kesaksamaan dengan lelaki, dan boleh membawa kesan emosi dan kewangan yang begitu serius bagi beliau dan orang tanggungan beliau sehinggakan perkahwinan seperti itu patut dilarang dan tidak digalakkan. Jawatankuasa memerhati dengan kekhawatiran bahawa beberapa Negara peserta, yang Perlembagaannya menjamin hak sama rata, membenarkan perkahwinan poligami mengikut undang-undang peribadi atau adat. Ini melanggar hak asasi manusia bagi wanita, dan melanggar peruntukan Artikel 5(a) CEDAW.” Walau bagaimanapun, telah diambil maklum bahawa perkahwinan poligami dibenarkan dalam Islam dan seseorang individu lelaki yang beragama Islam yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh mengamalkan perkahwinan poligami.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berhubung dengan isu poligami, Islam mengharuskan lelaki untuk berpoligami dengan syarat-syarat yang ditetapkan selaras dengan Hukum Syarak. Dalam hal ini, Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri telah memperuntukkan secara khusus mengenai syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh seseorang yang ingin berpoligami.

Oleh itu, seseorang lelaki yang ingin berpoligami hendaklah mendapatkan kebenaran Mahkamah Syariah dengan mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Sebagai contoh, di Wilayah-Wilayah Persekutuan, peruntukan yang berkaitan adalah subseksyen 23(3) dan (4) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Namun begitu, jika didapati seseorang suami yang berpoligami gagal untuk memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri mengikut Hukum Syarak, suami tersebut boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Sebagai contoh, Seksyen 128 Akta 303 mengenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

- iii. *Ia turut menjadi perhatian bahawa, oleh kerana suami dan isteri berkongsi tanggungjawab yang sama dalam perkahwinan, maka diskriminasi di dalam pengagihan harta tidak sepatutnya berlaku; hujah bahawa diskriminasi ini adalah sebab lelaki menanggung beban dan tanggungjawab yang lebih berat daripada wanita tidak lagi terpakai di hari ini.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Secara amnya, Dasar Keluarga Negara (DKN) memberi penekanan kepada kepentingan mengutamakan kesejahteraan keluarga dalam pelbagai aspek, khususnya bio-fizikal, ekonomi, sosio-psikologikal, kerohanian serta persekitaran yang sihat dan selamat. Dasar ini turut menekankan usaha mengarusperdanakan kesejahteraan keluarga dalam dasar, perundangan dan program pembangunan keluarga.

Kerajaan menerusi KPWKM turut mempertingkatkan aktiviti pendidikan kekeluargaan melalui penganjuran program dan aktiviti pendidikan sedia ada seperti:

- i. Kursus Keluarga@Kerja (Parenting@Work);
- ii. Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART;
- iii. Kursus SMARTbelanja@LPPKN;
- iv. Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN; dan
- v. program kekeluargaan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Sepanjang tahun 2014, seramai 205,002 orang ahli keluarga telah menghadiri program-program berkenaan terutamanya di kalangan keluarga high risk dan at risk di seluruh negara. Antara nilai yang diterapkan dalam semua kursus kekeluargaan ini adalah tanggung jawab setiap ahli keluarga khususnya bagi keluarga dual income.

Berhubung isu yang ditimbulkan dalam pembahagian harta antara suami isteri, Islam menekankan aspek pemeliharaan kemaslahatan atau kepentingan kedua-dua pihak dalam pengagihan harta berdasarkan kepada ayat Al-Quran dalam surah an-Nisa', ayat 32. Dari aspek perundangan, seksyen 122 Akta 303 memperuntukkan tentang pembahagian harta sepencarian antara suami isteri perlu dibuat dengan adil.

Malahan, suami atau isteri yang tidak memberikan sumbangan dalam perolehan sesuatu harta, tetap akan mendapat bahagian dalam pengagihan harta tersebut. Selain daripada peruntukan undang-undang yang tersebut di atas, pembahagian harta dalam Islam boleh dibuat melalui hukum faraid dan instrumen-instrumen lain seperti hibah, wasiat dan wakaf.

(b) CRC

Pada 18 Jun, Suruhanjaya telah menganjurkan satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan yang berkenaan termasuk wakil agensi Kerajaan, NGO dan ahli akademik. Berikut adalah antara isu yang dibincangkan:

- i. Kerajaan telah membuat reservasi kepada Artikel 2 CRC atas dasar bahawa artikel tersebut tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang domestik dan dasar-dasar Kerajaan seperti dasar mengenai Bumiputera; Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan tentang rizab kuota berkenaan dengan perkhidmatan dan permit untuk orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak; dan Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan tentang kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak.*
- ii. Telah dinyatakan dengan jelas bahawa pendaftaran kelahiran tidak secara automatik memberi kewarganegaraan kepada mana-mana kanak-kanak; sebaliknya ia hanyalah satu proses pentadbiran. Kewarganegaraan bergantung kepada pematuhan syarat-syarat di bawah Perlembagaan dan undang-undang.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Terdapat 3 peruntukan undang-undang yang diguna pakai berhubung pendaftaran kelahiran kanak-kanak iaitu Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299]; Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian [Sabah CAP 123]; dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian [Sarawak CAP 10]. Berdasarkan kepada ketiga-tiga peruntukan undang-undang tersebut setiap kelahiran kanak-kanak yang lahir di Semenanjung, Sabah dan Sarawak hendaklah didaftarkan dan pendaftaran ini bolehlah dibuat di JPN dan pendaftaran ini tidak hanya tertakluk kepada warganegara malah ia juga diperuntukkan untuk Bukan Warganegara.

Perlu diberi perhatian bahawa pendaftaran kelahiran tidak akan memberikan seseorang itu kewarganegaraan Malaysia secara automatik kerana penentuan kewarganegaraan masih tertakluk kepada Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana sesuatu sijil kelahiran hanya mengesahkan kelahiran kanak-kanak tersebut telah berlaku di Malaysia dan bukan sebagai dokumen yang memberi (confer) kewarganegaraan kepada kanak-kanak tersebut.

Oleh itu, mana-mana warga asing yang telah melahirkan anak di Persekutuan maka adalah menjadi peranan dan tanggungjawab mereka untuk berurusan dengan konsulat kedutaan masing-masing untuk mendapatkan dokumen perjalanan dan dokumen pengenalan diri yang sah dari negara asal masing-masing.

- iii. Terdapat beberapa implikasi sekiranya Kerajaan menarik balik reservasi kepada Artikel 28(1)(a) CRC, misalnya sama ada Kerajaan akan mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menyediakan pendidikan percuma bagi semua kanak-kanak, termasuk kanak-kanak tidak berdaftar, kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak tanpa kerakyatan. Walaupun demikian, telah dibangkitkan juga bahawa Kerajaan harus membangunkan pelan pendidikan khas untuk kanak-kanak tersebut kerana pada masa ini mereka tidak dibenarkan menghadiri sekolah biasa.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Perkara ini telah dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Berhubung Reservasi CRC yang telah diadakan di KPWKM pada 25 November 2014. Perkara ini sedang dikaji secara menyeluruh oleh beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat mengikut bidang kuasa masing-masing agar tidak bercanggah dengan dasar-dasar sedia ada Kerajaan.

(c) CRPD

Pada 25 Jun, Suruhanjaya melalui RPDD telah menganjurkan PMB mengenai 'Penarikan Balik Reservasi Kepada CRPD'. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa:

- i. Kebanyakan peserta bersetuju bahawa reservasi kepada Artikel 15 CRPD (mengenai seksaan atau layanan yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah terhadap OKU) perlu ditarik balik oleh Kerajaan;
- ii. Peserta membangkitkan kebimbangan mengenai ketiadaan peruntukan khusus dalam undang-undang domestik berkaitan kesalahan yang merupakan siksaan dan layanan yang tidak berperikemanusiaan dan yang menjatuhkan maruah;
- iii. Kerajaan perlu memahami dengan jelas sifat dan skop peruntukan Konvensyen dan juga memberikan penerangan terperinci mengenai apa-apa pengisytiharan atau reservasi yang dibuat oleh Malaysia;
- iv. Isu kerakyatan yang termaktub dalam Artikel 18 CRPD adalah elemen penting rasional Kerajaan kepada reservasi tersebut. Para peserta juga bersetuju bahawa Kerajaan konsisten dalam reservasi yang berkaitan dengan isu kerakyatan dan Malaysia telah membuat reservasi yang sama terhadap CRC dan CEDAW; dan

- v. *Masih ada orang yang tidak mengetahui tentang kepentingan mendaftar sebagai OKU dan juga faedah yang disediakan oleh Kerajaan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menerusi KPWKM sedang mengadakan mesyuarat secara bersiri bagi meneliti semula perkara ini, namun masih lagi di peringkat perbincangan dengan Kementerian/Agensi yang berkaitan sebelum keputusan mengenainya dibuat.

5. HAK KEPADA KESIHATAN DAN HIV/AIDS

Suruhanjaya telah menganjurkan tiga PMB mengenai Hak kepada Kesihatan dan HIV/AIDS di Kuching, Sarawak; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Lumpur pada 19, 20 dan 26 November. Pelbagai isu dan cadangan telah dibangkitkan oleh para peserta dan diringkaskan seperti berikut:

- i. *Kesedaran HIV/AIDS di kalangan penduduk di kawasan terpencil di Sarawak dan Sabah adalah agak rendah. Dari perbincangan tersebut, jelas bahawa kesedaran mengenai isu yang berkaitan dengan HIV/AIDS, terutama cara penyakit tersebut berjangkit, adalah sangat rendah. Suruhanjaya berpendapat bahawa pengetahuan mengenai HIV/AIDS adalah penting dalam menangani isu yang berkaitan dengan stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV dan AIDS (PLHIV).*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Sarawak melaksanakan Projek “Kuching Bandaraya Sejahtera Menuju Sifar HIV Menjelang Tahun 2020” pada tahun 2015. Projek ini dimulakan di Bandaraya Kuching dan seterusnya dikembangkan ke Bahagian lain di Sarawak. Di antara strategi yang dilaksanakan adalah advokasi kepada masyarakat tentang HIV/AIDS. Advokasi ini dilaksanakan melalui pelbagai media, termasuk media elektronik dan media cetak yang akan disebarikan kepada semua rakyat Sarawak di bandar dan luar bandar.

Selain itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak juga melaksanakan pelbagai program pendidikan kesihatan sepanjang tahun. Program-program ini adalah seperti program pendidikan HIV di sekolah-sekolah menengah dan program komuniti khusus untuk penduduk di kawasan terpencil. Setiap tahun, Jabatan Kesihatan turut melatih Wakil Kesihatan Kampung (WKK) agar mereka dapat menyampaikan maklumat berkaitan HIV/AIDS kepada penduduk di kawasan tempat tinggal mereka. Pada tahun 2014, seramai 75 orang WKK telah dilatih menggunakan modul “HIV/AIDS untuk WKK” yang dibangunkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

- ii. *Dicadangkan supaya Kerajaan membangunkan satu pelan strategik khusus untuk Sabah dan Sarawak disebabkan oleh faktor geografi dan kekurangan infrastruktur. Di samping itu, turut dicadangkan agar Kerajaan membina rumah-rumah perlindungan yang dilengkapi dengan kemudahan yang cukup dan juga pengamal perubatan untuk membantu PLHIV.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di antara teras pembangunan RMK11 negeri Sarawak adalah untuk memperkukuh pertumbuhan pembangunan infrastuktur. Ini adalah amat penting kerana jaringan infrastruktur yang baik bukan sahaja dapat menghubungkan kawasan-kawasan yang terpencil malahan menyokong kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak juga menyediakan perkhidmatan doktor udara (Flying Doctor Service) untuk penduduk di kawasan terpencil dan mewujudkan Village Health Team yang membuat lawatan sebulan sekali ke kawasan yang dikenal pasti.

Cadangan dalam mewujudkan lebih banyak rumah perlindungan khususnya untuk PLHIV adalah tidak disokong oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Ini kerana kewujudan rumah tumpangan khusus akan meningkatkan stigma terhadap HIV di kalangan masyarakat. Sehubungan itu, adalah lebih penting untuk memberikan latihan kesedaran kepada operator rumah perlindungan mengenai HIV/AIDS agar PLHIV tidak dibezakan/diketepikan oleh masyarakat dan diterima sebagai salah seorang penghuni rumah perlindungan bersama orang yang bukan PLHIV.

- iii. *Para peserta berpendapat bahawa perlu ada satu pendekatan yang bijak dan strategik dalam menangani jangkitan HIV melalui hubungan seks tanpa perlindungan kerana buat masa ini trend jangkitan HIV telah beralih daripada penggunaan dadah suntikan kepada jangkitan melalui hubungan seksual termasuk hubungan jenis heteroseksual dan homoseksual. Populasi yang paling berisiko adalah di kalangan wanita dan kanak-kanak. Sehubungan itu, peserta bersetuju bahawa kesedaran tentang kesihatan seksual reproduktif di kalangan wanita dan kanak-kanak adalah penting untuk menangani masalah tersebut.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pelan strategik bagi menangani jangkitan HIV melalui hubungan seks sedang dibangunkan seiring dengan pelaksanaan projek “Kuching Bandaraya Sejahtera menuju Sifar HIV Menjelang Tahun 2020”. Pelan strategik tersebut dijadikan satu pelan rujukan yang diguna pakai oleh semua Bahagian di Sarawak.

Pada masa laporan ini ditulis, laporan perbincangan meja bulat tersebut sedang disiapkan. Suruhanjaya akan meneruskan penglibatan dengan Kementerian dan agensi berkaitan terutamanya dalam menyediakan input untuk dimasukkan ke dalam Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV/AIDS 2016-2020.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Untuk makluman, Malaysia telah dikategorikan oleh WHO sebagai concentrated epidemic di mana prevalen HIV adalah > 5% dalam kalangan kumpulan berisiko dijangkiti HIV (Key population) berbanding populasi umum. Kumpulan berisiko ini terdiri daripada:

- a) Penagih dadah secara suntikan;
- b) Pekerja seks;
- c) Men having sex with men (MSM); dan
- d) Transgender.

Malaysia telahpun berjaya menurunkan kadar jangkitan HIV dalam kalangan penagih dadah secara suntikan yang dahulunya menjadi pemandu utama jangkitan HIV di Malaysia menerusi beberapa Pelan Tindakan Kebangsaan HIV/AIDS dan Pelan Strategik Kebangsaan. Kerajaan mengambil maklum perubahan tren jangkitan HIV dan sedang mengambil inisiatif yang perlu bagi menangani isu ini menerusi Pelan Strategik Kebangsaan terkini dan ianya akan diteruskan dalam Pelan Strategik Kebangsaan 2016-2020.

Mengenai program advokasi HIV/AIDS di negeri Sabah dan Sarawak, ianya sedang dilaksanakan dan akan diperkukuhkan lagi. Bagi Pelan Tindakan HIV/AIDS bagi negeri Sabah dan Sarawak, ianya juga sudah dan akan diliputi dalam Pelan Strategik Kebangsaan termasuk 2016-2020.

Pada tahun 2014, seminar mengenai HIV dan Wanita telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah. Peserta seminar terdiri daripada kakitangan Kerajaan, swasta, NGO dan pelajar. Di samping itu, pembinaan Rumah Perlindungan HIV dibuat oleh NGO dengan bantuan peruntukan daripada Kerajaan untuk membiayai kos pengoperasian.

Selain itu, JAKIM menjalankan program pencegahan dan kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya dan juga orang yang dijangkiti virus HIV ini. Program-program kesedaran ini turut dijalankan bersama / oleh Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Muslim dalam usaha membendung jangkitan virus ini di kalangan umat Islam khususnya, dan mengurangkan stigma serta diskriminasi terhadap PLHIV. Antara program-program berkenaan ialah:

- a) penyediaan Manual Islam dan HIV;
- b) aktiviti Bersama Komuniti Berisiko;
- c) Mukhayyam (Kem Pemantapan Jati Diri Dan Peribadi); dan
- d) kempen kesedaran.

6. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah menjalankan beberapa kajian mengenai beberapa undang-undang dan rang undang-undang seperti di bawah.

(a) Rang Undang-Undang Jenayah Kebencian Kaum dan Agama

Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk memastikan bahawa skop undang-undang tersebut adalah terhad dengan ketat bagi menghukum jenayah kebencian sahaja dan bukannya penzahiran pendapat atau pandangan. Idea kontroversi dan pendapat yang dibuat dalam konteks debat akademik, penglibatan politik atau aktiviti yang serupa, tanpa hasutan kepada kebencian, penghinaan, keganasan atau diskriminasi, harus dianggap sebagai penggunaan hak kebebasan bersuara yang sah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Draf undang-undang berkaitan dengan Jenayah Kebencian Kaum dan Agama merupakan undang-undang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-Dasar Mempromosi Keharmonian Negara, Majlis Konsultasi Perpaduan NegaraIa berikutan daripada cadangan Kerajaan yang diumumkan pada 11 Julai 2012 untuk memansuhkan Akta Hasutan, 1948 dan menggantikannya dengan undang-undang baharu yang lebih sesuai seperti Akta Keharmonian Nasional.

Namun begitu, Kerajaan telah membatalkan cadangan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan mengambil keputusan untuk mengekalkannya dengan mencadangkan beberapa pindaan dan penambahbaikan. Cadangan ini telah dibentang, dibahas dan diluluskan oleh Parlimen pada 9 April 2015.

(b) Rang Undang-Undang Rekonsiliasi dan Keharmonian Nasional

Selepas mengkaji rang undang-undang tersebut, syor Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i. Walaupun bahasa yang digunakan dalam rang undang-undang tersebut mengikuti bahasa yang digunakan dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, namun, bertentangan dengan Perkara 8, larangan diskriminasi dalam rang undang-undang tersebut nampaknya merangkumi orang yang bukan warganegara Malaysia oleh sebab ungkapan “tempat lahir”; dan*
- ii. Agar “umur” dipertimbangkan sebagai salah satu dasar larangan diskriminasi untuk melindungi orang yang lebih tua.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Cadangan penggubalan akta ini masih di peringkat perbincangan untuk mendapatkan input, pandangan dan ulasan daripada pelbagai kumpulan masyarakat. Beberapa siri PMB, bengkel, forum akan diadakan bagi tujuan tersebut.

(c) Akta Dadah Berbahaya

Suruhanjaya telah menerima satu kunjungan hormat dari Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) khusus untuk membincangkan ‘sunset clause’ yang diperuntukkan di bawah Akta 316. Sepanjang perbincangan tersebut, Suruhanjaya mengambil maklum kebimbangan SUARAM bahawa:

- i. Akta 316 melanggar hak kebebasan asasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan UDHR;*
- ii. Akta 316 tidak berkesan dalam mengurangkan jumlah kesalahan dadah berbahaya di Malaysia;*
- iii. Tiada ketelusan dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa;*
- iv. Selain daripada Akta 316, terdapat undang-undang lain yang lebih komprehensif dan mesra hak asasi manusia seperti Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234); dan*
- v. Penahanan tanpa bicara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 316 boleh membawa kesan menggalakkan rasuah di kalangan mereka yang terlibat.*

Sebagai tindakan susulan kepada mesyuarat itu, Suruhanjaya bersetuju untuk menjalankan satu kajian ke atas Akta 316. Suruhanjaya sedang dalam proses menyiapkan kertas pandangan mengenai perkara ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum akan pandangan SUARAM dan berharap untuk mendapatkan maklum balas terlebih dahulu dari SUHAKAM berkenaan kajian yang dijalankan ke atas Akta 316 serta kertas pandangan yang berkaitan.

II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI- INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)

Kali terakhir Suruhanjaya dinilai dan diberi pentauliahahan adalah pada tahun 2010 dan Suruhanjaya akan dinilai semula pada bulan Oktober 2015. Sungguhpun ia kini berstatus 'A', Suruhanjaya sedar akan sifat proses pentauliahahan ICC yang sentiasa berkembang, yang secara progresif meletakkan standard yang lebih tinggi bagi Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI). Dalam mengambil kira perkara ini, Suruhanjaya telah menyerahkan satu kertas cadangan kepada Kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Paul Low Seng Kuan, yang mengusulkan agar undang-undang penubuhan Suruhanjaya, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, dipinda untuk memperkukuhkan lagi mandat dan kuasa Suruhanjaya bagi membolehkan keberkesanan yang lebih baik dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia. Pada dasarnya, usul tersebut merangkumi syor-syor yang bertujuan:

- i. Menambahbaik proses pemilihan Pesuruhjaya;*
- ii. Melantik Pesuruhjaya sepenuh masa dan/atau anggota Suruhanjaya sambilan*
- iii. Meningkatkan tempoh perkhidmatan anggota Suruhanjaya;*
- iv. Membolehkan Suruhanjaya menjalankan lawatan mengejut ke tempat tahanan;*
- v. Membolehkan Suruhanjaya bertindak sebagai pengantara;*
- vi. Memformalkan proses konsultasi antara Kerajaan dan Suruhanjaya dalam penggubalan dan pindaan undang-undang;*
- vii. Memastikan pemberian dana tahunan yang mencukupi kepada Suruhanjaya menerusi Parlimen;*
- viii. Membolehkan Suruhanjaya memainkan peranan sebagai amicus curiae dalam kes mahkamah yang membabitkan pencabulan hak asasi manusia; dan*
- ix. Memastikan Laporan Tahunan Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen.*

Suruhanjaya amat berharap agar Kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap syor-syor tersebut dan agar syor itu diterima pakai oleh Kerajaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum dan sedang mempertimbangkan syor-syor tersebut.

2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA (HRC)

Suruhanjaya menyambut baik Resolusi keempat HRC Mengenai NHRI, yang telah diterima pakai tanpa undi semasa Sesi ke-27 HRC pada bulan Jun. Menyedari bahawa Resolusi tersebut akan meningkatkan pengiktirafan terhadap peranan penting NHRI, Suruhanjaya telah menggesa Kerajaan untuk menaja bersama Resolusi tersebut. Namun, seperti tahun-tahun terdahulu, Kerajaan tidak berbuat sedemikian.

Semasa sesi dialog yang telah diadakan pada bulan November bagi membincangkan Laporan Tahunan 2013 Suruhanjaya, KLN menjelaskan bahawa walaupun Malaysia tidak menaja bersama Resolusi tersebut, ia telah menyertai konsensus dalam menerima pakai Resolusi itu. KLN selanjutnya menerangkan bahawa pendirian yang telah diambil oleh Malaysia tidak menggambarkan tentangan terhadap Resolusi tersebut, tetapi sebenarnya adalah satu bentuk penerimaan terhadap Resolusi itu. Walaupun Suruhanjaya mengambil maklum dan menghargai penjelasan serta maklum balas yang telah diberikan oleh Kerajaan, ia berpandangan bahawa penajaan bersama Resolusi tersebut merupakan pendirian yang lebih baik bagi Malaysia kerana ini akan mencerminkan sokongan padu negara terhadap objektif dan peruntukan-peruntukan Resolusi itu, yang bertujuan mengukuhkan pengiktirafan terhadap NHRI. Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan menunjukkan sokongan lebih padu terhadap resolusi-resolusi mengenai NHRI di masa akan datang dengan menaja bersama resolusi sebegitu.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerjasama di antara kerajaan dengan institusi hak asasi manusia kebangsaan adalah amat penting dalam mempromosi serta melindungi hak asasi manusia di sesebuah negara. Oleh yang demikian, Malaysia merupakan salah satu negara yang menyokong resolusi tersebut sejak pertama kali ia dibentangkan di Majlis Hak Asasi Manusia.

Resolusi NHRI telah diterima pakai tanpa undi dengan sokongan sebulat suara (adopted by consensus) semasa Sesi ke-27 Majlis Hak Asasi Manusia yang telah diadakan di Geneva, Switzerland. Walaupun Malaysia tidak menaja Resolusi tersebut, ini tidak bermakna Malaysia tidak menyokong Resolusi tersebut.

Pada bulan November, Pelapor Khas mengenai Hak Semua Orang kepada Standard Kesihatan Fizikal dan Mental yang Paling Tinggi, Encik Dainius Puras, menjalankan lawatan negara ke Malaysia untuk menilai keadaan berkaitan pencapaian hak kepada kesihatan di negara ini. Semasa misi beliau, Pelapor Khas tersebut telah mengadakan perjumpaan dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi Kerajaan, ahli Parlimen, organisasi antarabangsa,

CSO dan juga Suruhanjaya. Salah satu isu yang dibincangkan semasa perjumpaan antara Suruhanjaya dan Pelapor Khas tersebut adalah projek Suruhanjaya mengenai hak kepada kesihatan di penjara. Suruhanjaya bersetuju dengan dapatan awal Pelapor Khas tersebut yang mengatakan bahawa sikap diskriminasi yang wujud terhadap kumpulan terpinggir tertentu harus dihapuskan bagi menjamin pencapaian penuh hak kepada kesihatan di negara ini. Suruhanjaya berpendapat bahawa keputusan untuk menjemput Pelapor Khas tersebut adalah suatu inisiatif Kerajaan yang harus dipuji, dan berharap agar Kerajaan akan menjemput Pemegang Mandat Prosedur Khas yang lain seperti Pelapor Khas Mengenai Hak Asasi Manusia Migran dan Pelapor Khas Mengenai Hak Asasi Manusia Orang Asal untuk melawat Malaysia. Pandangan dan syor yang ditawarkan oleh Pelapor Khas amat bermanfaat dalam membantu Kerajaan dan pihak berkepentingan lain mengenalpasti jalan penyelesaian bagi pelbagai isu hak asasi manusia di negara ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Selain daripada Pelapor Khas mengenai Hak Semua Orang kepada Standard Kesihatan Fizikal dan Mental yang Paling Tinggi, Kerajaan juga telah menerima lawatan daripada Pelapor Khas mengenai Pemerdagangan Manusia, Terutamanya di Kalangan Wanita dan Kanak-Kanak, Puan Maria Grazia Giammarinaro.

Kerajaan berpandangan bahawa penerimaan lawatan daripada Pelapor-Pelapor Khas PBB ke Malaysia dapat memberi peluang kepada Kerajaan untuk menjelaskan pendirian negara serta mengenal pasti kekurangan di dalam amalan hak asasi manusia di Malaysia dan mendapat maklumat mengenai amalan terbaik yang boleh dicontohi. Di samping itu, ia juga dapat mengukuhkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab terhadap obligasi hak asasi manusia di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menjemput pihak Pelapor Khas PBB yang lain pada masa akan datang.

8. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu kedua yang telah diadakan pada bulan Oktober, YB Puan Hajah Nancy Shukri selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan maklumat terkini tentang kemajuan pelan tersebut. Beliau telah menekankan bahawa fasa kedua kajian dasar bagi pelan tersebut akan bermula pada tahun 2015 dan akan melibatkan rundingan dengan pihak berkepentingan di seluruh negara. Sebelum Mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah mengemukakan kertas cadangan kepada Menteri, di mana Suruhanjaya telah mengetengahkan kebimbangan dan syor-syor berikut:

- 1. Supaya rundingan yang kerap, bermakna dan menyeluruh diadakan dengan semua pihak berkepentingan di setiap peringkat proses pembangunan pelan tersebut;*
- 2. Supaya wakil-wakil CSO dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu;*
- 3. Supaya penyertaan Malaysia kepada triti teras hak asasi manusia antarabangsa dan juga syor-syor UPR Malaysia diutamakan dalam NHRAP; dan*
- 4. Supaya penyediaan pelan tersebut, yang dijadualkan untuk dilaksanakan pada akhir tahun 2016, dipercepatkan.*

Suruhanjaya memuji Kerajaan atas inisiatif yang telah diambil untuk meningkatkan penglibatan dengan organisasi masyarakat sivil dan berharap agar lebih banyak rundingan yang bermakna dapat dijalankan dalam masa terdekat. Suruhanjaya bersedia untuk menawarkan bantuan kepada Kerajaan dengan memberikan pandangan dan input ke arah pembangunan NHRAP yang berkesan dan praktikal.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah melaksanakan kajian dasar NHRAP Fasa I yang bertujuan untuk menyenaraikan isu-isu hak asasi manusia berdasarkan 5 teras utama NHRAP dengan kerjasama ahli-ahli akademik tempatan. Kajian dasar NHRAP Fasa II akan mula dilaksanakan pada tahun 2015 dengan mengadakan lebih banyak siri rundingan awam, PMB dan interaksi dengan CSO, NGO dan orang awam bagi mendapatkan pandangan dan komen daripada semua kalangan masyarakat mengenai NHRAP yang bakal dibangunkan. Pandangan dan input daripada pihak SUHAKAM dialu-alukan bagi menjayakan pelan tindakan tersebut.



BAB 4

LAPORAN PEJABAT SABAH

LAPORAN PEJABAT SABAH

MUKA SURAT

105

1. ADUAN

105

3. KANAK-KANAK TIDAK BERNEGARA DI MALAYSIA

1. ADUAN

Pejabat Sabah telah menerima 279 aduan yang kebanyakannya melibatkan isu tanah. Prosedur pengendalian aduan menghendaki surat rasmi dikeluarkan kepada agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan penerangan berkenaan status tanah yang menjadi isu. Suruhanjaya turut mengesyorkan agar Jabatan-jabatan di Sabah seperti Jabatan Tanah dan Ukur Sabah disyorkan supaya menubuhkan satu unit khas untuk mengendalikan aduan atau pertikaian bagi mempercepatkan respon terhadap pertanyaan daripada orang awam.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah menubuhkan Unit Khas Tanah Anak Negeri sejak tahun 2013 yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti, mengukur dan mengeluarkan Hakmilik Tanah (Native Title) kepada Anak Negeri yang disahkan tuntutan hak tanah adat Anak Negeri. Selain itu, perkhidmatan Pejabat Bergerak turut disediakan untuk memberikan perkhidmatan in-situ ke kawasan-kawasan luar bandar. Kaunter Pertanyaan Berkomputer di setiap Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah turut diwujudkan untuk memudahkan pemohon mengetahui status permohonan tanahnya.

3. KANAK-KANAK TIDAK BERNEGARA DI MALAYSIA

Pejabat Sabah telah menerima banyak aduan tentang kelewatan JPN dalam memproses dokumen pengenalan terutamanya bagi rakyat tempatan yang telah berkahwin dengan orang migran, anak-anak orang migran dan juga orang asal yang tinggal di kawasan pedalaman.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

JPN mendaftarkan kelahiran berpandukan Akta Pendaftaran Kelahiran 1957 [Akta 229] bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123) bagi Negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak CAP10) bagi Negeri Sarawak. Undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa setiap kelahiran di Malaysia hendaklah didaftarkan.

JPN mendaftarkan taraf kewarganegaraan kanak-kanak yang lahir di Malaysia berpandukan taraf kewarganegaraan dan pendaftaran perkahwinan ibu bapa yang sah mengikut Perlembagaan Persekutuan. Status kanak-kanak sebagai 'Bukan Warganegara' diberikan berdasarkan rekod dan maklumat ibu bapa yang berstatus 'Bukan Warganegara'.

Akses masyarakat khususnya di kawasan pedalaman untuk memohon dokumen pengenalan diri dijalankan melalui beberapa program turun padang seperti Program MyDaftar, Program Pendaftaran Bergerak oleh Unit Khas Bergerak Sabah dan Sarawak serta Unit Mobil di Semenanjung Malaysia. Selain itu, Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) turut menawarkan perkhidmatan seperti yang disediakan di kaunter JPN.

Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian di Sabah (CAP 123) menetapkan bahawa setiap pendaftaran kelahiran lewat di Sabah perlu mendapat pengesahan daripada Majistret Kelas Pertama. Pihak Mahkamah telah mewujudkan Mahkamah Bergerak untuk mengendalikan kes-kes seumpamanya.



BAB 5

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

MUKA SURAT

- | | |
|-----|---|
| 109 | 1. PENYELESAIAN ADUAN
(a) Tanah Adat Anak Negeri |
| 110 | 2. CERAMAH KESEDARAN HAK ASASI MANUSIA DAN HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU) |
| 111 | 3. LAWATAN
(a) Lawatan ke Murum
(c) Lawatan ke Rumah untuk Warga Emas
(d) Lawatan ke Pusat/Sekolah bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran
(g) Lawatan ke Pusat Perlindungan Kanak-kanak
(h) Lawatan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) |

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

1. PENYELESAIAN ADUAN

(a) Tanah Adat Anak Negeri

Aduan berkenaan isu Tanah Adat Anak Negeri yang diterima adalah seperti berikut:

- *Pengawai penguatkuasa yang tidak memandang serius terhadap aduan yang dibuat, malah dalam sesetengah kes, pengadu pula yang dikenakan tindakan;*
- *Pampasan yang tidak dibayar, atau bayaran yang tertunggak, atau jumlah pampasan yang tidak setimpal dalam kes di mana tanah telah diambil oleh pihak berkuasa; dan*
- *Pencerobohan oleh agensi Kerajaan serta syarikat swasta ke dalam kawasan yang dianggap tanah adat anak negeri.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Tanah dan Survei (JTS) mempunyai jawatankuasa khas untuk memantau dan menangani isu-isu semasa dengan segera. Jawatankuasa tersebut akan mengarahkan mana-mana pejabat bahagian untuk memberikan penjelasan jika isu tersebut memerlukan tindakan susulan.

Pampasan kepada penuntut tanah Hak Adat Bumiputera (HAB) tulen ditawarkan berdasarkan nilai pasaran semasa tanah tersebut mengikut peruntukan sedia ada di dalam Kanun Tanah Negeri. Pampasan bagi pengambilan balik tanah merangkumi komponen seperti tanah, bangunan/rumah, tanaman dan elaun gangguan. Kaedah yang lazim dalam penentuan nilai pasaran semasa adalah menggunakan kaedah perbandingan (*comparable methods of valuation*). Sekiranya penuntut HAB tidak berpuas hati terhadap pampasan yang dibayar, mereka boleh merujuk perkara ini untuk dipertimbangkan mahkamah.

Penuntut tidak dibayar pampasan sekiranya siasatan rekod mendapati HAB tidak wujud. Proses timbang tara di bawah seksyen 212 Kanun Tanah Negeri boleh dilaksanakan sekiranya penuntut masih tidak berpuas hati dengan keputusan penguasa yang menolak tuntutan tersebut.

Penuntut perlu memberikan jawapan bertulis sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap jumlah pampasan yang ditawarkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari tarikh keputusan Penguasa. Pembayaran akan dibuat dengan sewajarnya.

Penyelesaian terhadap isu pencerobohan akan diselesaikan dengan merujuk kepada Mahkamah Bumiputera atau Mahkamah Tinggi. Pengambilan balik tanah oleh Kerajaan untuk pembangunan awam selaras dengan peruntukan di bawah Kanun Tanah Negeri Sarawak serta menepati Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan.

2. CERAMAH KESEDARAN HAK ASASI MANUSIA DAN HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Isu yang telah dibangkitkan oleh para peserta:

- *Kesukaran mendapatkan perlindungan keselamatan sosial untuk OKU, warga emas serta fakir miskin.*
- *Tindakan JKM memotong elaun bulanan OKU daripada RM300 kepada RM150 tanpa notis, yang telah menyebabkan ketidakpuasan di kalangan OKU.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Selaras dengan komitmen negara di bawah Konvensyen Mengenai Hak OKU, *Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific 2013-2022*, Akta Orang Kurang Upaya 2008 serta Dasar dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan.

Kerajaan juga menggalakkan lebih ramai OKU berdaftar dengan JKM melalui SMOKU supaya mereka boleh menikmati pelbagai kemudahan dan keistimewaan telah disediakan oleh kerajaan mahupun swasta.

Dalam hal ini, JKM tidak pernah melaksanakan pemotongan elaun bulanan OKU seperti yang dinyatakan. Berdasarkan kepada isu yang dibangkitkan, kemungkinan yang berlaku adalah OKU berkenaan sebelum ini menerima bantuan di bawah skim Bantuan Elaun Pekerja Cacat atas dasar beliau terlibat dalam sesuatu bidang pekerjaan. Walau bagaimanapun, kajian semula kes akan dilakukan oleh pekerja kes dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh 1 tahun kelulusan bantuan tersebut.

Dalam tempoh ini berkemungkinan klien berkenaan telah tidak bekerja atau tidak mampu lagi bekerja dan skim bantuan bulanan yang diterima telah dipinda daripada Elaun Pekerja Cacat (EPC) kepada Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB). Ini menyebabkan bantuan yang diterima perlu diselaras kepada kadar skim baru yang lebih rendah berbanding skim EPC.

Pada masa kini syarat kelayakan bantuan bulanan adalah untuk pemohon yang berpendapatan tidak melebihi RM830. Syarat ini dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Selain itu, perkhidmatan sokongan seperti PDK dan PAWE disediakan di seluruh negeri secara berperingkat. Golongan sasar digalakkan untuk berhubung atau hadir ke pejabat-pejabat kebajikan masyarakat terdekat bagi mendapatkan perkhidmatan sokongan tersebut.

Selain itu, kadar bantuan EPC telah dinaikkan daripada RM300 kepada RM350 sementara Bantuan OKU BTB telah dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 mulai 1 Januari 2015. EPC adalah insentif untuk OKU yang bekerja manakala BTB adalah bantuan kepada OKU yang tidak berupaya bekerja. Dalam kes perubahan kadar bantuan daripada RM300 kepada RM150 pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh pertukaran skim hasil kajian semula ke atas penerima yang tidak lagi bekerja. Setiap kes yang berlaku pertukaran skim akan dimaklumkan kepada penerima. Aduan berkenaan pemotongan elaun bulanan OKU tanpa notis mungkin disebabkan oleh surat yang tidak sampai kepada penerima atau perubahan alamat/nombor telefon penerima.

3. LAWATAN

(a) Lawatan ke Murum

Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke SK Tegulang, penempatan Long Malim dan penempatan Long Wat untuk melihat dan memantau kawasan penempatan baru akibat pembinaan Empangan Murum dan mendapatkan maklum balas daripada kaum Kenyah dan kaum Penan terhadap isu berbangkit.

(i) SK Tegulang

i. Masalah Pengangkutan

Jalan yang digunakan untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah adalah jalan untuk pembalakan yang tidak rata dan licin apabila hari hujan. Ini akan membahayakan keselamatan kanak-kanak tersebut menyebabkan sebilangan ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka ke SK Tegulang. Kenderaan yang disediakan juga tidak mencukupi memandangkan kenderaan tersebut turut digunakan oleh penduduk kampung untuk pengagihan bekalan makanan.

- ii. *Kekurangan Buku Teks*
Tidak semua buku teks telah disalurkan ke sekolah tersebut untuk diberikan kepada kanak-kanak kaum Penan dan kaum Kenyah. Pihak pengurusan SK Tegulang telah melaporkan kepada KPM dan PPD berkenaan perkara tersebut dan tiada maklum balas diterima. Sekolah tersebut berdepan dengan masalah kekurangan guru dan sedang dalam proses mendapatkan guru tambahan daripada KPM.
- iii. *Bantuan Kewangan*
Pihak pengurusan telah memohon bantuan persekolahan sebanyak RM100 untuk setiap murid daripada pihak PPD dan masih belum menerima maklum balas.
- iv. *Bekalan Air dan Elektrik*
Tenaga elektrik yang dihasilkan oleh mesin jana kuasa hanya dibekalkan ke kawasan sekolah dan kuarters guru bagi tempoh enam jam sehari bagi menjimatkan bekalan diesel. Selain itu, terdapat masalah kekurangan bekalan air bersih bagi SK Tegulang dan kuarters guru.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan berusaha menyediakan kemudahan yang komprehensif di sekolah luar bandar dan pedalaman termasuk di Belaga, Sarawak dengan memberi perhatian serta membuat perancangan yang sewajarnya untuk menambah baik kemudahan sekolah pedalaman seperti membina asrama dan kuarters guru bagi mengatasi masalah pengangkutan tersebut. Pelaksanaan projek pembangunan ini sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan agensi pusat dan peruntukan kewangan.

Pada masa ini kerja-kerja survei sedang dijalankan oleh SEB dalam usaha menaiktarafkan jalan ke spesifikasi jalan luar bandar di Penempatan Semula Tegulang. SEB juga turut membuat kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di jalan yang rosak seperti pembentung jalan dan juga menukar jambatan kayu kepada jambatan yang lebih tahan lama akan dilakukan. Bagi memastikan kanak-kanak dapat pergi ke sekolah dengan selamat, SEB juga turut bekerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan Penan Murum, Pejabat Residen Kapit dan Pejabat Daerah Belaga dalam usaha menyelaraskan dan menyediakan dana pengangkutan. Selain itu, SEB juga turut menyediakan jaket keselamatan kepada pelajar-pelajar yang turun ke sekolah menggunakan jalan sungai.

Bantuan buku teks bagi tahun 2015 telah disalurkan ke SK Tegulang. Pihak PPD Belaga telah mengumpul lebih buku teks dari sekolah-sekolah berhampiran untuk diagihkan kepada SK Tegulang bagi memenuhi keperluan semasa sekolah tersebut. Penempatan guru di SK Tegulang telah selesai dilaksanakan bagi tahun 2015.

KPM telah menerima dan sedang memproses permohonan semula bantuan khas persekolahan sebanyak RM100 setiap murid.

Semua buku teks kegunaan 2015 yang dipesan oleh SK Tegulang telah dibekalkan pada 23 September 2014 dan 20 November 2014. Simpanan stok buku teks juga disediakan di PPD Belaga. Sehubungan itu, sekolah yang menghadapi masalah kekurangan buku teks boleh mendapatkannya dari PPD Belaga.

Bagi SK Tegulang, peruntukan sebanyak RM64,320.00 telah diturunkan ke PPD Belaga bagi menampung keperluan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk 142 orang murid selama 190 hari setahun. Di samping bantuan ini, pihak SK Tegulang juga telah menerima sebanyak RM11,800.00 untuk disalurkan kepada 118 orang murid (Fasa 1) Bantuan Khas Awal Persekolahan 1 Malaysia (BKAP1M) yang berjumlah RM100.00 seorang.

SK Tegulang tidak termasuk di dalam skop penyelenggaraan mesin jana kuasa Fasa IV (Januari 2015–Disember 2016). Mesin jana kuasa sedia ada dibekalkan melalui sumbangan pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dimana pembekalan diesel disumbangkan oleh SEB sehingga 25 Jun 2014 setelah kemudahan dan infrastruktur sekolah telah diambil alih oleh pihak sekolah. Pihak SEB adalah di dalam proses membuat kerja ukur, rekabentuk, dokumentasi dan pemanggilan tender bagi kerja-kerja menaiktaraf jalan akses ke Penempatan Metalun dan Tegulang. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula dalam Suku ke-4 2015. Jalan yang telah disiapkan akan diserahkan kepada JKR untuk tujuan penyelenggaraan.

Justeru, pihak sekolah menggunakan dana sendiri bagi mendapatkan bekalan diesel yang mana hanya mampu menampung bekalan elektrik selama 6 jam sahaja. Dimaklumkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak akan mengemukakan cadangan supaya sekolah ini dimasukkan ke dalam Kontrak Penyelenggaraan mesin jana kuasa Fasa IV (melalui perluasan skop kerja semasa) bagi pakej yang berdekatan dengan sekolah ini.

(ii) Penempatan Long Malim

- i. **Elaun Sementara dan Bayaran Pampasan**
Elaun sementara sebanyak RM250 telah diberikan kepada komuniti yang terlibat yang mana ianya dibayar setiap tiga bulan sekali. Selain itu, penduduk kampung juga telah menerima bayaran pampasan sebanyak RM15,000 yang diberikan semasa mereka mula-mula berpindah ke penempatan Long Malim.
- ii. **Reka Bentuk Kediaman**
Keadaan dapur yang dibina tanpa dinding atau pintu menyebabkan berlakunya kecurian barang-barang. Penduduk rumah panjang telah memohon kipas daripada pihak SEB dan masih belum menerima sebarang maklum balas.
- iii. **Bekalan Air Dan Elektrik**
Bekalan elektrik yang dihasilkan oleh mesin jana kuasa dihadkan untuk tempoh enam jam sahaja.
- iv. **Bekalan Makanan**
Berdasarkan Murum Resettlement Action Plan, sebanyak RM650 setiap bulan akan digunakan bagi membeli bekalan makanan untuk kaum Kenyah. Bekalan makanan tersebut hanya dihantar ke penempatan Long Malim sekali setiap dua atau tiga bulan disebabkan oleh kekurangan kenderaan untuk mengangkut bekalan makanan tersebut.
- v. **Pembahagian Tanah**
Berdasarkan Murum Resettlement Action Plan, setiap keluarga akan mendapat sebanyak 15 hektar tanah untuk kegunaan pertanian. Namun begitu, penduduk kampung masih belum menerima 15 hektar tanah seperti mana yang dijanjikan. Penduduk kampung hanya bergantung kepada bekalan makanan dan elaun RM250 yang diberikan untuk meneruskan hidup memandangkan mereka masih belum diberikan tanah pertanian.

(iii) Penempatan Long Wat

- i. **Elaun Sementara dan Bayaran Pampasan**
Elaun sementara sebanyak RM250 telah diberikan kepada komuniti yang terlibat yang mana ianya dibayar setiap tiga bulan sekali. Selain itu, penduduk kampung juga telah menerima bayaran pampasan sebanyak RM15,000 yang diberikan semasa mereka mula-mula berpindah ke penempatan Long Malim.

ii. **Reka Bentuk Kediaman**

Berikut merupakan aduan yang diterima daripada penduduk rumah panjang:

- (a) Longkang yang tersumbat di bahagian belakang rumah belum diambil tindakan oleh SEB;*
- (b) Keretakan pada dinding bilik di rumah Encik Taliwas Paneh belum diambil tindakan oleh SEB; dan*
- (c) Siling di bahagian depan rumah panjang (dewan) yang bocor belum diambil tindakan oleh SEB.*

iii. **Bekalan Air dan Elektrik**

Suruhanjaya dimaklumkan bahawa bekalan elektrik yang dijana menerusi mesin jana kuasa juga dihadkan untuk tempoh enam jam sahaja.

iv. **Bekalan Makanan**

Bekalan makanan dihantar ke penempatan Long Wat setiap dua atau tiga bulan sekali disebabkan kekurangan kenderaan untuk mengangkut bekalan makanan tersebut.

v. **Pembahagian Tanah**

Tiada pembahagian tanah seperti mana yang dijanjikan kepada penduduk kampung. Kerajaan Negeri telah berjanji untuk memberikan kawasan penanaman getah dan kelapa sawit untuk diusahakan dan diuruskan oleh penduduk kampung tetapi sehingga kini, penduduk masih belum menerima tanah tersebut.

vi. **Tempat Pembuangan Sampah**

Penduduk kampung menyatakan bahawa tempat pembuangan sampah tidak disediakan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Penempatan Semula Murum masih di peringkat awal dan hanya selesai pada Disember 2013. Sebelum ini penduduk di Murum tidak menikmati kemudahan dan akses kepada infrastruktur, peluang pendidikan dan kemahiran, jalan raya serta kemudahan awam.

Elaun Sementara Termasuk Bekalan Makanan

Di bawah Pelan Tindakan Penempatan Semula Murum, Kerajaan Negeri Sarawak telah memberi komitmen untuk membantu komuniti yang terlibat dalam penempatan semula ini dengan menyediakan bantuan sementara untuk tempoh 6 tahun pertama sehingga pendapatan yang berterusan boleh diperolehi daripada hasil kebun saradiri dan tanaman kontan.

- i. 2013 – 2015: bantuan dengan nilai maksimum RM850 sebulan untuk setiap isi rumah (RM600 untuk barangan makanan dan keperluan dapur dan RM250 tunai);
- ii. 2016 – 2017: bantuan maksimum akan dikurangkan kepada RM500; dan
- iii. 2017 – 2018: bantuan akan dibuat berdasarkan keperluan yang ditetapkan.

SEB mengakui bahawa terdapat sedikit kesulitan dari segi pengangkutan di peringkat awal pemberian bantuan kewangan dan bantuan makanan kepada setiap isi rumah. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diatasi dengan kerjasama di antara SEB dan Pejabat Daerah Belaga dengan penyelarasan pengangkutan yang lebih berkesan.

Reka Bentuk Rumah

Kerja-kerja rektifikasi telah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor SEB bagi memperbaiki kerosakan atau kecacatan pada struktur rumah panjang dan dewan serbaguna di bawah defect liability period. Sehingga Mac 2015, semua kerosakan dan kecacatan yang telah dikenalpasti selepas penduduk-penduduk di Penempatan Semula Murum berpindah masuk ke rumah baru mereka telah dibaiki. Kerja-kerja rektifikasi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- i. membaikpulih lantai dewan serbaguna yang rosak;
- ii. membaikpulih pagar di semua dewan serbaguna;
- iii. mengecat kesan air di siling akibat atap bocor dan memperbaiki atap yang bocor;
- iv. membaikpulih longkang di sekeliling kawasan rumah;
- v. mengukuhkan penutup untuk semua tangki kumbahan; dan
- vi. mengganti dinding/pintu/siling yang retak.

Bekalan Elektrik Dan Air

Kemudahan dan infrastruktur sekolah telah diambil alih oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Bekalan air dan elektrik kini di bawah selenggaraan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Bekalan elektrik di SK Tegulang adalah 24 jam sehari iaitu dua mesin janakuasa yang disediakan oleh SEB beroperasi secara bergilir untuk setiap 6 jam. Ini bermakna pertukaran operasi mesin janakuasa akan dibuat pada jam 6 pagi, 12 tengahari, 6 petang dan 12 tengah malam. Pengehadan tempoh operasi mesin janakuasa tersebut untuk tujuan penjimatan adalah di bawah budi bicara guru-guru yang tinggal di sekolah tersebut. Bekalan elektrik di kawasan Penempatan Semula

Tegulang dan Long Malim Kenyah bakal menerima bekalan elektrik 24 jam pada hujung bulan Mei 2015 melalui projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB). Kerja-kerja mendirikan tiang elektrik dan penyambungan ke setiap rumah sedang giat dijalankan.

Bekalan air yang disediakan oleh SEB untuk SK Tegulang menggunakan sistem graviti dan sistem penapisan. Sistem ini bergantung sepenuhnya kepada tekanan air dari kolam takungan air di hulu sungai. Jika berlaku bekalan air yang terputus akan dapat diatasi dengan kerja pembersihan di kolam takungan air dan pemeriksaan keadaan paip dijalankan mengikut jadual dan ini memerlukan penglibatan penduduk rumah panjang. Bagi bekalan air ke kawasan Penempatan Semula Tegulang dan Long Malim Kenyah, SEB turut menyediakan sistem rawatan air yang bersih dan selamat diminum dan sesuai untuk komuniti di Tegulang dengan menyediakan sistem rawatan air secara tapisan dan bukan secara rawatan kimia.

Tanah

Di bawah Pelan Tindakan Penempatan Semula Murum, Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk memberikan tanah berjumlah 15.0 hektar untuk setiap isi rumah iaitu 1.0 hektar untuk penempatan dan 14.0 hektar untuk aktiviti pertanian, seperti berikut:

- i. 1.0 hektar untuk penempatan;
- ii. 6.0 hektar untuk penanaman padi;
- iii. 0.5 hektar untuk penanaman sayur;
- iv. 1.5 hektar untuk penanaman ubi kayu, jagung, keladi, kentang dan sebagainya;
- v. 1.0 hektar untuk penanaman buah-buahan (durian, petai, pisang dll);
- vi. 1.0 hektar untuk penanaman sagu; dan
- vii. 4.0 hektar untuk penanaman getah.

Pada masa ini, Jabatan Tanah dan Survei telahpun selesai dengan lot survei bagi 0.5 hektar tanah untuk tujuan aktiviti Home Garden bagi setiap 353 isi rumah. Di samping itu, setiap isi rumah juga akan menerima hak milik tanah bagi rumah mereka iaitu sama dengan projek-projek pembangunan perumahan swasta. Sebagai pemaju projek, SEB akan terus menyokong dan memberi bantuan kepada usaha-usaha ini.

Tempat Pembuangan Sampah

Tempat pembuangan sampah untuk setiap kampung di Penempatan Semula Murum telah disediakan oleh SEB. Tempat pembuangan sampah ini adalah termasuk di dalam pelan pembinaan kawasan penempatan semula ini selain daripada membina rumah, dewan, jalan dan padang. Bagi membantu mereka menjaga kebersihan dengan lebih baik, Jabatan Pertanian Sarawak juga turut memberi tong sampah kepada setiap rumah di Penempatan Semula Murum.

(b) Lawatan ke Rumah untuk Warga Emas

Perkara yang menimbulkan kekhawatiran Suruhanjaya adalah kekurangan kakitangan termasuk sukarelawan. Suruhanjaya mengesyorkan supaya penambahan jumlah kakitangan serta sukarelawan bagi memastikan penjagaan warga emas dapat dilakukan dengan cukup dan dengan lebih baik.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKMNS) telah dan sedang berurusan dengan Kerajaan Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mewujudkan jawatan-jawatan baru termasuk yang diperlukan oleh Rumah Seri Kenangan (RSK) Kuching dan RSK Sibu. Sebahagian isu kekurangan kakitangan ini dijangka dapat diselesaikan pada penghujung tahun 2015. Dalam masa yang sama, JKMNS sedang mengusahakan pertambahan bilangan sukarelawan dan skop perkhidmatan bagi membantu dalam penjagaan warga emas di institusi-institusi melalui inisiatif Wakil Khidmat Kebajikan. Sukarelawan akan diberi latihan menyeluruh mengenai skop perkhidmatan dan kemahiran penjagaan warga emas. Sukarelawan dijangka akan mula melaksanakan perkhidmatan berkenaan pada hujung tahun 2015.

(c) Lawatan ke Pusat/Sekolah bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran

Perkara yang menimbulkan kekhawatiran Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. Kebanyakan sekolah ini kekurangan guru pendidikan khas bagi menampung pertambahan bilangan murid;
- ii. Kebanyakan kelas tidak memiliki peralatan pembelajaran dan pengajaran yang cukup seperti meja, papan putih dan sebagainya;

- iii. Ketika lawatan tersebut, pihak sekolah telah memaklumkan kepada Pejabat Sarawak bahawa mereka berdepan dengan masalah kewangan; dan
- iv. Kekurangan penyertaan ibu bapa serta tahap kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Syor Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

1. Jumlah sekolah pendidikan khas harus ditambah bagi menampung pertambahan pelajar;
2. Kerajaan harus menyediakan infrastruktur yang lebih baik kepada sekolah jenis ini;
3. Kementerian berkaitan perlu mengkaji semula peruntukan yang diberikan kepada sekolah jenis ini; dan
4. Aktiviti yang berkaitan dan juga kempen untuk meningkatkan tahap penyertaan di kalangan ibu bapa serta kempen kesedaran tentang kepentingan pendidikan untuk kanak-kanak dengan masalah pembelajaran wajar diadakan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pengiraan kuota perjawatan guru pendidikan khas adalah berdasarkan bilangan kelas. Ini adalah ketetapan yang telah dibuat oleh pihak KPM. Penempatan guru pendidikan khas berdasarkan formula yang ditetapkan ($\text{Bilangan kelas} \times 1.5 \text{ guru} = \text{Jumlah keseluruhan guru}$).

Sehingga 31 Januari 2015, semua sekolah rendah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) telah diisi dengan guru pendidikan khas. Walau bagaimanapun, JPN masih menghadapi kekurangan guru pendidikan khas bagi sekolah menengah. Ini disebabkan oleh kekurangan bekalan guru pendidikan khas yang ditempatkan ke Sarawak oleh KPM. Bagi menampung kekurangan ini, JPN mengambil inisiatif untuk menggalakkan guru-guru biasa memohon mengajar di program pendidikan khas. Guru-guru biasa yang berminat mengajar di Program Pendidikan Khas akan dihantar berkursus bagi memantapkan lagi dari pedagogi guru tersebut.

KPM dari semasa ke semasa menyalurkan peruntukan-peruntukan bagi memastikan bahawa semua kemudahan dan peralatan bagi MBK adalah mencukupi, bilik darjah yang bersesuaian, selamat serta kondusif.

Sejumlah RM11,123,000 telah disalurkan oleh pihak KPM kepada JPN bagi tempoh 2012–2015. Selain itu, setiap PPKI telah diperuntukkan dengan bantuan perkapita mengikut mata pelajaran.

Sekolah-sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas juga sentiasa melibatkan ibu bapa dan masyarakat setempat untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa berkaitan kepentingan pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran melalui program saranan ibu bapa.

Kerajaan menerusi KPWK M juga menggariskan strategi di bawah Pelan Tindakan OKU dengan menekankan advokasi bagi meningkatkan kesedaran dan membentuk sikap positif di kalangan masyarakat terhadap OKU. Dari segi pendidikan, kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak OKU dan pengetahuan mengenai saluran yang betul untuk mendapatkan maklumat adalah penting. Untuk itu, mereka hendaklah tampil untuk mendaftarkan anak-anak istimewa OKU mereka dengan JKM supaya JKM dapat membantu/memudahkan mereka untuk mendapatkan manfaat dan kemudahan yang boleh dinikmati oleh golongan OKU yang berdaftar terutama dari segi pendidikan supaya anak-anak mereka tidak tercicir dan sistem pendidikan negara.

(g) Lawatan ke Pusat Perlindungan Kanak-kanak

Perkara yang menimbulkan kekhawatiran Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. Mereka benar-benar memerlukan lebih ramai guru dan telah memohon kepada kementerian yang berkenaan untuk menyediakan lebih ramai guru;
- ii. Kelengkapan bilik darjah termasuk buku, meja, papan putih dan rak buku yang tidak mencukupi serta infrastruktur sekolah sedia ada yang tidak diselenggara dengan baik; dan
- iii. Tidak ada pengawal keselamatan wanita diletakkan di SK Taman Seri Puteri.

Syor Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

1. Bilangan guru terlatih harus ditambah untuk ditempatkan di sekolah pemulihan dan pusat perlindungan;
2. Bilik darjah harus dilengkapi dengan lebih baik;
3. Kerja penyelenggaraan sekolah harus dilakukan dengan lebih kerap; dan
4. Keselamatan perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku pada masa depan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pihak JKMNS telah dan sedang berusaha mengisi kekosongan jawatan-jawatan guru di kedua-dua institusi. 2 jawatan Pembantu Pegawai Latihan Gred E17 telah diisi di SK Taman Seri Puteri, Kuching. Sementara bagi Sekolah Tunas Bakti Kuching, 1 jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J29, 2 jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred J17 dan 1 jawatan Jurulatih Ketukangan Gred 17 sudah diisi. Hanya jawatan kader DGA29 untuk Sekolah Tunas Bakti Kuching belum diisi kerana sedang menunggu keputusan pertukaran gred jawatan daripada DGA29 ke gred DGA41 di peringkat Persekutuan. Bilangan guru di kedua-dua institusi adalah mencukupi untuk menampung keperluan latihan kemahiran bagi bilangan pelatih sedia ada.

Bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di kedua-dua institusi, JKM juga membuat permohonan kepada KPM bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut. JKM turut mengambil inisiatif menghantar kanak-kanak untuk mengikuti pendidikan di sekolah harian (luar institusi) untuk mengelakkan berlakunya keciciran pendidikan akademik di kalangan kanak-kanak. Pekerja Sambilan Harian yang berkelayakan juga dilantik oleh JKM bagi memberi kelas-kelas intensif kepada kanak-kanak yang berada di dalam institusi. Perancangan masa hadapan, JKM akan mengadakan perbincangan bersama Kementerian Pendidikan bagi membincangkan berkaitan pertambahan perjawatan dan penambahbaikan perkhidmatan pendidikan kepada kanak-kanak.

Kelengkapan sedia ada adalah mencukupi kerana hanya sebahagian kecil kanak-kanak mengikuti kelas akademik manakala sebahagian besar kanak-kanak mengikuti kelas kemahiran vokasional yang disediakan di institusi berkenaan. Walau bagaimanapun, kedua-dua institusi telah pun menguruskan penambahan kelengkapan bilik darjah termasuk meja, papan putih, buku dan rak buku. Kerja-kerja pembaikan infrastruktur sedang dilaksanakan di kedua-dua institusi berkenaan bermula penghujung tahun 2014 dan dijangka siap pada penghujung 2015.

Kesemua 13 jawatan Pengawal Keselamatan gred KP11 dan KP14 sudah pun diisi. Maka tiada kekosongan lagi bagi pengambilan baru untuk pengawal wanita. Mengikut perkiraan JKMNS, bilangan ini adalah mencukupi untuk menjaga keselamatan Taman Seri Puteri Kuching. JKMNS akan bekerjasama dengan pihak Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan pertukaran pengawal wanita daripada agensi lain bagi menggantikan sebilangan pengawal lelaki di Taman Seri Puteri Kuching.

(h) Lawatan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Perkara yang menimbulkan kekhawatiran Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i. Sepanjang tahun 2014, JKM hanya memperuntukkan RM1000 sahaja untuk kedua-dua pusat;
- ii. Kedua-dua PDK beroperasi di rumah sewa; dan
- iii. Hanya terdapat 11 orang tenaga pengajar di PDK Buntal dan 10 orang tenaga pengajar di PDK Sri Aman.

Syor Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

1. JKM seharusnya menilai semula peruntukan kewangan yang disalurkan kepada pusat-pusat seperti ini memandangkan sumber kewangan mereka sangat terhad;
2. Pusat pemulihan dalam komuniti seharusnya disediakan dengan infrastruktur yang lebih baik; dan
3. Tenaga pelatih di pusat-pusat seperti ini perlu ditambah untuk menampung peningkatan jumlah kemasukan kanak-kanak ke pusat-pusat seperti ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Isu kekurangan sumber kewangan bagi kedua-dua PDK berkenaan adalah kurang tepat. Pada tahun 2014, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) telah menyediakan peruntukan kewangan kepada kedua-dua PDK berjumlah RM384,776.00 bagi pentadbiran dan pengoperasian seperti Elaun Khas OKU, Bayaran Saguhati Penyelia dan Petugas, bayaran utiliti, sewaan premis dan peruntukan program/aktiviti PDK. Peruntukan sebanyak RM 186,740.00 telah disalurkan kepada PDK Buntal dan RM198,036.00 kepada PDK Sri Aman pada pertengahan Mei 2014.

Bagi premis PDK yang infrastruktur tidak sesuai, PDK berkenaan boleh berpindah ke premis lain yang lebih sesuai. Jabatan menyediakan peruntukan sewaan premis PDK sebanyak RM3,000.00 sebulan (maksimum) sekiranya terdapat keperluan. Sementara menunggu peruntukan kewangan daripada Jabatan, PDK berkenaan dibenarkan menggunakan kewangan daripada akaun Jawatankuasa PDK sedia ada dengan persetujuan Jawatankuasa dan perlu dibayar balik.

PDK Sri Aman akan berpindah ke Kompleks Penyayang Sri Aman di Taman Sri Jaya pada penghujung tahun 2015. Premis ini lebih bersesuaian dan banyak ruang untuk aktiviti pelatih PDK. PDK Buntal akan diteliti semula dan akan dilihat keperluan penempatan di premis lain.

Mengikut Garis Panduan Pengurusan PDK, kadar nisbah 1:5 petugas dan OKU di PDK dan 1:10 bagi petugas dan pelatih di rumah adalah mencukupi. Jika ada pertambahan pelatih, PDK berkenaan boleh memohon pengambilan petugas-petugas tambahan kepada JPOKU/JKM Negeri melalui Borang Permohonan Geran Tambahan PDK.



SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

1MFC	1Malaysia Family Care
ABM	Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia)
AGC	Jabatan Peguam Negara (Attorney General's Chambers)
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations)
ATD	Alternatif Kepada Tahanan (Alternative to Detention)
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia
BELB	Bekalan Elektrik Luar Bandar
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
BKAP1M	Bantuan Khas Awal Persekolahan 1 Malaysia
BNM	Bank Negara Malaysia
BOT	Bantuan Orang Tua
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
BPPA	Bahagian Pengoperasian dan Penyelenggaraan Sistem Bekalan Air
BTB	Tidak Berupaya Bekerja
CCTV	Kamera Litar Tertutup (Closed Circuit Television)
CDHRI	Deklarasi Hak Asasi Manusia Dalam Islam Kaherah (Cairo Declaration on Human Rights in Islam)
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on the Elimination of all Forms of Discrimination against Women)
CISM	Corporate Integrity System Malaysia
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child)

CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (Convention on the Rights of Persons with Disabilities)
CR	Tanggungjawab Korporat (Corporate Responsibility)
CSO	Organisasi Masyarakat Sipil (Civil Society Organisation)
CWLD	Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (Children with Learning Disabilities)
DKN	Dasar Keluarga Negara
DPPTOA	Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah Orang Asli
DWEN	Dasar Warga Emas Negara
EIA	Penilaian Impak Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment)
EPC	Elaun Pekerja Cacat
EPM	Etika Perniagaan Malaysia
FCO	Projek Pejabat Luar Negeri dan Komanwel (Foreign and Commonwealth Office Project)
FRU	Unit Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Unit)
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Linked Company)
HAB	Hak Adat Bumiputera
HKL	Hospital Kuala Lumpur
HRC	Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Human Rights Council)
ICC	Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi- Institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights)
ICCPR	Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivik dan Politik (International Covenant on Civil and Political Rights)
i-CeLLS	International Center for Law and Legal Studies

ICERD	Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (International Convention on the Elimination of all Forms of Racial Discrimination)
ICESCR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights)
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization)
ISD	Instrumen Senarai Semak Disleksia
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JKKKOA	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKMNS	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPOKU	Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
JPPM	Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
JTS	Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
KAP	Kurikulum Asli Penan
KBD	Kurikulum Bersepadu DINI
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEDAP	Kelas Dewasa Asli Peribumi
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
LEPAI	Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
MAS	Malaysia Airlines System
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MKBOKU	Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MPPWEN	Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara
MPIC	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (Ministry of Plantation Industries and Commodities)
MSM	Men Having Sex with Men
MSPO	Malaysian Sustainable Palm Oil
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (Malaysian Trades Union Congress)
NASOM	National Autism Society of Malaysia
NBOS	National Blue Ocean Strategy
NGO	Badan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisations)

NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (National Human Rights Action Plan)
NHRI	Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (National Human Rights Institutions)
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Areas)
NI	National Inquiry
NUFAM	Kesatuan Kebangsaan Anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia (National Union of Flight Attendants Malaysia)
OKU	Orang Kurang Upaya
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PAWE	Pusat Jagaan Warga Emas
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance Management Delivery Unit)
PITO	Program Intervensi Tambah Opsyen
PKP	Pasukan Khas Penguatkuasaan
PLHIV	Orang Yang Hidup Dengan HIV Dan AIDS (People Living with HIV or AIDS)
PMB	Perbincangan Meja Bulat
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPLH	Projek Pembangunan Ladang Hutan
PSK	Pertubuhan Sukarela Kebajikan
PTCOP	Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia (Plan of Action on Child Online Protection)
PTWEN	Pelan Tindakan Warga Emas Negara
RMT	Rancangan Makanan Tambahan

RPS	Rancangan Penempatan Semula
RSK	Rumah Seri Kenangan
RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Center)
RUU KK	Rang Undang-Undang Kanak-Kanak
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SEB	Sarawak Energy Berhad
SEMPENI	Sistem Maklumat Pendidikan Islam
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMOKU	Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya
SOP	Standard Operating Procedure
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak bagi Orang Kurang Upaya
OKU	
UDHR	Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (Universal Declaration of Human Rights)
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya

UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNGP	Prinsip-Prinsip Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (United Nations Guiding Principles on Business and Human Rights)
UNCT	Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Country Team)
UNHCR	Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (United Nations High Commissioner for Refugees)
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPR	Penilaian Penggalan Sejagat (Universal Periodic Review)
UPWE	Unit Penyayang Warga Emas
UTC	Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Center)
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation)
WKK	Wakil Kesihatan Kampung



**DISELARASKAN OLEH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang - Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : 603-8885 1000

Fax : 603-8885 1048 / 603-8885 1051

website : www.bheuu.gov.my

ISSN 2289-6562



9 772289 656001